

MUHARAM 1445

www.pmbk.gov.my

PERCUMA

MUSALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

QIADAH

Kelantan BANGUNKAN KEMUDAHAN **RAKYAT**



MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN



Perumahan Kami, Impian Anda



Kami menawarkan harga terendah kepada anda dengan harga

RM399,500

Tawaran Hebat

RM439,000

Harga Istimewa

POTONGAN DARI HARGA ASAL




Cepat rebut peluang ini dengan mengisi Kod QR yang kami berikan.

INTRODUCER AKAN MENDAPAT 1% DARIPADA HARGA JUALAN

PASIR GENDA
TANAH MERAH
KELANTAN

PELAN SUSUN ATUR WADI IMAN PMBK 2 UNIT SEMI-D & 12 UNIT BANGLO



BERBAKI 4 UNIT LAGI

Hubungi segera:

019-932 2295

Pn. Gee

016-220 1669

En. Shahrul

0111-942 1245

Cik Dina

کیمپین کس جهت راءن وانیتا

RM250,000

Bagi Saringan Kesejahteraan Payudara (PAYUNG) 2023

Dapatkan Pemeriksaan Di

10 PUSAT KESIHATAN DAERAH



PENDAFTARAN
Program Saringan Kesejahteraan Payudara

PAYUNG 2023

Syarat pengambilan:

- Wanita Kelantan.
- Berumur 35 - 70 tahun.

Anda tidak layah sekarang:

- Demam
- Menyusu bayi
- sedang menjalani rawatan payudara
- Membuat pembedahan payudara dalam tempoh 12 bulan yang lalu

PROSES SARINGAN

- 1 Daftari
- 2 Takhimat
- 3 Boring pectoralis
- 4 Detektasi Klorofil Payudara
- 5 Bruster
- 6 Rujukan (jika diperlukan)

SEBARANG PERINTAHAN BODI HUBUNGAN
013 987 0277 atau
programpayung@gsel.com.my
Program Saringan Kesejahteraan Payudara
Pusat Perkhidmatan Wanita Kelantan

INISIATIF DI BAWAH EXCO KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA & WANITA NEGERI KELANTAN

YB DATO' HJH MUMTAZ MD NAWI

کلس جاهیتن



**45 KELAS JAHITAN
DI SELURUH KELANTAN**

Direktori
45 PPWK



TEMPAT MENJAHIT YANG KONDUSIF



JURULATIH BERPENGALAMAN



MAJLIS GRADUASI PELAJAR

AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-28

Ketua Editor

Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Setiausaha Jawatankuasa Editorial

Wan Mohd Husni Wan Osman
Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jawatankuasa Editorial

Dr. Wan Nik Wan Yussof
Pengarah
Pusat Kajian Strategik

Mohd Asri Mat Daud
Setiausaha Politik
Menteri Besar Kelantan

Mohd Khairul Padli Baduldin
Setiausaha Akhbar
Menteri Besar Kelantan

Hj. Mahadi Mokhtar
Pengurus Kanan Pembangunan Korporat
Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings
Sdn. Bhd.

Mohd Haikal Rozaini
Pen. Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah
Pen. Pengurus Latihan Modal Insan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Penyelaras Editorial

Shariah Derahman

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pembantu Penyelaras Editorial

Siti Norazami Mohamed Anuar
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama
ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan
dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK, Qiadah dan kandungannya
yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunan-
nya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-
mananya bahagian majalah ini boleh diubah, disalin, diedar,
disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah,
disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-
mananya maklumat atau bahagian majalah, serta diuruskan bagi
tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat
kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada
PMBK.

Pengarang

Mohd Zailani Abd Rahman

Penulis bersama

Azura Mohamad

Atirah Izzah Che Abas

Rohana Ismail

Zumurni Hamzah

Lau Jit Fang

Rohana Ismail

Zaimatul Juwita

Shariah Derahman

Muhammad Najid Abdullah

Noorleyne Hamzah

Siti Norazami Mohamed Anuar

Yusri Yaakub

Mustaqim Isa

Mohd Razmi Yaacob

Mohamad Hafizee Yaacob

Pereka Petak & Grafik

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Shariah Derahman

Pegawai Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Mustaqim Isa

Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar

Ahmad Nai'me Muhammad

Pegawai Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar bersama

Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)

Shahril Long

Perbadanan Muzium Kelantan

Pengiklanan, Pemasaran & Promosi

Jabatan Pemasaran

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Diterbitkan oleh

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tingkat 6, Bangunan PMBK,
Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz,
15150 Kota Bharu, Kelantan,
Malaysia.

Tel: 09-747 4082

Faks: 09-747 7815

Portal: www.pmbk.gov.my

Dicetak oleh

Dinamik Restu Solutions Sdn. Bhd.

PT361, Tingkat Bawah,
Belakang Tesco Kota Bharu,
15050 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 013-958 7478



PROGRAM PERINTIS DRON PERTANIAN AL-FALAH (AFDOL)



PERKHIDMATAN KAMI :

- PEMBEKAL DRON PERTANIAN
- KHIDMAT MERACUN
- KHIDMAT MENABUR BENIH PADI

KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD

1809, BANGUNAN KPKB, JALAN BAYAM, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN.
TEL: 09-747 4353 EMAIL: kpkb@pkink.gov.my

UNTUK PERTANYAAN, HUBUNGK

+6013-958 7844 (EN.YUSRID)



فروگرام کومونیتی عملان هیجاو

PROGRAM KOMUNITI AMALAN HIJAU KELANTAN (PKAH)



ALAM SEKITAR
TANGGUNGJAWAB
BERSAMA



Anjuran: Kerajaan Negeri Kelantan
Dengan Kerjasama Kelantan Utilities Mubaarakan

019-3380899

Kelantanutilities Mubaarakan

KANDUNGAN



LAMAN HADAPAN:
**KELANTAN
BANGUNKAN
KEMUDAHAN
RAKYAT**

QIADAH

Mungkin ramai masih merasa 'asing' untuk mendengar perkataan pembangunan disebut sekali dengan Kelantan. Kelantan tidak menolak kemajuan untuk kemajuan pembangunan fizikal tetapi yang diletakkan adalah keutamaan. Selaras dengan tema 'Kelantan Maju Rakyat Sejahtera' belanjawan 2023 menjurus kepada enam teras seperti Kewangan Teguh dan Lestari, Cakna Rakyat, Kebajikan, Memakmurkan Ekonomi, Galakan Pelancongan dan Pembangunan Modal Insan. Kerajaan negeri Kelantan merangka pembangunan kemudahan untuk rakyat.

PERISTIWA



8

PERASMIAH
PEMBANGUNAN
BANDAR DATO' BENTARA


FOKUS



12

FOKUS
MEMBANGUNKAN
FASILITI AIR

FOCUS



18

UNIQUELY
KELANTAN
VALUES

VARIASI



24

PEMBINAAN
LOJI BAHARU

VARIASI



28

AIR TANDAK
ANTARA ISU DAN LILAH PENGETAHUAN

AIR
TANDAK

VARIASI



32

KERUH &
HITAM

VARIASI



36

SUMBER AIR
BAWAH TANAH

VARIASI



39

TOK BALI
SUPPLY BASE

VARIASI



42

INDUSTRI
PERHOTELAN
DI KELANTAN

VARIASI



45

JAMBATAN
PALEKBANG

VARIASI



48

PANTAI
KELANTAN

PEMIMPIN



52

DATO'HJ.
MOHD AMAR

LELUHUR

56 KAMPUNG GAH

MAKANAN

59 TERESEK

DESTINASI

62 GUA NEON

TOKOH

66 DATO' HAJI MUHAMMAD BIN DAUD

USTAZ MUHAMMAD DAUD

JENAMA KELANTAN

70 SIHHAT-AFIAT

KELANTAN SANA SINI

73 SEMPADAN MALAYSIA-THAI

INSPIRASI KELANTAN

76 DATUK AMERIL

FOKUS PMBK

80 RIK BANDAR DATO' BENTARA 2035

AKTIVITI PMBK

- 83** SKIM BANTUAN IMAN AL-GHAZALI
- 85** PROGRAM BUBUR ASYURA
- 87** HARI GO GREEN PMBK
- 89** SUMBANGAN BANJIR
- 91** IKRAR BEBAS RASUAH

- 84** PEMUKIMAN MENTERI BESAR
- 86** PERSIDANGAN PENGURUSAN ASET
- 88** ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
- 90** RUN 4 MAHBABAH
- 92** PROGRAM INFQAQ RAMADAN

AKTIVITI PMBK

94 MESRA AIDILFITRI

DIALEK KELANTAN

96 KATA PENGUAT III

AKTIVITI PMBK

98 PERLAWANAN BOLING PERSAHABATAN





PEMBANGUNAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) **BANDAR DATO' BENTARA GUA MUSANG, KELANTAN serta PUSAT PENGUMPULAN DAN PEMPROSESAN BIOJISIM KELAPA SAWIT**

Pembangunan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Dato' Bentara Gua Musang serta Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan Biojisim Kelapa Sawit di Gua Musang telah dirasmikan oleh Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan pada 27 Syawal 1444 bersamaan 18 Mei 2023. Pembangunan Bandar Dato' Bentara melalui usaha sama antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Nextgreen Global Berhad (NGGB) ini adalah satu pendekatan bagi memastikan pembangunan infrastruktur dan utiliti yang lengkap untuk meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.

Bandar Dato' Bentara yang bakal siap menjelang tahun 2035 ini mampu menyediakan rumah mampu milik kepada 4,000 keluarga serta perumahan sederhana dan dusun kepada 4,340 keluarga. Selain itu, sebanyak 5,000 peluang pekerjaan dapat dijana melalui pembangunan pusat pengumpulan dan pemprosesan biojisim kelapa sawit, kilang makanan haiwan, baja dan pulpa.

Pertumbuhan bandar baharu ini akan didasari dengan tonggak keberkatan, kemakmuran dan kebajikan di bawah Merakyat Membangun Bersama Islam. ■



قمباغونن رنجاغن کاوسن خاص (RKK) بندر داتوء بنتارا گوا موسخ سرتا ۋوست قۇومۇلۇن دان ۋەقۇرسىسىن بايوجىسىم (biojism) كلاڻ ساۋىت دكوا موسخ تله درسىكىن اوليه أستاذ داتوء بنتارا کانن مىتىرى بىر كىلتىن ۋە 27 شوال 1444 بىرسماءەن 18 مى 2023 قمباغونن بندر داتوء بنتارا ملالۇي اوسهاسام انتلارا ۋېرىدانن مىتىرى بىر كىلتىن (PMBK)، دان Nextgreen Global Berhad (NGGB) اين ادالە ساتو قىندىكانن باڭى مىستىكىن قمباغونن ئىنۋاستروتور دان أوتىلىتى يېغ لىڭىشكىتكەن طرف سوسيو-إيكۇنومى رعىت.

بندر داتوء بنتارا يېغ باكل سىياf منجىلۇ تاھون 2035 اين مەمۇ مەپدىاكن رومە مەمۇ مەلیق كىد 4,000 كلوراڭ سرتا ۋۇرماھن سىرھان دان دوسون كىد 4,340 كلووارڭ. سلائىن ايت، سپايدىق 5,000 قلواڭ فىرىجاءن دافت دجانا ملالۇي قمباغونن ۋوست قۇومۇلۇن دان ۋەقۇرسىسىن بايوجىسىم كلاڻ ساۋىت، كىلە مکانن حيوان، باجا دان ۋولقا.

قىتومبىوهن بندر يەھارو اين اكن دداسارى دەن توڭىق كېركەن، كەممۇران دان كېاجىقىكەن دباوه ممباغون مرعىت ممباغون يرسام إسلام.



KELANTAN PASTIKAN AGENDA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AIR DITINGKATKAN

Alhamdulillah, ucapan tasbih dan syukur ke hadrat Ilahi, selawat dan salam buat junjungan baginda Nabi Muhammad SAW.

Kerajaan Kelantan sedaya upaya menyediakan infrastruktur dan frasarana terbaik di negeri ini termasuk melalui kerjasama dengan kerajaan Pusat. Seperti yang diketahui, Kelantan bakal menerima lonjakan besar dalam pembangunan ekonomi menerusi kelulusan beberapa projek infrastruktur asas melalui Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040.

Antara projek tersebut ialah menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), pembangunan Terminal Laut Bersepadu di Bandar Maritim Tok Bali, Lebu Raya Pantai Timur 3 (LPT3) dan Lingkaran Tengah Utama (Central Spine Road). Tidak ketinggalan projek Hubungan Rel Pantai Timur (ECRL), pembinaan Empangan Hidroelektrik Nenggiri dan Empangan Hidroelektrik Lebir.

Ia termasuk projek tebatan banjir Sungai Golok, Kompleks Sukan Bukit Merbau, Jambatan Palekbang-Kota Bharu dan Pembangunan Sektor Agromakanan Agensi Peneraju. Dalam mendepani pembangunan dan kemajuan, Kelantan di bawah pentadbiran Membangun Bersama Islam istiqamah menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang mempunyai daya saing tinggi dari aspek ekonomi dengan mengimbangi pembangunan fizikal dan pembangunan insan.

Melalui pelaburan dan perlaksanaan pelbagai projek yang diterima di Kelantan, ia telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada rakyat tempatan yang secara langsung membantu membangunkan tahap sosioekonomi dan ekonomi modal di negeri Kelantan khususnya. Menyedari itu yang berkait dengan bekalan air di Kelantan yang menjadi keresahan, kerajaan Kelantan bertanggungjawab dan cuba sebaik mungkin dalam kapasiti yang ada demi menyediakan bekalan air bersih buat rakyat Kelantan.

Dalam konteks ini, pihak kerajaan negeri berperanan dari sudut penyelarasaran gerak kerja menerusi Air Kelantan Sdn Bhd. Usaha kerajaan negeri boleh dilihat menerusi Pelan Induk AKSB (2021-2030). Antara isi perancangan strategik ini ialah mengurangkan air tidak terhasil daripada 70 peratus kepada 30 peratus menjelang tahun 2030 melibatkan kos sebanyak 1.7 bilion.

Menerusi penukaran paip usang sepanjang 4,006 km yang kini sedang berjalan secara berperingkat. Menukar paip dalam kuantiti yang besar itu sudah tentu memerlukan masa sekali gus meningkatkan kapasiti Loji Rawatan Air AKSB. Menerusi naik taraf 12 LRA sedia ada, Kapasiti akan meningkat daripada 153 juta liter sehari (JLH) kepada 330 JLH menjelang 2030 serta membina 11 LRA baharu. Selain itu, LRA mini dan sederhana turut akan dibina.

Selain daripada itu, Pembangunan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) bernilai 1.7 bilion yang akan berfungsi sebagai sumber baharu air bagi AKSB di samping pembinaan empangan Nenggiri dan Lebir. TAPS dijangka berkapasiti sebanyak 500 JLH. TAPS berkapasiti mempunyai simpanan selama tiga bulan sepanjang musim kemarau di samping dapat mengatasi masalah gangguan air bagi Kelantan Utara sehingga 90 peratus. Dengan kekangan yang ada, kerajaan sedia upaya cuba menyelesaikan isu berbangkit, namun memohon kesabaran dari orang ramai dan yang penting kita dapat memahami situasi yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah berbangkit.

Dalam masa yang sama, kerajaan Kelantan berterima kasih kepada agensi dan jabatan yang terlibat pada peringkat Persekutuan yang kini berusaha membantu Kelantan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Insya-Allah dengan kekuatan dan semangat yang ada, selain daripada sokongan rakyat, Kelantan akan berjaya menangani isu ini dengan tuntas. ■



KELANTAN BANGUNKAN KEMUDAHAN RAKYAT

Alhamdulillah. Segala pujian hanya layak buat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar nabi SAW, keluarga baginda, para sahabat dan pengikutnya hingga ke hari pengakhiran. Amma ba'du.

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 133 yang bermaksud: "Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa."

Menjadi pemimpin bererti menginfakkan diri kepada Allah SWT melalui kerja-kerja kebaikan. Adakalanya harta, idea dan kudrat dicurahkan sehingga halal kepada menuntut pengorbanan nyawa iaitu mematuhi arahan berjihad di jalan Allah. Sudah pasti segalanya tidak akan sia-sia sebagaimana jaminan Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 111 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. (Itu telah menjadi)

janji yang benar daripada Allah di dalam Taurat, Injil dan al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar."

Kelantan yang ditadbir melalui slogan Membangun Bersama Islam selama tempoh 32 tahun pastinya telah membangunkan bukan sahaja prasarana kemudahan fizikal kepada rakyat Kelantan dalam bentuk ekonomi dan kebolehpasaran aktiviti meraih pendapatan rakyat, malahan yang paling besar adalah membangunkan modal insan untuk pembangunan negara.

Inilah Kelantan, negeri tadahan wahyu, tanah serendah sekebun bunga yang melengkapkan slogan pembangunan merentas kehidupan dunia semata-mata. Rakyat diajar berpuluhan tahun untuk mengenal Allah Maha Esa, mengagungkan-Nya sebagai Tuhan Maha Berkuasa dan paling penting meletakkan dasar, polisi, garis panduan dan kawalan yang bertepatan dengan perintah dan hukum hakam Allah SWT.

Walau bagaimana pun Qiadah kali ini pastinya akan mempunyai nilai rekod tersendiri kerana mengumpulkan dokumentasi berkaitan kemudahan fizikal dan modal insan selama tempoh pemerintahan. Dokumen ini penting untuk dipersembahan kepada khalayak rakyat negeri Kelantan khasnya dan seluruh negara amnya tentang kebijakan diungguli oleh pimpinan Negeri Serambi Mekah ini berintimasi dengan pentadbiran.

Saya mengharapkan segala bahan yang dikumpulkan ini akan memberikan manfaat kepada pembaca dan pastinya akan memberikan keadilan kepada usaha-usaha besar yang telah dirancakkan oleh kepimpinan Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dalam membangunkan negeri ini.

Rakaman terima kasih kepada semua penulis, editorial, pereka grafik dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menterjemah rekod kejayaan pembangunan Kelantan ini.

Pisang emas dibawa bayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi di bawa ke akhirat nanti.

Semoga Allah membala segala jasa idea dan keringat penulisan tuan/puan dengan kadar timbangan amal yang sewajarnya di akhirat nanti. Saya percaya sekecil honorarium kewangan bukanlah apa-apa jika dibandingkan dengan balasan pahala yang memberatkan timbangan kebaikan di hari perhitungan.

Sekian, terima kasih dan siru ala barakatillah. ■

FOKUS

Oleh: Zumurni Hamzah

Menteri Besar Kelantan melawat Loji Rawatan Air Ketereh yang telah pun siap untuk beroperasi.



KELANTAN FOKUS MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN AIR

KRONOLOGI DAN PELAN JANGKA PENDEK SERTA PANJANG

Sejak mengambil alih tumpuk pemerintahan negeri Kelantan pada tahun 1990, Parti Islam SeMalaysia (PAS) berdepan pelbagai cabaran, tekanan dan sekatan dalam membangunkan Tanah Serendah Sekebum Bunga ini. Antara tekanan dan sekatan utama yang boleh dilihat dengan jelas oleh rakyat adalah usaha pelaksanaan hukum hudud, bekalan air bersih dan juga royalti minyak.

Umum sedia maklum, negeri Kelantan menghadapi masalah bekalan air bersih sejak lebih 30 tahun lalu (di bawah pentadbiran Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat), dan ia masih berlarutan sehingga hari ini. Isu ini menjadi masalah rakyat dan turut dijadikan isu politik bagi menyerang

1990

Tahun 1990, kerajaan pusat telah memberi peruntukan besar untuk mendanai empat puluh bagi menyelesaikan masalah bekalan air (projek BAKU) di Kelantan.

Projek Bekalan Air Kelantan Utara
PROJEK BAKU

Namun kerajaan pusat membatalkan projek tersebut selepas Kelantan jatuh kepada PRU dalam PRU ke-8. Berpusat jentera dan perlantikan pembinaan diangkat balik meninggalkan Kelantan



kepimpinan kerajaan negeri Kelantan. Oleh sebab itu, penyelesaian masalah air di negeri Kelantan ini perlu dicari segera.

Negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS sejak tiga dekad lalu tidak boleh dinafikan menjadi mangsa diskriminasi kerajaan Persekutuan khususnya pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad. Diskrimasi tersebut turut melibatkan sektor perkhidmatan bekalan air iaitu negeri Kelantan telah dinafikan peruntukan untuk membangunkan perkhidmatan bekalan air bersih terawat yang mana merangkumi isu pembatalan projek air Kelantan Utara bernilai RM600 juta pada tahun 1990. Bukan sahaja peruntukan dinafikan, pinjaman yang dimohon juga dilengah-lengahkan sehingga Tun Dr. Mahathir berundur tahun 2003. Keadaan berubah selepas Tun Abdullah Ahmad Badawi menerajui negara, barulah Kelantan mula mendapat layanan yang lebih saksama, termasuklah sektor perkhidmatan bekalan air yang mana pinjaman RM600 juta yang dijanjikan kepada negeri Kelantan mula disalurkan.

Negeri Kelantan adalah antara pihak yang awal menyahut dasar penstrukturkan semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air yang diperkenalkan oleh Tun Abdullah. Setelah rundingan untuk penstrukturkan ini bermula tahun 2008, akhirnya telah dimuktamadkan pada tahun 2016 pada zaman Datuk Seri Najib Tun



Majlis pertukaran Perjanjian-perjanjian Penstrukturran Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Kelantan 2016

Abdul Razak, Perdana Menteri keenam itu meluluskan dan menyalurkan peruntukan bagi membangunkan Industri Perkhidmatan Bekalan Air di Kelantan. Antara peruntukan yang diberikan ialah untuk membangunkan Loji Rawatan Air (LRA) dan menggantikan semula paip usang.

Peruntukan itu disalurkan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) dan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAAB). Bagaimanapun, kos keseluruhan untuk memulihkan industri perkhidmatan bekalan air Kelantan sudah meningkat melebihi RM2 bilion. Melalui peruntukan yang dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), beberapa projek untuk membangunkan Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Kelantan mula dilaksanakan.

SEJARAH AWAL AKSB

Kerajaan negeri Kelantan telah menswastakan pengurusan perkhidmatan bekalan air terawat di Kelantan melalui penubuhan syarikat usaha sama milik bersama Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) dan Thames Water PLC (Thames Water) yang diberi nama Kelantan Water Sdn. Bhd. (KWSB) dengan pemilikan saham sebanyak 30% oleh YAKIN dan 70% oleh Thames Water.

KWSB mula beroperasi pada 1 Oktober 1995 setelah mengambil alih tanggungjawab daripada Jabatan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya Kelantan dan

bertanggungjawab untuk mengendalikan perkhidmatan bekalan air terawat sedia ada termasuk perawatan air dan sistem agihan serta pengeluaran bil serta mengutip hasil. KWSB juga bertanggungjawab membangunkan fasiliti perkhidmatan bekalan air terawat pada masa akan datang bagi memenuhi keperluan penduduk negeri Kelantan.

Pada 29 April 1999, kerajaan negeri Kelantan telah membeli keseluruhan saham Thames Water dan YAKIN dalam KWSB melalui Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Nama KWSB telah ditukar kepada Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). Dari tahun 1999 hingga 2002, AKSB tidak menerima sebarang Pinjaman Mudah daripada kerajaan Pusat untuk meningkatkan perkhidmatan bekalan air awam di negeri Kelantan. AKSB mula menerima Pinjaman Mudah pada tahun 2003 iaitu dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

Penstrukturran semula AKSB telah dibuat pada Disember 2007 dengan Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn Bhd (KUM) sebagai syarikat induk kepada AKSB dan beberapa anak syarikat yang lain. Manakala KUM pula merupakan anak syarikat kepada PMBK. Program migrasi bekalan air telah ditandatangani pada 14 September 2016. Susulan itu, PAAAB bertanggungjawab membangunkan aset perkhidmatan bekalan air awam di negeri Kelantan berdasarkan Pelan Perniagaan AKSB tiga tahun yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).



PELAN JANGKA PENDEK DAN PANJANG AKSB MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN AIR

Secara keseluruhan, pelan jangka masa pendek dan panjang AKSB adalah pembinaan loji rawatan air (LRA) dan menaiktaraf LRA sedia ada serta pelaksanaan program pengurangan kadar air tak terhasil (NRW: non revenue water). Pelan ini menjurus kepada meningkatkan kapasiti LRA dan meningkatkan kecekapan agihan air terawat melalui pelaksanaan program penukaran paip lama/uzur.

Pelan jangka masa pendek merangkumi pembinaan LRA mini di kawasan hujung kawasan agihan air terawat oleh LRA iaitu kawasan yang sering mengalami gangguan bekalan air terawat atau tekanan air rendah. 12 LRA Mini dalam peringkat pembinaan/ pelaksanaan dan lima daripadanya dibiayai oleh pinjaman daripada kerajaan negeri (Jadual 1) dan selebihnya dibiayai oleh pinjaman daripada PAAB (Jadual 2).

LRA MINI	KAPASITI (JLH)	TAHUN PERMULAAN		STATUS
		MULA	SIAP	
TELUK MESIRA, BACHOK	2	2021	2022	PERINGKAT PEMBINAAN
JELAWAT, BACHOK	4	2021	2022	
MERANTI BARU, PASIR MAS	6	2021	2022	
KEDAI BULUH, KOTA BHARU	3	2022	2023	PERINGKAT PERANCANGAN
TELONG, BACHOK	2	2022	2023	
JUMLAH JLH	17			

Jadual 1: LRA Mini yang dibiayai oleh pinjaman kerajaan negeri

LRA MINI	KAPASITI (JLH)	TAHUN PERMULAAN		STATUS
		MULA	SIAP	
KG. SEDAR, TUMPAT	3	2023	2025	
PECHONG, TANAH MERAH	4	2023	2025	
STOR KENDERAAN AKSB, KOTA BHARU	3	2023	2025	
BECHAH MULONG, MELOR	3	2023	2025	PERINGKAT PERANCANGAN
KG. PENGKALAN KUBOR, SALOR	3	2023	2025	
KG. PALOH, TANAH MERAH	3	2023	2025	
KG. LAUT, TUMPAT	3	2023	2025	
JUMLAH JLH	22			

Jadual 2: LRA Mini yang dibiayai oleh pinjaman PAAB.

Lima LRA sedia ada sedang dinaik taraf dan dibiayai oleh pinjaman kerajaan negeri (Jadual 3), pinjaman PAAB (Jadual 4) dan geran daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Jadual 5). Sebuah LRA sedang dalam pembinaan yang dibiayai oleh Pinjaman kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) (Jadual 5-1) dan Enam LRA akan dibina dan dibiayai oleh geran dari East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) (Jadual 6), pinjaman PAAB (Jadual 7) dan geran daripada KPLB (Jadual 8).

LRA	TAHUN PEMBINAAN		KETERANGAN
	MULA	SIAP	
PEROL, KOTA BHARU	2021	2022	Baik pulih sistem proses rawatan air Kapasiti: 7.5 JLH

Jadual 3: LRA sedia ada yang dinaik taraf melalui pinjaman kerajaan negeri.

LRA	TAHUN PEMBINAAN		KETERANGAN
	MULA	SIAP	
TANJUNG MAS, KOTA BHARU	2022	2024	NAIK TARAF KAPASITI LOJI DARI 8 JLH KE 30 JLH
MERBAU CHONDONG, MACHANG	2024	2026	NAIK TARAF KAPASITI LOJI DARI 50 JLH KE 100 JLH
JUMLAH JLH			72

Jadual 4: LRA sedia ada yang dinaik taraf melalui pinjaman PAAB.

LRA	TAHUN PEMBINAAN		KETERANGAN
	MULA	SIAP	
BATU GAJAH, TANAH MERAH	2023	2025	NAIK TARAF KAPASITI LOJI DARI 2.8 JLH KE 10 JLH
PANGGUNG LALAT, GUA MUSANG	2023	2025	NAIK TARAF KAPASITI LOJI DARI 1.5 JLH KE 2 JLH

Jadual 5: LRA sedia ada yang dinaik taraf melalui geran KPLB

LRA	KAPASITI (JLH)	TAHUN PERMULAAN		STATUS
		MULA	SIAP	
KG. TELOK, KOTA BHARU	30	2017		2023
LOJI TELAH BEROPERASI PADA KADAR 10-13 JLH SEJAK DISEMBES 2020 PERINGKAT PELANTIKAN KONTRAKTOR UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN AIR TERAWAT KE 30 JLH				

Jadual 5-1: LRA yang sedang dibina melalui pinjaman KASA

LRA	KAPASITI (JLH)	TAHUN PERMULAAN		STATUS
		MULA	SIAP	
KELAR 2, PASIR MAS	25	2023	2025	PERINGKAT KAJIAN OLEH PERUNDING

Jadual 6: LRA yang akan dibina melalui geran ECERDC

LRA	KAPASITI (JLH)	TAHUN PERMULAAN		STATUS
		MULA	SIAP	
BUKIT CHUPAK, GUA MUSANG	10	2022	2024	PERINGKAT PENILAIAN TENDER
CHICHA 2, KOTA BHARU	20	2023	2025	PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER
TOK BALI, PASIR PUTEH	50	2023	2025	PERINGKAT KAJIAN SUMBER AIR
JUMLAH JLH	70			

Jadual 7: LRA yang akan dibina melalui pinjaman PAAB

LRA	KAPASITI (JLH)	TAHUN PERMULAAN		STATUS
		MULA	SIAP	
SG. PETAI, PASIR PUTEH	6	2023	2024	PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER
KG. TOK JAAFAR, KOTA BHARU	30	2024	2026	PENYEDIAAN TERMA RUJUKAN PERUNDING
JUMLAH JLH	36			

Jadual 8: LRA yang akan dibina melalui geran KPLB

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA MELALUI



MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

QIADAH

RM375

- HARGA BERMULA SERENDAH
- 10 RIBU NASKAH DICETAK SETIAP EDISI
- PERCUMA REKA BENTUK IKLAN
- PERCUMA 50 NASKAH UNTUK PENGIKLAN
- EDARAN SECARA PERCUMA
- KEPADA AGENSI KERAJAAN & PELANCONGAN DI KELANTAN

**MAKLUMAT LANJUT
SILA HUBUNGI:
014-538 2083
ENCIK ADIB**



nuAKSB

Muat turun aplikasi myAKSB dari Play Store (Android) & App Store (iOS) untuk semak status bayaran anda, saluran pelanggan dan maklumat pengguna dengan cepat & mudah. Terbaik pula untuk membayar!

JOM SEMAK & BAYAR BIL ANDA

Available on App Store Available on Google Play

QR CODE

Scan QR Code



AIR KELANTAN

**Jelaskan bil TERTUNGGAK,
elakkan pemotongan**



LANGKAH-LANGKAH UNTUK SEMAK DAN BAYAR BIL ANDA



Soleh siapa tekan 'Pay Online Via Bank', sistem akan turus log masuk ke Online internet banking anda. Ikuti langkah internet banking anda sehingga soleh siapa pembayaran.



AirKelantanOfficial



airkelantanofficial



MyAKSB



Air Kelantan Official



019-575 3777


pintarobjek@airkelantan.com.my

www.airkelantan.com.my

Terbitan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

FOCUS

By: Atirah Izzah Che Abas



UNIQUELY KELANTAN VALUES TRADITIONS AND DEVELOPMENT

Since I was young, Kelantan has always been associated with many happy and fond memories. As I grew up in Johor Bahru, our travels back to Pasir Mas, my father's hometown during the school holiday were considered special treats. I have always treasured and appreciated the experiences. Through the lens of a young girl, Kelantan was indeed a special place with its delicious cuisines and friendly folks.

I was mesmerized by the sight of the many beautiful woman entrepreneurs, looking gentle and sitting cross-legged at Pasar Wakaf Bharu with glittering gold chains and bracelets dangling from their arms trying to entice market-goers into buying their produce in an exotic Kelantan dialect. These vendors were very skillful at haggling. You could feel the lively ambiance in the market with a variety of colourful goods on display.

fresh vegetables to trays of scrumptious sweet desserts (kuih) and other daily items, stacked neatly before them all ready for sale. This experience is exclusively available in Kelantan and one of the many reasons that makes Kelantan so unique.

Kelantan is also well known for its many renowned religious figures. Among others were Tok Kenali and Tuan Guru Tan Sri Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Their knowledge, characters, charisma and most importantly contributions to the society and to the nation as a whole were extremely extraordinary. Their love and dedication to disseminating Islamic knowledge and imparting words of wisdom to all Muslims across the country was indeed a noble and remarkable feat. People from all over the country and abroad flocked to Kelantan to learn from these two prominent religious figures.



The existence of the many religious institutions (madrasah & pondok) that have been around for decades has also contributed to Kelantan being the hub for Islamic education. This recognition has earned the state the nickname "Serambi Mekah" which loosely translates to the Veranda of Mecca signifying Islamic values that are strongly embodied in the culture and readily embraced by the locals. However, as the world is changing and the advances of technology have introduced the younger generation to many new ideas and ideologies, there are concerns about sustaining these values.

In order to preserve the Islamic values specifically among the younger generation, necessary measures have been taken into consideration. Kelantan is one of the states in Malaysia with a large number of Islamic schools both private and state-owned. It has become the norm for the parents to send their children to the Islamic schools to ensure that they are better equipped with the proper teaching of Islamic knowledge and values. Instilling these values among the children from a young age is crucial to ensure that these values are engraved in their hearts and later shape their characters as adults. The role of the parents here is very significant as they are the ones who mould and, in some ways, influence their children's way of life.

Ensuring that the children are in good company will also help overcome social issues stemming from peer influences such as substance abuse, smoking, and

exposure to pornography. In this case, school selection plays an important role as it will influence the kind of peers that the children will associate with. Therefore, it is understandable that Kelantan has many Islamic schools as the platforms to educate the younger generation and transform them into responsible human beings who will be able to contribute to the betterment of their society in the future.

A lot of these values and the way of life are exemplified by the way the religious figures in Kelantan have lived their lives, especially the ones from the older generation. We can see that these values have been passed on for generations. Take for example, Tok Kenali, although he came from a humble background, his tenacity and passion for knowledge had brought him all the way to Makkah.

Despite the financial constraints and hardships, he had to endure along the way, he would stop at nothing to pursue his quest for knowledge. Borrowing books from the bookstores, the mosque or even from his friends, Tok Kenali strived to learn, besides listening to his teachers and doing his own research. To internalize the learning, he loved to apply the knowledge to his everyday problems and issues. After 22 years in Makkah, Tok Kenali finally returned home and established a well-known religious school called Pondok Tok Kenali that later became one of religious learning centres most frequented by the people in the region.



The beauty of Kelantan is not only demonstrated by the strong Islamic values embraced by its people, this state is also popular for its beautiful coastlines, lines of trees, dots by rustic fishing villages and the spectacular spread of the paddy field all across the state. The locals enjoy a simple yet fulfilled life. Outsiders might see Kelantan as being underdeveloped with no towering skyscrapers, multiple layers of highways and flyovers across the state.

Nevertheless, Kelantan is, in fact, sufficiently equipped with all the necessities crucial for the well-being of its people. There are hospitals, schools, higher learning institutions, government offices, private sectors and even a few shopping malls in Kota Bharu apart from many other amenities across the state. Even though a few improvements might be beneficial for the people of Kelantan, generally they are content here. I believe this is very much related to the Islamic values that are deeply rooted in the lives of the people of Kelantan. One of them is qanaah which carries the meaning of contentment and gratitude. Perhaps, if we ponder carefully, the worldly materials might not be the primary aim or goal for most people of Kelantan as they seem to be seeking a healthy balance between this immortal world and the hereafter.

This outlook has resulted in a more laid-back approach to life especially among the older generation as their

purpose of life is very much defined by the Islamic values rather than the worldly possessions and attainments.

The daily routine of the locals revolves around the mosque or madrasah as the place of worship or ibadah. They start their day by going to the mosque or madrasah for the morning prayer; then stay there for a while to listen to Islamic talks before starting their day. If they could not make time for Dhuha or Asr prayers at the mosque due to other commitments or constraints, they certainly would frequent this place of worship again for maghrib and isha', the after-dawn prayers.

This routine has helped to shape a close-knit community among the local people as this practice serves as a platform to develop ukhwah or brotherhood among the locals from all walks of life. Perhaps, they come from different background or education levels, but in Islam they are all equal as the servants and the vicegerents of Allah S.W.T and that what bonds them together.

Amidst this tranquil and content life, it is undeniable that Kelantan has also received a few unfavourable comments pertaining to its less impressive development as compared to other states in Malaysia. But it is crucial to point out that this is very much in tune with the needs and the way of life here. A huge number of Kelantanese are self-employed, running their own small-scale





businesses, establishing large companies, or are involved in the agriculture or fishery sectors. Many of them also work in the government or private sectors around the state.

It is undeniable that many of the younger generation travel out of the state in search for more job opportunities in the big cities, but they eventually return back home to Kelantan after they have retired or saved enough money to open their own businesses. This is evident during the school holidays or festive seasons particularly Eidul Fitri or Eidul Adha when the roads in Kelantan will be packed, bumper to bumper, with vehicles from outside as they return back home to their loved ones. It is quite normal to spend hours on the road just to visit relatives who live merely 20 kilometres away. During this time, sometimes it is hard not to blame the road system here but one has to remember that it is only seasonal.


Besides that, true to the value of knowledge appreciation that has been passed on for generations, the state administrations have been assisting and helping the youth in the state with their education. Many initiatives have been provided for the under-privileged children to ensure that they receive equal opportunities to pursue their studies and in return secure a good job in the future. Some examples of the initiatives are from Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) through zakat provision for the students who are furthering their studies at the tertiary level and also Yayasan Islam Kelantan as well as Kumpulan Wang Amanah Darul Naim (YAKIN) that provide loans or scholarships for these students.



A peaceful scenery of sunset at Jubakar Beach



A beautiful scenery of Pasir Pekan, Tumpat



Shopping places, attractive places and unique culture.
A bless of life that was uniquely Kelantan.

Moreover, the well-beings of the people are also taken care of. The state government has been attentive to the issues and problems faced by the citizens particularly during the pandemic Covid-19 outbreak. A lot of assistance has been provided to the ones affected by the Movement Control Order (MCO). One of them is through the scheme of Pakej Bantuan Cakna Rakyat COVID-19 which has helped many unfortunate citizens to make ends meet during these trying times. Here, it is evident that Kelantan has been developing holistically. The true definition of development here is not just pertaining to physical development but also the quality of lives among the people of Kelantan.

Therefore, despite what some people may view as drawbacks or disadvantages in Kelantan, many actually feel that it's a blessing in disguise. The simple and laid-back approach to life here with its mesmerizing scenery, scrumptious cuisines, friendly and close-knit community, vibrant culture and traditions and most importantly the Islamic values and practices in every aspect of life are what make Kelantan so special and so unique. It is a home to millions of people who count themselves lucky to be born here or even luckier to have the privilege to live here. ■



AKADEMI AL AUFI

(AKADEMI ABDUL RAHMAN AL AUF)

Aras 3, Bazar Tok Guru, Kota Bharu, Malaysia



Majlis Perasmian Akademi Al Aufi
pada 25 Oktober 2022

KEMUDAHAN

Kemudahan seperti Dewan Akademi Al Aufi mampu menampung seramai 30 orang, kelengkapan penghawa dingin, kemudahan wifi dan mempunyai pejabat pengurusan Akademi Al Aufi

Menganjurkan pelbagai kursus latihan dan kemahiran khususnya berkaitan ekonomi dan usahawan bagi pembangunan ekonomi belia Kelantan. Antaranya:



- Kursus Kek, Pastri dan Produk IKS
- Kursus Canting Batik
- Tiktok Marketing Workshop
- Kursus Sulaman Bunga Tudung
- Kursus Live Marketing WOW



- Bengkel Asas Pembuatan Sabun, Balm, dan Minyak Aromaterapi
- Kursus Pengenalan Perkaunan dan Pengurusan Kewangan
- Kursus Tampal Swarovski dan Sublimantion Tudung
- Kursus Pembuatan Makanan Durian Crepe

SELAIN ITU

Akademi Al Aufi juga memberi peluang kepada peserta yang terpilih iaitu peserta kursus yang dijalankan dengan penyediaan tempat perniagaan yang ditanggung selama setahun iaitu perkhidmatan makanan berbentuk cafe, perkhidmatan servis iaitu spa dan salon bagi wanita dan kedai pakaian wanita.

العافية

SCAN ME



Pembinaan loji baharu AKSB bakal beri impak besar kepada rakyat Kelantan

Sekalipun berhadapan dengan pelbagai kekangan terutamanya peruntukan kewangan bagi menambah baik bekalan air bersih di negeri ini, Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) tidak pernah berpeluk tubuh sebaliknya giat melaksanakan pelbagai penambahbaikan bagi memastikan rakyat mendapat bekalan air sebagaimana diperlukan. Dalam usaha itu, pelbagai inisiatif diambil oleh AKSB bagi membantu pengguna mendapat bekalan air terawat yang terbaik. Antara tindakan yang diambil oleh AKSB ialah memastikan semua Loji Rawatan Air (LRA) beroperasi 24 jam sehari tanpa gangguan.

Penyedia bekalan air tunggal Kelantan itu juga memastikan kerja-kerja pemberian kerosakan seperti paip pecah dan kerosakan pam dilaksanakan sebaik laporan diterima yang mana kakitangan AKSB yang terlibat dengan penyelenggaraan dan pemberian tersebut bekerja tanpa mengira waktu. Dalam masa yang sama, AKSB turut menyediakan perkhidmatan hal ehwal pengguna (Unit Khas di ibu pejabat yang dikenali sebagai PINTAS) dan juga kerani Hal Ehwal Pengguna di setiap jajahan bagi memudahkan sebarang maklumat disalurkan dan diterima dengan cepat.

Bagi tujuan aduan secara dalam talian pula, AKSB menyediakan talian khas 15777 yang percuma untuk memudahkan pengguna menyalurkan sebarang aduan dan menyediakan aplikasi myAKSB yang percuma di Google Store untuk kegunaan pengguna bagi mendapatkan info berkaitan gangguan bekalan air terawat, nombor talian perkhidmatan pelanggan, maklumat bil dan pembayaran bil.



Tidak hanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang pantas, pegawai AKSB yang menerima aduan mengenai gangguan bekalan air juga dikehendaki memastikan pengadu mendapat air melalui lori tangki terlebih dahulu sebelum kerja mengenal pasti punca ketiadaan air dilakukan. Warga AKSB yang terlibat dengan penghantaran air melalui lori tangki bekerja tanpa mengira waktu dan AKSB sentiasa mengingatkan pelanggan dan orang awam agar melaporkan insiden paip bocor atau pecah kepada AKSB dengan segera bagi mengelakkan masalah gangguan bekalan air. AKSB tidak pernah mengabaikan sebarang aduan dan rungutan daripada pengguna malah memastikan setiap aduan dan rungutan pengguna diselesaikan dengan segera.

AKSB bangunkan loji mini tingkat kemudahan air terawat

AKSB telah membangunkan loji mini air terawat di beberapa lokasi di negeri ini dalam usaha untuk meningkatkan penyediaan kemudahan bekalan air bersih kepada penduduk. Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti Negeri Kelantan, Dato' Sri Hj. Azami Mohd Nor memberitahu, selain menampung keperluan bekalan air bersih untuk rakyat, pembinaan loji mini itu juga bertujuan mengelakkan berlaku kejadian air kelat selain payau terutamanya di kawasan pesisir pantai, sungai dan paya. Kerajaan negeri telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM49 juta untuk pembinaan prasarana berkaitan.

Peruntukan itu digunakan untuk pembinaan loji mini di Teluk Mesira, Ketereh, Jelawat, Meranti dan Kedai Buloh. Selain itu, turut digunakan untuk membaik pulih sistem proses rawatan di LRA Perol dan Wakaf Bharu untuk meningkatkan kualiti penyediaan air di kawasan terlibat. Tambahan pula, pembinaan LRA di bawah projek Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) bernilai RM48.3 juta di Kampung Teluk dengan kapasiti pengeluaran air terawat sebanyak 30 juta liter sehari yang dijangkakan dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024.

Kakitangan Loji Rawatan Air Kelar mencuci dan menyelenggara muka sauk bagi memastikan bekalan air mentah disalurkan ke LRA dalam keadaan baik.



Empat Projek yang telah siap pada tahun 2022 iaitu dua LRA baharu dan dua kerja menaik taraf sistem proses seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jajahan	Kapasiti
1	LRA Mini Ketereh	KB Selatan	8 JLH
2	LRA Mini Teluk Mesira	Bachok	2 JLH
3	Menaiktaraf Sistem Proses LRA Wakaf Bharu	Tumpat	10 JLH
4	Menaiktaraf Sistem Proses LRA Perol	KB Selatan	7.5 JLH

Seterusnya dua LRA Mini dijangka siap pada tahun 2023 ialah di Bachok dan Pasir Mas.

Jadual 1: LRA yang akan siap pada tahun 2023.

Bil.	Lra	Jajahan	Kapasiti (JLH)	Tahun Siap	Peruntukan
1	LRA Mini Jelawat	Bachok	4	2023	Kerajaan Negeri
2	LRA Mini Meranti Baru	Pasir Mas	6	2023	Kerajaan Negeri

Pengurus Besar AKSB, Dr. Hj. Nazmi Ghazali Azmi berkata, selain pelan jangka panjang, pihaknya turut melaksanakan pelan jangka pendek dengan kaedah segera bagi menangani isu air terawat di negeri Kelantan iaitu melalui penyediaan tangki-tangki statik di lokasi strategik dan penghantaran air melalui lori tangki AKSB dan juga Lori Air Kontrak (LAK).

Jumlah tangki statik di seluruh negeri Kelantan adalah 268 dan jumlah LAK adalah 32 (Jadual 2). Perolehan tangki statik dan peralatan yang berkaitan serta penyediaan LAK telah dibiayai oleh peruntukan dari kerajaan negeri dan tindakan ini telah bermula pada April 2020 dan dirancang tamat pada akhir tahun 2023 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20.2 juta.

Loji Mini Teluk Mesira.



Jadual 2. Jumlah tangki statik dan Lori Air Kontak (LAK).

JAJAHAN	DUN	LAK	TANGKI STATIK
Kota Bharu Selatan	Salor	2	17
	Kadok	1	5
	Pasir Tumboh	2	16
	Kok Lanas	1	7
	LAK AKSB	2	5
Kota Bharu Timur	Demit	1	14
	Melor	1	25
	LAK AKSB	1	Hantar ke premis
Kota Bharu Utara	Kijang	1	17
	Tanjong Mas	2	9
	Kota Lama	1	3
Bachok	Tawang	2	21
	Pantai Irama	2	12
	Jelawat	2	28
	LAK AKSB	1	Hantar ke premis
Tumpat	Pengkalan Kubor	1	36
	Wakaf Bharu	1	14
	Pasir Pekan	1	3
	Kelaboran	1	13
Pasir Mas	Tendong	1	9
	Pengkalan Pasir	1	1
	Chetok	1	3
Tanah Merah	Kemahang	1	7
	Bukit Panau	1	3
Jumlah		32	268

Projek TAPS dijangka tangani isu bekalan air terawat Kelantan

Kerajaan negeri telah memohon kelulusan daripada kerajaan Persekutuan melalui KETSA untuk menggunakan Takungan Air Pinggir Sungai (TAPS) dengan kapasiti 500 JLH di Labok, Machang dalam RP3 RMK-12 (2023). TAPS ini akan menjadi sumber mentah utama untuk perkhidmatan bekalan air terawat di utara lembangan Sungai Kelantan melibatkan tujuh jajahan iaitu Bachok, Kota Bharu, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat. Anggaran kos pembangunan projek TAPS ini adalah RM650 juta.

Cadangan pembinaan TAPS adalah dengan mengambil kira keperluan sebenar AKSB kerana permintaan bekalan air terawat semasa di Kelantan adalah 590 JLH berbanding pengeluaran semasa iaitu 510 JLH. Pembinaan TAPS ini akan dapat meningkatkan jaminan bekalan air terawat di Kelantan khususnya di utara lembangan Sungai Kelantan.

Azami melawat tapak cadangan TAPS di Machang.



Krisis bekalan air Kelantan dijangka selesai secara berperingkat

Berdasarkan jadual perancangan jangka pendek AKSB dari tahun 2020 sehingga 2030 seperti di bawah, masalah krisis bekalan air terawat di Kelantan dijangka dapat ditangani secara berkesan bermula tahun 2025 apabila kapasiti bekalan air terawat mengatasi permintaan air terawat.

Bukan sahaja dari segi pembangunan, AKSB juga komited melaksanakan perubahan dan penambahbaikan dari aspek pengurusan bagi memastikan isu bekalan air bersih di negeri ini dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan. Antara penambahbaikan daripada aspek pengurusan yang telah dilaksanakan adalah mengadakan sesi Dialog Awam (town hall) di Politeknik Kota Bharu pada 19 Januari 2020 dengan hampir semua warga kerja AKSB untuk berkongsi



Selain dana kerajaan Persekutuan melalui KETSA dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar secara geran dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dalam bentuk pinjaman, AKSB juga memperolehi dana bagi meningkatkan perkhidmatan bekalan air terawat di negeri Kelantan melalui Pinjaman daripada kerajaan negeri Kelantan dan geran daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

kedudukan semasa AKSB daripada aspek kewangan dan perancangan untuk meningkatkan perkhidmatan AKSB di samping menyampaikan saranan supaya semua bekerja dalam satu pasukan Team AKSB serta saranan supaya membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa serta sentiasa mengamalkan amar makruf, nahi mungkar.

Kakitangan juga sentiasa diberikan kursus dan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran masing-masing. Selain itu, penstrukturkan dan penambahbaikan deskripsi tugas bagi setiap jawatan di AKSB juga dilaksanakan dengan penekanan kepada berbilang tugas (multitasking).

Warga kerja AKSB turut dibimbing mengenai amalan terbaik dalam pembangunan dan pengurusan sumber air tanah untuk bekalan air awam dan penggunaan sistem rawatan air tanah yang cekap iaitu daripada kualiti air yang mematuhi piawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dihasilkan dengan kos yang minimum. Penyedia bekalan air bersih tersebut turut meningkatkan Preventative Plant Maintenance (PPM) bagi mengurangkan kejadian kerosakan yang mengganggu pembekalan air terawat kepada pengguna, meminimumkan kos operasi bagi meningkatkan kesihatan kewangan AKSB dan perancangan untuk pensaizan wajar (right sizing) modal insan di AKSB bagi meningkatkan kecekapan AKSB. ■



Air tandak merupakan sumber air semula jadi diperolehi dari kawasan berbukit yang ditakungkan di kolam tadahan dan disalurkan kepada pengguna melalui saluran paip.

AIR TANDAK ANTARA ISU DAN JALAN PENYELESAIAN

Bagi masyarakat yang tinggal di Hulu Kelantan, penggunaan air tandak sudah tidak asing bagi mereka berikutan kebanyakannya menggunakan sumber ini sejak lahir lagi. Malah ada dalam kalangan masyarakat luar bandar menikmati kemudahan tersebut sejak turun-temurun sehingga lebih 50 tahun.

Air yang datang dari sumber semula jadi ini mempunyai kelebihannya tersendiri apabila dibuat sebagai air mandian pada sebelah pagi agak menyegarkan kerana airnya yang sejuk.

Namun bagi mereka yang tidak biasa menggunakan pasti merasai kesejukan luar biasa seakan mandi di kawasan air terjun.

Majoriti pengguna air tandak terdapat di daerah hulu Kelantan seperti Kuala Krai, Tanah Merah, Machang dan Jeli berikutan kampung berkenaan mengalami kekurangan air oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB).

Lokasi air tandak

Beberapa lokasi yang menggunakan air tandak ialah Kampung Kuala Tiga, Peralla, Ulu Kusial di Dewan Undangan Negeri (DUN) Gual Ipoh Tanah Merah, Pulai Chondong dan Temangan di Machang, sebahagian besar kampung di DUN Dabong, DUN Mengkebang serta kampung Sungai Som di DUN Guchil, Kuala Krai. Kebanyakan pengguna mahu menggunakan air yang dibekalkan oleh AKSB kerana airnya terawat dan dapat menjamin kesihatan, tetapi disebabkan pelbagai masalah yang tidak dapat dielakkan di kawasan pedalam termasuk tekanan air rendah menyebabkan rakyat di Hulu Kelantan akur menggunakan air tandak.

Dibeberapa perkampungan pula penduduknya bernasib baik kerana mempunyai dua sumber air iaitu air tandak dan air yang dibekalkan oleh AKSB seperti Bechah Salak, Kuala Krai, Kampung Kuala Tiga dan kampung sekitarnya di Tanah Merah. Sekiranya salah satu sumber air terputus mereka boleh bergantung kepada sumber air kedua.

Namun bagi penduduk kampung Bechah Salak, Kuala Krai, mereka turut sukar menggunakan air terawat tersebut kerana sebahagian kawasannya bertekanan tinggi. Penduduk yang dapat menggunakan kedua-dua sumber air ini pastinya boleh merancang penggunaan air AKSB untuk tujuan makan dan minum kerana dirawat sementara untuk tujuan lain seperti membiasuh dan menyiram pokok menggunakan air tandak untuk penjimatan bil bulanan.

Bayaran bulanan agak rendah merupakan antara faktor mendorong orang ramai menggunakan air ini walaupun sebahagian besarnya tidak terawat. Pengguna air paip akan menerima bekalan yang dihantar menggunakan tangki ke kawasan mereka jika terputus bekalan air, tetapi lain pula yang perlu dihadapi pengguna air tandak yang menyediakan air simpanan dalam tong atau tangki simpanan air.

Pengguna air tandak tidak menerima bil seperti pengguna AKSB, cuma perlu membayar jumlah yang ditetapkan (lebih kurang RM10 sebulan) oleh pihak jawatankuasa untuk tujuan penyelenggaran air apabila berlaku kerosakan di kawasan masing-masing.

Cabarani air tandak

Kebiasaanya setiap kawasan air tandak akan dibina kolam khas untuk menakung air yang mengalir dari celah bukit sebelum disalurkan ke kediaman penduduk



melalui tangki atau batang paip. Pengguna air tandak tidak ketinggalan berhadapan masalah sama ada pada musim kemarau ataupun hujan lebat, tetapi kebiasaannya penduduk akan bergotong-royong mengatasi masalah tersebut.

Disebabkan tempoh penggunaan air tandak dikebanyakan kampung di hulu Kelantan telah agak lama, penduduk sudah dapat mengenal pasti kerosakan sehingga menyebabkan bekalan air terputus. Air tandak tidak mempunyai sistem khusus, justeru kebarangkalian untuk berhadapan gangguan air adalah tinggi khususnya ketika musim kemarau. Pada musim hujan, gangguan bekalan air akan berlaku disebabkan ranting, kayu atau daun yang menutupi saluran paip dan memerlukan penduduk menyelenggara kawasan tandak ini dengan kerap.



Kerja-kerja penyelenggaraan atau pembersihan dilakukan dengan kerap bagi mengelakkan gangguan bekalan air.

Sehubungan dengan itu, penduduk di kampung terlibat akan membuat pemeriksaan di kawasan air tandak yang biasanya dilakukan oleh jawatankuasa khas yang dilantik pada peringkat kampung bagi mengatasi masalah ini yang telah biasa dengan kerja baik pulih tandak air. Masalah yang selalu timbul kepada majoriti pengguna air tandak ialah kebocoran paip disebabkan paip lama yang menyebabkan bekalan air ke kediaman mereka terputus terutama pada waktu puncak seperti pagi, tengah hari dan menjelang malam.

Kebiasaan kerosakan ini dapat dibaik pulih dalam masa yang singkat iaitu kurang 24 jam sekiranya alat ganti senang diperoleh. Dari segi kos baik pulih, ada dalam kalangan kampung terlibat mempunyai tabung khas yang dikutip daripada penduduk setiap bulan atau setiap kali bermula kerosakan. Di beberapa kampung pula penduduknya bertuah apabila pemimpin setempat akan menyediakan barang/alat untuk membaiki kerosakan di kawasan tandak.

Pengguna air tandak

Di DUN Dabong, Kuala Krai majoriti penduduknya menggunakan air tandak cuma beberapa kampung sahaja menggunakan air AKSB. Namun mereka agak bertuah kerana tidak menghadapi banyak masalah besar sejak menggunakan air tandak. Jika ada masalah salah sekalipun, ia hanya dapat diselesaikan dengan kerjasama pemimpin setempat apabila mereka bersama-sama ke kawasan tandak untuk mengenal pasti puncanya dan membaiki secara gotong-royong.

Menariknya, di Dabong mereka terlebih dahulu menyalurkan air ke tangki, seterusnya ke paip rumah penduduk. Sementara itu, penduduk di kampung Sungai Sam bertuah apabila kampung mereka terpilih menerima wakaf air dengan tangki besar daripada Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA).



Air tandak dikumpulkan dalam tangki besar terlebih dahulu sebelum disalurkan ke paip rumah penduduk sekitar.





Isu pembalakan di kawasan tandak

Namun disebalik kemudahan yang digunakan sejak sekian lama, penduduk beberapa kampung di Kuala Krai terutamanya DUN Mengkebang serta Guchil dikehujung dengan ura-ura terdapat sebuah syarikat bakal melaksanakan aktiviti pembalakan di kawasan yang menjadi sumber air setelah permohonan diluluskan.

Perkara tersebut nyata mengundang keresahan dan kebimbangan dalam kalangan penduduk memandangkan tandak berkenaan merupakan satu-satunya sumber air yang mereka ada hingga kini. Berita ini biarpun belum sahih, namun ia mula membelenggu kehidupan harian penduduk, apakah lagi setelah wakil penduduk masuk ke kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Sungai Durian untuk membuat tinjauan dan mengesahkan pembalak terlibat telah pun masuk ke kawasan tandak mereka.

Penduduk yang dijangka terkesan sekiranya aktiviti pembalakan dijalankan di HSK Sungai Durian melibatkan empat kawasan tadahan air iaitu Sungai Sam, Blok Ulu Kelantan, Mengkebang dan Sekolah Arab As-Saadah, Sekolah Kebangsaan Mengkebang, Klinik Kesihatan serta masjid.

Dijangkakan sekitar 7,000 pengguna akan terjejas sekiranya ura-ura ini menjadi kenyataan. Lebih membimbangkan penduduk, anak mereka yang belajar di dua sekolah terlibat turut terkesan jika bekalan air terputus. Bukan itu sahaja, penduduk yakin kemudahan awam seperti masjid dan klinik juga tidak dapat beroperasi seperti biasa. Malah, pengendali kantin sekolah turut terkesan masalah bekalan air.

Penduduk khuatir aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan bukan sahaja akan menjadikan kualiti sumber air mereka yang berkemungkinan besar akan menjadi keruh, berpasir serta berkeladak malah bakal membangkitkan kemarahan penduduk yang boleh bertindak di luar jangkaan apabila sumber air mereka sejak sekian lama terjejas. Ia berikutnya rancangan penduduk menyekat aktiviti pembalakan sekiranya tetap dilaksanakan dengan menahan jentera digunakan untuk aktiviti berkenaan.

Bagi mengatasi masalah luar jangka sekiranya tandak tersebut dijadikan kawasan pembalakan, penduduk

mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya menggantikan kawasan berkenaan dengan kawasan baharu demi memastikan punca air penduduk tidak terjejas.

Jalan penyelesaian

Sejak tular ura-ura tandak yang digunakan penduduk bakal menjadi salah satu kawasan pembakalan, penduduk mendesak penghulu serta pemimpin setempat bertindak kerana masalah air bagi mereka bukan isu remeh. Mereka yakin sekiranya aktiviti pembalakan diteruskan, pelbagai masalah bakal dihadapi penduduk. Tidak berdiam diri dengan ura-ura yang mula berlegar di kampung mereka, penduduk menghantar memorandum kepada Menteri Besar Kelantan untuk mendesak beliau campur tangan dalam masalah ini dengan menarik balik kelulusan aktiviti pembalakan di kawasan tandak mereka.

Tidak lama selepas itu, penduduk menerima jawapan yang membolehkan mereka tidur lena apabila memorandum tersebut telah diterima dan tiada sebarang aktiviti di kawasan tadahan tersebut.

Memorandum diterima dan tiada aktiviti hutan

Penduduk terlibat meluahkan rasa syukur dan gembira apabila memorandum yang dihantar telah diterima dan mendapat perhatian sewajarnya oleh Menteri Besar. Justeru penduduk berharap, tidak akan ada kerja-kerja pembalakan di kawasan tandak mereka pada masa akan datang bagi mengelakkan masalah serta kerokan ke atas alam sekitar.

Dalam masa yang sama, penghulu kampung Bechah Salak, Mohd Yusri Mohd Shukri meluahkan rasa syukur kerana masalah yang membelenggu penduduk kampungnya selesai. Menurutnya, sejak tular pembalakan diluluskan di kawasan air tandak, beliau tertekan kerana setiap masa penduduk akan mendesaknya bertindak selaku pemimpin.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Krai, Abdul Latif Abdul Rahman menjelaskan Menteri Besar telah membatalkan lesen berkenaan bagi menjamin sumber air yang mencukupi kepada penduduk terlibat. "Oleh itu jangan ada pihak yang cuba menangguk di air keruh dan mengambil kesempatan di sebalik apa jua isu yang berlaku," katanya. ■



KERUH DAN HITAM PUNCA KUALITI AIR RENDAH

Oleh: Mohd Zailani Abd Rahman

Di kebanyakan negara yang sedang membangun, masalah bekalan air bersih bukanlah satu perkara baru. Sistem bekalan air yang digunakan tidak teratur dan ramai yang mengalami masalah apabila menggunakan air perigi dan sungai sebagai sumber utama bekalan air bersih. Terdapat juga di kawasan pedalam yang mempunyai saluran air paip tetapi bekalan tidak sampai ke rumah-rumah akibat tekanan kurang ataupun bekalan air yang tidak mencukupi untuk permintaan yang tinggi.

Untuk mendapat keperluan air bersih ialah dengan menggunakan kaedah penggunaan air telaga dan pengambilan air sungai iaitu penghasilan air bawah tanah. Penggunaan air telaga hanya menggunakan mesin atau motor untuk mengepam air telaga dan dimasukkan ke tangki rumah, manakala penggunaan air boring menggunakan motor atau enjin juga, tetapi yang membezakannya ialah di dalam alat tersebut mengandungi alat untuk menapis air yang tidak bersih daripada air bawah tanah.

Sumber bawah tanah

Air bumi ertinya air bawah permukaan yang terdapat di bawah aras air dalam tanah dan bentukan geologik termasuk telaga, lubang gerek atau bentuk kerja sepertinya yang digali ke dalam strata bawah tanah termasuk mana-mana adit atau saluran yang dibina berhubungan dengan telaga, lubang gerek atau bentuk kerja itu bagi menyenangkan pengumpulan air di dalam telaga berkaitan. Mana-mana penggalian ke dalam strata bawah tanah di mana paras air dalam penggalian itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada air yang memasukinya daripada strata itu dan mana-mana air bumi yang ditetapkan.

Terdapat dua punca air mentah yang digunakan sebelum ia dirawat bagi kegunaan harian iaitu air bawah tanah dan air permukaan. Air permukaan secara umumnya lebih terdedah kepada pencemaran alam sekitar akibat pembangunan, kumbahan, hakisan dan sebagainya.

Oleh itu, ia memerlukan lebih banyak peringkat rawatan berbanding dengan air bawah tanah. Ia mengandungi bendasing yang biasa seperti kekeruhan, warna, alga, bahan organik dan juga mikro.

Pemilihan kesesuaian punca air permukaan bergantung kepada kadar keperluan sistem bekalan itu pada musim kemarau. Kadang-kadang air yang berlebihan disimpan di takungan atau empangan bagi kegunaan musim kering. Kualiti air mentah juga hendaklah tidak melebihi piawaian air mentah yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Parameter	Tahap Yang Dikehendaki
Kekeruhan	Tidak melebihi 1000 unit NTU
Warna	Tidak melebihi 300 unit HAZEN
Nilai pH	6.5 – 9.2
Keperluan oksigen Biologi (BOD)	6 ppm
Jumlah pepejal terlarut	1500 ppm
Kandungan besi	1 ppm
Kandungan ammonia	0.5 ppm
Bakteria	0 – 5000 bilangan/100 ml

Contoh air permukaan ialah tasik, sungai, kolam dan air hujan yang ditakung.

Kandungan air mentah

Menurut Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Kota Bharu, Mohd Fadlan Abdul Hadi dalam satu analisa mengenai beberapa sebab dan punca kualiti air berubah. Bagaimanapun analisa yang dibuat adalah secara am dan bukannya melibatkan mana-mana negeri dalam negara.

Beliau berkata, air yang berpunca dari sumber semula jadi sama ada air bawah tanah atau permukaan terdiri daripada bahan terlarut dan pepejal terampai. Bahan pepejal terampai yang bersaiz besar mudah disingkirkan melalui proses sedimentasi, manakala bahan yang terlalu halus atau partikel koloid tidak mudah untuk disingkirkan. "Bahan pepejal koloid hanya boleh disingkirkan setelah melalui penapisan fizikal dan kimia. Perapian kimia untuk koloid adalah kaogulasi dengan mencampurkan bahan kimia untuk mengubahsuai kandungan koloid bagi meninggikan kadar penyaringannya", katanya.

Penapisan fizikal dikenali sebagai flokulasi di mana ia menggalakkan percantuman atau kelompok partikel koloid menjadi flok yang lebih besar dan memudahkan pemendakan. Bahan yang terlarut sama ada mineral atau pepejal boleh dijadikan pepejal terampai dengan pengubahsuai larutan secara kimia atau fizikal bagi memudahkan proses rawatan air.

Parameter untuk Kualiti Air

Kekeruhan

Kekeruhan air adalah disebabkan oleh bahan-bahan terampai di dalam air. Bahan-bahan ini menyuraikan atau membalikkan cahaya yang disuluhkan ke arah air berkenaan dan menjadikan air tersebut kelihatan keruh. Air yang menyuraikan sedikit cahaya akan



menghasilkan bacaan yang rendah, manakala air yang menyuraikan atau membalikkan banyak cahaya akan menghasilkan bacaan yang tinggi. Bahan terampai yang menyebabkan kekeruhan air termasuklah han organik dan bukan organik serta hidupan yang terampai di dalam air (plankton). Kekeruhan adalah berbeza dengan jumlah pepejal terampai yang mana kekeruhan diukur daripada jumlah cahaya yang disuraikan, manakala jumlah pepejal terampai adalah berat bahan tersebut di dalam air. Oleh kerana tidak terdapat kaitan terus antara pepejal terampai dan kekeruhan, maka sukar untuk membandingkan secara tepat kedua-dua perkara ini.

Warna

Warna di dalam air adalah disebabkan oleh bahan galian, hidupan air atau bahan organik dari tanah dan tumbuhan. Warna juga boleh disebabkan oleh pencemaran industri atau bandar. Warna selalunya hanya menjadi masalah kepada air permukaan, tetapi kadangkala kandungan besi atau manganes juga menyebabkan warna air. Warna di dalam air oleh dikelaskan sebagai warna tulin atau warna bayangan. Warna tulin disebabkan oleh sebatian organik di dalam air, manakala warna bayangan disebabkan oleh warna bahan-bahan terampai di dalam air seperti mendakan tanah liat atau besi. Di dalam proses rawatan air, warna tulen adalah sukar untuk dihapuskan.

Warna diukur dengan membandingkan warna air contoh dengan warna larutan kimia kelihatan seperti air teh. Warna di dalam air menunjukkan kandungan bahan organik yang tinggi yang boleh menghasilkan trihalomethanes apabila bertindak dengan klorin. Warna di dalam perlu dihapuskan untuk menghasilkan air yang jernih.

Ferum

Ferum merupakan logam yang dipengaruhi oleh struktur geologi tanah dan pembentukan batuan. Kepekatan piawai bagi ferum adalah dari 1mg/L hingga 10mg/L. Jika ia terdedah kepada atmosfera, ini akan menyebabkan ia menjadi tidak larut dan mendap sebagai ferik hidroksida. Kesannya air akan bertukar warna kepada kuning keperangan dan terdapat juga mendapan berwarna coklat. Jika kepekatan ferum mencapai 0.3mg/L, masalah bau dan warna akan timbul. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga telah menetapkan kandungan ferum dalam air minuman adalah kurang daripada 0.3mg/L.

Mangan

Mangan yang terdapat di dalam air bekalan mengotorkan paip-paip pemasangan dan pakaian pada tahap melebihi 0.15mg/liter. Pada kepekatan yang lebih tinggi, ia menyebabkan rasa yang tidak diingini dalam minuman. Mangan selalunya akan membentuk salutan pada paip walaupun kepekatan 0.05mg/liter dan salutan itu mungkin akan luruh sebagai mendakan hitam. Nilai garis panduan 0.2mg/liter adalah didasarkan ke atas sifatnya yang boleh mengotorkan.

Aluminium

Aluminiam Sulfat telah digunakan sejak dahulu lagi sebagai kaogulan (bahan) untuk menghilangkan warna dan kekeruhan di dalam air. Jika tidak digunakan secara berlebihan, tidak ada garam aluminium terlarut yang boleh terbentuk di dalam air. Walau bagaimanapun, kawalan yang berhati-hati mesti ditetapkan untuk menghalang pemendakan aluminiam hidroksida. Kandungan aluminium mestilah melebihi 0.05 gm/m^3 dan sepatutnya tidak terdapat pemendakan pada air bersih yang dijadikan sebagai air contoh.

Aluminium kadangkala wujud di dalam air paip akibat daripada penggunaanya sebagai koagulan di dalam rawatan air. Walaupun meminum air yang mengandungi sebatian aluminiam tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada kesihatan manusia, namun kehadirannya di dalam air yang digunakan didalam dialisis buah pinggang boleh menyebabkan gangguan saraf kepada pesakit yang menerima rawatan tersebut. Di dalam kolam renang, jika baki aluminium melebihi 0.05 gm/m^3 ia akan menyebabkan sakit mata dan air akan menjadi berwarna hijau-kecoklatan.

Kuprum

Logam kuprum yang wujud dalam air merupakan larutan akues. Ianya dipengaruhi oleh pH dan beberapa komponen organik yang lain. Warna logam ini adalah merah kekuningan dan ianya berkilat. Oleh kerana ianya berkilat, ia sesuai sebagai bahan untuk membuat barang perhiasan. Sifat logam ini yang fleksibel menyebabkan ia mempunyai nilai komersial kerana dapat mengalirkan haba dan elektrik dengan baik. Selalunya kuprum datang daripada sisa industri seperti saduran logam, industri penyaduran kuprum, tekstil, cat anti karat kapal dan juga penerangan haiwan seperti khinzir. Kepekatan kuprum di dalam air adalah rendah. Ini menyebabkan ia mudah dikesan kehadirannya hanya dengan merasa air tersebut. Ianya tidak memudaratkan manusia jika dalam kuantiti yang sedikit. Jika kuantiti kuprum terlalu banyak, ia akan menyebabkan kealkalian air berkurangan dan menjelaskan kehidupan hidupan akuatik dan manusia. Selain itu, jika kandungannya berlebihan, ia akan menyebabkan penyakit merah jambu (pink disease) dan "mirchosis".

Tindakan AKSB mengurangkan kekeruhan air

AKSB tidak pernah memandang enteng setiap rujukan mengenai kuantiti dan kualiti air yang disalurkan. Justeru, Pengurus Besar, Dr. Nazmi Ghazali Azmi berkata, kekeruhan dalam air di bawah selianya adalah disebabkan oleh besi yang terhasil daripada tindak balas bahan besi terlarut dalam air mentah dengan oksigen dalam udara dan bahan klorin yang digunakan untuk pembasmian kuman dalam proses rawatan air di loji. Kandungan bahan besi dalam air terawat yang dihasilkan oleh loji biasanya di bawah paras yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), namun tindak balas bahan besi terlarut dalam air terawat dengan oksigen dalam udara



khususnya selepas pembakian paip bocor atau pecah telah menyebabkan berlaku kewujudan pepejal besi dalam air terawat.

"Pepejal besi ini boleh mendap dan berkumpul di dalam paip, ia akan mengalir ke premis pengguna bila aliran air kuat dalam paip iaitu selepas aktiviti pembakian paip bocor atau pecah. Ini menyebabkan air merah atau berkarat sampai ke premis pengguna," katanya. AKSB menjalankan kerja-kerja pencucian paip agihan (flushing and scouring) dari semasa ke semasa untuk membuang pepejal besi yang mendap di dalam paip bagi meminimumkan air merah atau berkarat sampai ke premis pengguna. AKSB menyarankan kepada pengguna-pengguna yang menerima "air karat" supaya membuat aduan kepada AKSB dengan segera bagi membolehkan tindakan pemulihan diambil dengan segera dan memasang tangki simpanan bawah (ground tank) bagi membolehkan saki-baki bahan besi yang masuk ke sistem bekalan air pengguna mendap terlebih dahulu di tangki tersebut bagi memastikan air tanpa pepejal besi masuk ke tangki atas.

Bagi loji yang kerap menghasilkan air terawat dengan kandungan besi melebihi piawai KKM, AKSB sedang giat membaik pulih sistem proses rawatan air di loji ini. Bagi loji baharu pula, AKSB akan pastikan sistem proses yang cekap dibina bagi memastikan air terawat yang dihasilkan sentiasa mematuhi piawai KKM. ■

NOTIS ARAHAN



JADUAL PEMBUANGAN SAMPAH (TONG AWAM & DOMESTIK)

SETIAP HARI

6.00 PETANG - 8.00 PAGI

BERKUATKUASA PADA 1 MAC 2023

ANDA AKAN DIKOMPAUN DI BAWAH UNDANG UNDANG KECIL
PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP (MPKB-BRI) 2019
SEKIRANYA GAGAL MEMATUHI NOTIS ARAHAN DI ATAS.

Bersih, Indah, Ceria



ARAHAN PIHAK BERKUASA NEGERI

SUMBER AIR BAWAH TANAH KESAN DAN JALAN KELUAR KEPADA RAKYAT

Secara umum, sumber air boleh dibahagikan kepada sumber air permukaan merangkumi sungai dan tasik serta sumber air di bawah permukaan tanah. Hampir 95 peratus sumber bekalan air di negara ini daripada air permukaan dengan pembinaan empangan bagi takungan air serta sumber hidroelektrik.

Penggunaan air bawah tanah di Malaysia masih minimum dan dianggarkan membabitkan kurang daripada tiga peratus berbanding negara lain, walaupun Malaysia mempunyai sumber air bawah tanah berkapasiti 5,000 bilion meter padu dengan keupayaan penjanaan semula sebanyak 64 bilion meter padu setahun. Faktor utama mempengaruhi penggunaan itu ialah Malaysia mempunyai sungai mengalir sepanjang tahun yang menjadi sumber utama bekalan selain pengurusan mendapatkan air dari sungai lebih mudah.

Kapasiti air yang sangat besar itu berupaya menjadi sumber alternatif bekalan air negara bagi menampung keperluan bekalan air terutama ketika berlaku pencemaran kepada bekalan air permukaan. Air dalam tanah ialah air bersih berpuncak daripada air hujan meresap dari permukaan melalui tanah dan terkumpul dalam rongga batuan dan butiran tanah. Lapisan batuan dan tanah yang kaya dengan air serta produktif untuk ekstrak dikenali sebagai akuifer.

Lapisan akuifer ini mesti bersifat telap yang membolehkan air mengalir melaluiinya. Sifat telap air penting dalam menentukan air dalam akuifer boleh diambil dalam kadar tertentu dan pada masa sama, kuantiti air yang diambil boleh dijana semula.


Air bawah tanah sumber alternatif

Air bawah tanah berpotensi tinggi untuk menjadi alternatif atau jalan keluar kepada masalah air tanpa meninggira tempat termasuk Kelantan namun eksplorasi air bawah tanah perlu dipergiat bagi meningkatkan penggunaan air tanah sebagai sumber bekalan. Setakat ini, kebanyakan penggunaan air bawah tanah adalah untuk tujuan domestik dilakukan individu setempat, selain untuk pertanian dan penternakan.

Statistik (2017) menunjukkan Kelantan menjadikan air bawah tanah sumber air utama mereka iaitu kira-kira 170,000 meter padu sehari. Bagaimanapun Terengganu, Perlis, Pahang, Kedah, Sabah, Sarawak dan Labuan juga menggunakan air tanah tetapi dengan skala kecil.

Eksplorasi air tanah perlu digiatkan oleh agensi kerajaan dengan melaksanakannya secara sistematis dan mengetahui maklumat geologi terperinci sesuatu kawasan sebelum penggerusian seperti jenis batuan, struktur perlapisan batuan dan kedudukan lapisan akuifer baik.

Oleh itu, antara kaedah kajian harus dilakukan sebelum penggerusian ialah kajian geofizik bagi melihat struktur perlapisan batuan di bawah permukaan. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah keberintangan geoelektrik yang menganggarkan porositi lapisan batuan berdasarkan nilai keberintangan geoelektrik.



Jalur aliran air bawah tanah sangat bervariasi dalam sistem air bawah tanah.

Eksplorasi air tanah sebagai sumber air alternatif selain sumber air permukaan hasil kerjasama agensi kerajaan dan pihak swasta di beberapa negeri merupakan langkah tepat bagi membangunkan penggunaan air tanah sebagai sumber alternatif bekalan air negara.



Pembangunan sumber air tanah di kawasan bermasalah bekalan air bersih.

(Sumber: Jabatan Mineral & Geologi Malaysia)

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menerusi Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sedang giat melaksanakan aktiviti seperti pemetaan, pembangunan, pemantauan dan Pembangunan Pusat Data dan Inventori Air Bawah Tanah bagi meningkatkan penggunaan air bawah tanah. Langkah itu bertujuan meningkatkan penggunaan air bawah tanah sebagai sumber konjunksi bekalan air negara untuk kegunaan struktur binaan seperti empangan bawah tanah, imbuhan akuifer terurus dan susunan tebing sungai.

Kajian Sumber Air Negara (NWRS) bagi Semenanjung Malaysia (2000-2050) mendapati air bawah tanah boleh dijadikan sumber air alternatif bagi kawasan luar bandar dan terpencil untuk pelbagai kegunaan termasuk perindustrian, pertanian dan domestik melalui beberapa kaedah dan proses yang bersesuaian. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Air Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan di Taman Awam Bera, Pahang pada Mac 2022.

Kos operasi air bawah tanah lebih murah

Berdasarkan kajian, kos operasi melibatkan air bawah tanah lebih rendah membandingkan air tersebut lebih berkualiti dan memerlukan rawatan yang minima berbanding air permukaan yang terdedah kepada pencemaran. Sumber air ini sangat bernilai dan susah untuk tercemar disebabkan wujudnya penapis semula jadi dan jauh di dalam bumi.

Bagi Kelantan umpamanya, penggunaan telaga tiub atau dipanggil telaga boring amat meluas. Tahap penggunaan telaga tiub bagi mendapatkan air bawah tanah semakin mendapat perhatian ramai pihak khususnya bagi kegunaan domestik dan tidak mustahil kaedah yang sama boleh digunakan secara meluas sebagai jalan keluar bagi mengatasi masalah air bersih di negeri ini.

Menurut Pengurus Besar, Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn. Bhd. (KUM) Dr. Mohd Roshdi Hassan, sumber air bawah tanah berpotensi besar untuk dibangunkan di negeri ini seterusnya menjadi sumber air alternatif bagi kegunaan rakyat.

Teknologi yang tepat mampu merealisasikan perkara tersebut sekali gus menjimatkan kos operasi membandingkan air bumi lebih berkualiti dan memerlukan kos rawatan yang minima. Malaysia mempunyai teknologi tersebut namun perlu ditambah baik bagi memenuhi keperluan semasa seterusnya mencapai objektif pelaksanaan.



AKSB menaik taraf pembinaan telaga tiub air bawah tanah.

Untuk perkongsian bersama, KUM adalah syarikat induk kepada Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dan beberapa anak syarikat yang lain. Manakala KUM pula merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Menurut Dr. Roshdi, kajian mendapati air bawah tanah memiliki kualiti sama seperti air mineral yang dibotolkan, kaya dengan galian (mineral) seperti kalsium, natrium, klorida, kalium, sulfat, magnesium dan bikarbonat. Di sesetengah tempat, ia boleh diminum begitu sahaja tanpa perlu diproses, namun sebagai syarat, pembekal air perlu memasukkan klorin sebelum berbuat demikian.

Jelasnya, air bumi memiliki kurang sisa rawatan berbanding air permukaan yang mudah tercemar sekali gus membolehkan kos merawatnya lebih murah dan bersifat lestari kerana kurang dipengaruhi perubahan cuaca serta pengurusannya bersifat mesra alam sekitar.

Berkongsi pandangan dalam usaha menangani isu bekalan air bersih di Kelantan, menurut Dr. Roshdi kepuasan pelanggan di negeri ini menjadi titik penting dalam usaha tersebut dengan membekalkan air bersih dan berkualiti sebagaimana yang diperlukan mereka sebagai pengguna. Perkhidmatan bekalan air bersih tidak akan berkembang dan mendapat hasil yang baik selagi keperluan utama itu tidak dapat dicapai. Apabila permintaan dapat dipenuhi dan hasil dapat ditingkatkan, barulah usaha mengurangkan kos perkhidmatan dengan menggunakan teknologi baharu dan penyelenggaraan pencegahan secara berkala dapat dilaksanakan seterusnya mendatangkan keuntungan yang memberangsangkan.

Pembangunan air bawah tanah Kelantan bermula tahun 2020

Sumber air tanah adalah pilihan utama dalam pembangunan sumber air mentah di negara maju. Di Denmark sebagai contoh, negara yang menerima purata hujan (termasuk salji) tahunan sebanyak 750 mm, hampir 100% air mentah yang dibangunkan untuk pelbagai penggunaan adalah air tanah, manakala Malaysia menerima purata hujan sebanyak 2500 mm.

Pembangunan sumber air tanah untuk bekalan air awam di Kelantan perlu ditingkatkan dari aspek kecekapan pembangunan air tanah dan kecekapan proses rawatan air tanah untuk bekalan air awam. Sistem proses rawatan air tanah yang betul mula digunakan di Kelantan pada tahun 2020 dengan pembinaan loji rawatan air mini di bawah peruntukan kerajaan negeri.

Pembangunan air tanah yang betul mula digunakan di Kelantan apabila kontraktor air tanah yang berwibawa telah dilantik pada tahun 2021 untuk membina telaga-telaga ujian dan pengeluaran. Pembangunan



Penggalian air bawah tanah (sumber PMO).

sumber air tanah di Kelantan dan pengoperasian loji berasaskan air tanah di Kelantan akan menjadi contoh bagi negeri-negeri lain di Malaysia dan rantau ini.

Antara kelebihan pembangunan air tanah untuk pembangunan negara adalah senang diperolehi di lokasi yang memerlukan air dan boleh dibangunkan secara berfasa mengikut keperluan dengan kos pembangunan yang rendah; kuantiti dan kualiti air tanah juga stabil serta tiada impak negatif kepada alam sekeliling sekiranya dibangunkan oleh perunding dan kontraktor yang berwibawa; dan sumber air tanah adalah kalis cuaca dan tidak mudah dipengaruhi oleh perubahan iklim dunia.

Ketika perkongsian bersama Berita Harian pada Mac 2018, Pengurus Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo berkata, jika mempunyai pengetahuan mengenai punca air, rejim aliran dan keupayaan penggantian, ia dapat memanfaatkan kita buat selama-lamanya.

Penambahbaikan pada masa hadapan

Setiap negeri perlu mempunyai iltizam politik bahawa satu hari nanti semua kampung dan pekan di kawasan luar bandar dibekalkan dengan air tanah akuifer batuan. Jika dahulu, mereka minum air pergi (air tanah hampir permukaan) yang perlu dimasak terlebih dahulu, kemajuan membolehkan mereka minum air yang diproses disalurkan ke rumah melalui paip.

Pada masa hadapan, setiap rumah di luar bandar boleh dibekalkan dengan air tanah akuifer batuan yang berkualiti tinggi tanpa proses dan klorin serta boleh diminum terus daripada paip. Inilah makna sebenar kemajuan negara dan kesejahteraan komuniti. ■

TOK BALI SUPPLY BASE KEPADА PELABUHAN

Transformasi Tok Bali

Pembangunan bersepadu di kawasan Tok Bali, Pasir Putih merupakan antara projek pembangunan utama Kelantan yang bakal mengubah landskap ekonomi negeri ini sekali gus meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan penduduk. Transformasi Tok Bali sebagai kawasan pertumbuhan baharu bagi pelaburan di Kelantan dipergiat dengan pelbagai projek pembangunan termasuk Pangkalan Bekalan Tok Bali/Tok Bali Supply Base (TBSB), Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali (TBIFP) dan Pembangunan Taman Industri Tok Bali (TBIP).

Pembangunan yang memberi tumpuan terhadap lima sektor utama iaitu pembuatan, perikanan, minyak dan gas, logistik dan perkhidmatan serta ekopelancongan akan mempelbagaikan ekonomi di kawasan ini dan meningkatkan daya saing Tok Bali sebagai destinasi pelaburan. Projek berimpak tinggi di kawasan ini dan infrastruktur luaran yang dibangunkan diyakini dapat menyumbang kepada sasaran pelaburan sekali gus memberi peluang pekerjaan berpendapatan tinggi malah membuka peluang keusahawanan kepada masyarakat setempat.

Pembangunan dan naik taraf infrastruktur di kawasan Tok Bali juga dijangka dapat meningkatkan kapasitinya menjadi pusat wilayah pertumbuhan perdagangan. TBSB adalah pangkalan bekalan minyak dan gas yang ketiga di Malaysia yang dibangunkan oleh inisiatif swasta akan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada industri petroleum dan gas luar pesisir bahagian utara Pantai Timur Semenanjung. TBSB ini bertujuan menyediakan pusat sehenti bagi Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dan syarikat perkhidmatan di kawasan pembangunan bersama (JDA) Lembangan Melayu Utara.

JDA merupakan kawasan penerokaan sumber minyak dan gas yang membabitkan usaha sama Malaysia - Thailand. TBIP pula adalah taman perindustrian campuran yang memberi tumpuan terhadap aktiviti nilai tambah (hiliran) yang melibatkan pengeluaran produk berasaskan minyak sawit dan minyak kelapa, bahan pembinaan berasaskan kayu, pembuatan logam dan pembuatan am.

Manakala, TBIFP berperanan menyediakan kemudahan asas pendaratan ikan yang moden dan bersepadu selaras dengan hasrat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk mengembangkan industri perikanan dengan penyertaan sektor swasta. Ia juga dapat menarik pendaratan bot-bot tangkapan ikan laut dalam dari selatan Thailand dan Vietnam.



Insentif cukai khas pacu pelaburan di Tok Bali

Kementerian Kewangan meluluskan insentif cukai khas untuk memacu pelaburan di Tok Bali sebagai pusat pertumbuhan baharu di negeri ini dengan memberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun dan cukai pendapatan pada kadar istimewa 17 peratus bagi lima tahun berikutnya.

Mantan Menteri Kewangan, Tengku Dato' Sri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata selepas melawat Tok Bali sempena Jelajah Bajet 2022 di Kelantan pada Januari 2022, individu pemastautin bukan warganegara yang memegang jawatan pengurusan kanan bagi syarikat yang diluluskan insentif itu hanya akan dikenakan kadar cukai rata sebanyak 15 peratus untuk meningkatkan daya saing Kelantan sebagai destinasi pelaburan.

Menyedari cabaran yang dihadapi Kelantan, kerajaan Persekutuan yakin bahawa insentif cukai khas yang dilaksanakan melalui East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) itu akan merancakkan transformasi ekonomi negeri. Pada masa yang sama, projek pembangunan infrastruktur dan saling hubung di kawasan berhampiran seperti Jalan Central Spine dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) juga dapat meningkatkan tarikan pelaburan terutamanya ke kawasan Tok Bali.

Industri tersebut telah berjaya membawa kemajuan pembangunan TBSB melalui peningkatan kontraktor sokongan dan ejen yang mencecah 40 syarikat sehingga kini yang mampu membuka peluang pekerjaan berskala rendah, sederhana dan tinggi kepada rakyat Kelantan di samping menjana hasil kepada kerajaan negeri.

Sebagai rekod, pelan induk pembangunan TBSB yang merangkumi lima fasa secara berperingkat bermula tahun 2014-2039 (25 tahun) melibatkan luas keseluruhan 565 ekar dirangka secara strategik berdasarkan permintaan syarikat-syarikat minyak, kontraktor sokongan dan pemain industri minyak dan gas (MIGAS) tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, TBSB juga merancang pembangunan perniagaan baharu iaitu pelabuhan komersial sebagai satu cabang perniagaan yang bakal menawarkan peluang tenaga kerja dan pengusaha komoditi komersial menjayakan keberhasilan tinggi.

TBSB bakal dinaik taraf kepada Pelabuhan

Mula dibincangkan pada tahun 2020, TBSB bakal dibangunkan kepada sebuah pelabuhan bagi merancakkan lagi pembangunan kawasan tersebut. Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob pada Mac 2022 berkata, kerajaan negeri melalui ECERDC sedang berusaha menaik taraf pangkalan itu kepada pelabuhan secara berperingkat.

Dalam usaha itu, kerajaan perlu memastikan pelabuhan Tok Bali mempunyai aktiviti eksport dan import antaranya minyak sawit mentah dan mineral bagi membolehkannya berfungsi. Susulan usaha tersebut, Dato' Ahmad pada Jun 2022 memaklumkan, ECERDC secara rasmi sedang meneliti cadangan untuk menaik taraf TBSB kepada sebuah pelabuhan.

Langkah tersebut diambil untuk memanfaatkan keputusan kerajaan meluluskan insentif cukai khas untuk memacu pelaburan di Tok Bali sebagai pusat pertumbuhan baharu dengan memberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun dan cukai pendapatan pada kadar istimewa 17 peratus bagi lima tahun berikutnya. ECERDC sedang meneliti (cadangan) untuk menaik taraf TBSB yang ada sekarang kepada sebuah pelabuhan secara rasmi.

Pelabuhan ini akan membantu pihak berkuasa mengadakan hubungan dagang secara terus dengan Thailand, Vietnam dan China, seterusnya memusatkan pertumbuhan ekonomi di Tok Bali.

Berikutan insentif pengecualian cukai itu, Jawatankuasa Pembangunan Tok Bali telah diwujudkan yang dipengerusikan oleh beliau bersama-sama mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Dato' Sri Mustapa Mohamed. Jawatankuasa ini akan bertindak menyelaras projek-projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan swasta di Tok Bali.



TBSB berjaya tarik pemain unggul industri

TBSB yang berfungsi sebagai hab dan pangkalan bekalan untuk kesemua kegiatan logistik hiliran dan hulu petroleum telah memulakan operasi sepenuhnya pada September 2015 dan berjaya menarik keyakinan pemain unggul industri untuk bertapak di TBSB seperti Hess Exploration and Production Malaysia B.V, Hibiscus Oil & Gas Malaysia Limited, Carigali Hess Operating Company Sdn Bhd dan Carigali-PTTEPI Operating Company Sdn Bhd.

"Kerajaan terpaksa bertindak cepat supaya pelabuhan tidak beralih dan membuat pelabuhan di Selatan Thailand, sedangkan di tempat kita lebih berpotensi berbanding wilayah tersebut," katanya. Sementara itu, Pengurus Besar (Bahagian Pelaksanaan Projek) ECERDC, Arizan Arifin berkata, cadangan menaiktaraf pangkalan bekalan kepada pelabuhan tersebut akan dikaji secara menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek yang berkaitan.

TBSB berpotensi besar untuk dibangunkan dan mampu merancakkan ekonomi Kelantan sebagaimana pelabuhan terdekat iaitu Pelabuhan Kemaman, Terengganu dan Kuantan, Pahang. Pangkalan ini berada di lokasi yang strategik dan berpotensi besar untuk dibangunkan sekali gus menjadi nadi pembangunan bersepadu Tok Bali. Ia bukan sahaja menyediakan kemudahan kepada pemain industri tetapi merancakkan ekonomi kepada penduduk sekitar khususnya rakyat Kelantan.

Potensi dan nilai komersial Pelabuhan Tok Bali

Kedudukan Tok Bali yang strategik kerana bersempadan dengan Thailand dan selatan Vietnam dilihat pilihan yang tepat untuk dibangunkan sebagai pangkalan bekalan bagi perkhidmatan marin kepada syarikat minyak dan gas beroperasi di luar pesisir di Projek Lembangan Melayu Utara, Kawasan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) dan Kawasan Aturan Komersial Malaysia-Vietnam (CAA). Berdasarkan lokasi itu, TBSB berpotensi dinaik taraf menjadi pelabuhan komersial dan diwartakan di bawah Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

Dalam rancangan induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Tok Bali dikenal pasti sebagai antara kawasan tumpuan dapat diakses melalui darat, kereta api dan laut iaitu sambungan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Jalan Raya Pantai Timur (LPT 3) serta terminal pelabuhan bersepadu.



Bermula sebagai pelabuhan penghantar

Pelabuhan komersial Tok Bali boleh bermula sebagai pelabuhan penghantar (feeder) yang memfokuskan kargo umum bagi jangka pendek sebelum menjadi pelabuhan laut dalam mengendalikan perdagangan kontena pedalaman dan pemunggahan. Menurut perkongsian Penyelidik Kanan, Institut Maritim Malaysia (MIMA), Ang Chin Hup pada Januari 2021, kedudukan TBSB dililiti oleh tiga pelabuhan penghantar dengan Pelabuhan Songkhla di utara, manakala Pelabuhan Kemaman dan Kuantan di selatan Tok Bali menjadi kelebihan untuk sama-sama bersaing dan mendapat manfaat. Kedudukan TBSB yang sejajar dengan Wilayah Mekong Besar juga membolehkan Tok Bali menerima limpahan manfaat kepesatan projek terbabit.

Dalam masa yang sama, TBSB juga berpotensi sebagai terminal kapal pelayaran sesuai dengan permintaan yang semakin meningkat dalam sektor pelancongan.

Berpotensi sebagai Pelabuhan Laut Dalam

Dalam perkongsian yang sama, Chin Hup berkata, Pelabuhan Tok Bali memerlukan sumber dan pelaburan besar daripada pihak syarikat operator dan kerajaan untuk bersaing dengan pelabuhan lebih besar yang terdekat iaitu Pelabuhan Laem Chabang di Thailand dan Pelabuhan Cai Mep di Vietnam. Namun, Pelabuhan Tok Bali berpotensi untuk menjadi pelabuhan laut dalam untuk mengalihkan kehadiran kapal kontena dari kedua-dua pelabuhan itu. ■





Hotel The Grand Renai, Kota Bharu.

Sektor pelancongan antara yang paling terkesan dalam mencatatkan kegelongsoran kutipan berikutan bahan pandemik COVID-19, ia secara langsung meletakkan industri perhotelan dalam situasi terumbang-ambing dan bertahan setakat mampu. Selama dalam belenggu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), industri perhotelan di Kelantan bagai bernafas dalam lumpur iaitu satu fenomena yang hampir melumpuhkan operasi hotel-hotel di negeri ini khususnya hotel-hotel besar.

Namun begitu, kewibawaan dan kredibiliti pengurusan berjaya membawa hotel masing-masing bertahan selama tempoh tersebut sehingga PKP dirungkai, persis diketemui cahaya penuh keajaiban yang muncul pada hujung terowong. Sebaik tamat tempoh PKP, hotel-hotel di Kelantan tidak menang tangan menerima tempahan bilik dan kaunter daftar masuk hingar bagi majlis keraian.

Tempahan bilik capai tahap maksima

Menurut Pengurus Besar, Hotel The Grand Renai, Amer Ahmad, tempahan bilik kini meningkat pada kadar yang sangat memberangsangkan dan permintaan bilik sering pada tahap maksima pada hujung minggu serta

INDUSTRI PERHOTELAN DI KELANTAN KEMBALI MERIAH SELEPAS PKP

cuti umum. "Kalau sebelum ini, iaitu sewaktu tempoh PKP, kadar occupancy (penghunian) bilik sekitar 20% hingga 30% sahaja, ia sesuatu yang amat membimbangkan dan kami sedaya upaya melakukan yang terbaik untuk memastikan hotel mampu terus bertahan dan beroperasi secara mantap. "Alhamdulillah, selepas PKP ditamatkan, kadar penghunian meningkat mendadak sehingga 80%, bahkan mampu mencapai 90%, ini satu perkembangan yang sangat baik dan saya yakin ia turut berlaku pada hotel-hotel lain di Kelantan," katanya.

Amer yang berpengalaman lebih 20 tahun dalam industri perhotelan Kelantan tidak menafikan faktor vaksinasi lengkap, cuti umum dan cuti sekolah menjadi sebab utama lonjakan hebat kadar penghunian hotel. Berdasarkan perkembangan tersebut, beliau berpandangan positif dan yakin industri perhotelan di Kelantan bukan sahaja telah kembali ke landasan yang sewajarnya malah berpotensi melakar catatan yang lebih cemerlang berbanding sebelum pandemik.

Untuk rekod, Hotel The Grand Renai adalah penjenamaan semula dari sebuah hotel lima bintang dan merupakan salah sebuah hotel berprestij di Kelantan yang masih mengekalkan elemen budaya warisan dalam sajian makanan khususnya makanan tradisi Kelantan. Bukan gurauan jika ada yang mengatakan kalau berkunjung ke Kelantan, sebaiknya jangan datang tanpa membuat tempahan bilik, bak kata orang jangan "main terjah saja" kerana anda mungkin akan kecewa kerana hotel pilihan mungkin sudah penuh.

Perubahan ketara selepas PKP, bukan setakat permintaan terhadap bilik penginapan naik mendadak dalam kalangan pengunjung (dalam dan luar negeri), tetapi sesuatu yang agak menakjubkan ialah bilik hotel juga menjadi rebutan orang tempatan. Bunyinya agak pelik, namun itulah realiti apabila kita sudah terlalu lama dikekang dan terhad pergerakan berikutan pelaksanaan PKP.

Kini, semuanya mahu mencari ruang untuk berekreasi bersama keluarga menerusi pelbagai cara, termasuk bermalam di hotel yang tidak jauh dari rumah. Antara hasil tinjauan yang sangat menarik ialah orang setempat menjadi faktor bilik hotel penuh pada hari Khamis dan Jumaat, ini jelas berlaku di hotel-hotel yang dilengkapi kolam renang.

Tempahan bilik penuh setiap hujung minggu

Kemeriah menyambut pengunjung tempatan menjadikan panorama menarik di Hotel H Elite Design di Tunjong, Kota Bharu, sebuah hotel 19 tingkat berkonsep reka cipta moden dengan 279 bilik. Dengan menampilkan dua kolam di mana salah satu kolam tersedia permainan gelongsor khusus untuk kanak-kanak, menjadikan ia satu daya tarikan bagi pengunjung tempatan.

Menurut Pengurus Besar, Hotel H Elite Design, Hamzah Rosli, kelesuan kadar penginapan ketika PKP tidak mengendurkan semangat mereka untuk terus beroperasi dengan mengambil langkah keselamatan dan kesihatan yang perlu, selain merangka semula pengurusan yang lebih strategik.

"Bagaimanapun, waktu suram itu sudah berlalu sebaik PKP ditamatkan, kami seperti hotel lain amat teruja dengan tempahan bilik yang ada kalanya melebihnya apa yang mampu kami sediakan. Memang tidak menang tangan lebih-lebih lagi apabila tiba cuti panjang, cuti perayaan atau cuti sekolah. Kadar penghunian bilik naik sehingga 80% berbanding hanya 15% hingga 20% sepanjang PKP. Ini satu petanda positif, pertambahan pengunjung hotel secara tidak langsung turut menjana pendapatan lain-lain sektor, terutamanya makanan, pakaian dan pelancongan," katanya.

Difahamkan, bilik-bilik akan penuh secara total bukan sahaja ketika cuti, tetapi pada hari Khamis dan Jumaat. Agak unik apabila lebih daripada separuh penghuni bagi Khamis dan Jumaat adalah orang tempatan yang menjadikan kolam renang sebagai medan interaksi dan silaturahim anak-anak dan ibu bapa. Ternyata, orang Kelantan sendiri sangat gemar membawa anak-anak bermain di kolam renang pada hujung minggu sambil bersantai di kawasan kolam dan makan bersama keluarga. Menginap di hotel membolehkan anak-anak bermain air sehingga lewat petang.

Kolam renang di Hotel H Elite terletak di tingkat 18 merupakan antara kolam renang tertinggi di Kelantan.



Hotel H Elite Design, Tunjong.

Keramahan penduduk turut jadi tarikan

Selain tempat-tempat yang menarik dan "syurga makanan", keramahan penduduk Kelantan meraikan kedatangan pelancong ke negeri ini juga menjadi daya tarikan orang ramai ke Kelantan sebaik tempoh PKP ditamatkan. Tanpa mengira peringkat umur dan bangsa, orang Kelantan diakui peramah dan mudah mesra dengan sesiapa sahaja tanpa persepsi. Contoh yang paling dekat dan boleh dilihat dengan jelas adalah kaya senyuman dan tutur kata yang lembut khususnya dalam kalangan peniaga di kawasan pelancongan, pusat membeli-belah, kawasan bebas cukai dan pasar yang sudah menjadi trademark yang melekat di hati pengunjung.

Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) negeri Kelantan, Mohd Aidil Afizie Daud berkata, kelebihan tersebut menjadi daya tarikan penting yang menggantit kedatangan pelancong selain mempunyai lokasi pelancongan yang menarik dan syurga membeli-belah serta makanan. Kata orang, jika ke pasar atau tempat membeli-belah di Kelantan, kalau tak banyak pun, pasti ada sedikit barang yang akan dibeli untuk dibawa pulang kerana tertarik dengan layanan baik peniaga.

Pada masa yang sama, kawasan pelancongan yang diberi wajah baru oleh kerajaan juga menjadi tarikan terbaharu pada fasa endemik ini yang mana banyak memberi pilihan dengan pelbagai aktiviti menarik. Lokasi menarik untuk orang ramai sama ada penduduk tempatan dan pelancong tempatan yang ingin melarlam atau menunjukkan "Outfit of The Day" (OOTD) bagi menyemarakkan lagi suasana dan keseronokan percutian juga mula tumbuh bak cendawan selepas hujan sama ada di kawasan pelancongan sedia ada dan dibangunkan oleh pihak persendirian.



Hotel Holiday Villa & Suite, Wakaf Che Yeh.



Hotel Grand Riverview, Kota Bharu.

Selain makanan, destinasi menarik serta seni budaya menjadi tarikan lambakan pengunjung ke Kelantan, faktor pentadbiran Membangun Bersama Islam oleh kerajaan negeri juga menjadi tambatan hati pengunjung yang merasakan keberadaan mereka di negeri ini lebih selamat dan tenang.

Inisiatif berterusan kerajaan menerusi Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) yang sentiasa berkesinambungan dengan pelbagai aktiviti seni budaya serta pameran berjaya mencanang keindahan dan kehebatan destinasi yang ada di negeri ini, termasuk pertunjukan seni budaya yang dibawa terus ke perkaranan hotel secara berjadual.

Keprihatinan kerajaan negeri amat terserlah apabila melancarkan program pemberian baucar ketika industri hotel berdepan kemalapan sewaktu PKP. Pengunjung yang menginap di hotel akan beroleh potongan harga secara tunai dan kos diskaun tersebut ditanggung oleh kerajaan.

Kesungguhan kerajaan dalam membangunkan destinasi pelancongan khususnya kawasan peranginan semula jadi di beberapa jajahan dengan menaik taraf prasarna telah memberi kesan yang amat drastik dalam melipatgandakan jumlah pengunjung luar, secara tidak langsung bilik-bilik hotel beroleh permintaan yang luar biasa. ■



Gelanuguru Seni, Kota Bharu.



Hotel Sidek, Kota Bharu.

JAMBATAN PALEKBANG

BAKAL UBAH WAJAH KOTA BHARU



Sejarah

Suatu ketika dahulu, Palekbang dikatakan muncul sebagai sebuah pekan yang pesat dengan perdagangan berbanding tempat lain di Kelantan. Di sinilah nadi penggerak ekonomi negeri yang strategik dengan stesen kereta api dan feri dua tingkat dikenali sebagai Feri Belangkas yang menghubungkan penduduk setempat dengan bandar Kota Bharu.

Sesuai dengan sifatnya sebagai hab dan pekan transit, di sini juga didirikan penyimpanan sejuk (cold storage) yang menyimpan stok air botol F&N dan Coca-Cola, depo minyak kepunyaan Shell dan Esso serta kilang air batu - masing-masing membekalkan minyak dan ais ke seluruh negeri Kelantan.

Dikatakan nama Palekbang ini berasal daripada perkataan "bang" yang bermaksud azan mengikut loghat Kelantan. Kisah sebenar perlu dikaji lebih lagi. Di sini terdapat banyak juga tokong atau wat yang didirikan oleh penduduk setempat yang berasal dari Thailand dan beragama Buddha.

Mercu tanda baharu

Jika Kuala Terengganu berubah kerana Jambatan gantung, Kota Bharu juga bakal menikmati limpahan yang sama. Pengumuman pembinaan Jambatan Palekbang - Kota Bharu dibawah projek pembangunan lima koridor wilayah pembangunan ekonomi pada Belanjawan Negara 2021 mengujakan rakyat Kelantan khususnya penduduk Kota Bharu Utara dan Tumpat.

Projek yang dianggarkan bernilai lebih RM300 juta ini bakal menjadi mercu tanda dan tarikan ikonik bandar raya Kota Bharu setanding Jambatan Angkat Terengganu dan Menara Kuantan 188 yang masing-masing terletak di Kuala Terengganu dan Kuantan, Pahang.

Kewujudan tarikan ikonik yang ditunggu sekian lama selepas peletakan batu asas pada tahun 1996 itu juga diyakini mampu melonjakkan ekonomi penduduk dengan merangsang pelaburan dan peluang permagaan dalam pelbagai cabang selain membantu menyuraikan trafik antara Tumpat dan Kota Bharu.

Menariknya, pembinaannya juga akan melibatkan pembangunan pesisir sugai Kelantan di Kota Bharu sekali gus bakal memberi nafas baharu kepada pembangunan sungai Kelantan selain menyediakan pusat riadah kepada penduduk Kelantan.

Jambatan silaturahim menghubungkan Palekbang-Penambang

Jambatan sepanjang satu kilometer yang merentasi Sungai Kelantan dan menghubungkan Palekbang, Tumpat ke Penambang, Kota Bharu itu akan menjadi penghubung ke beberapa lokasi utama di Kota Bharu termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) dan pusat bandar.



Jambatan itu merupakan sebahagian dari Jalan Lingkar Dalam Kota Bharu menghubungkan Kota Bharu ke sempadan Malaysia-Thailand. Pada awal rancangan pembinaannya tahun 1996, jambatan ini menghubungkan Palekbang ke Kampung Cina namun diubah ke lokasi baharu iaitu Penambang atas faktor mengurangkan kos pembinaan. Lokasi baharu ini dapat mengurangkan kos pengambilan tanah yang mana kampung Cina padat dengan rumah.

Projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) tersebut bakal mengubah Kota Bharu sebagaimana yang terjadi di Kuala Terengganu apabila jambatan gantung yang dibina menjadikan bandar itu menerima kesan yang sangat luar biasa khususnya dari sudut ekonomi dan pelancongan.

Jelas, Terengganu kini boleh berbangga dengan pembinaan Jambatan gantung yang mana ia telah mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu di Kuala Nerus selain pesisir pantai berubah menjadi lokasi tumpuan pelancongan.

Alternatif bagi penyuraian trafik

Pada awal cadangan pembinaannya, jajaran alternatif bagi projek jambatan Palekbang Kota Bharu ini bertujuan untuk penyuraian trafik antara Tumpat dan Kota Bharu terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan. Pembinaan sepanjang satu kilometer ini akan menyuraikan trafik di jalan utama dalam bandar Kota Bharu dengan lebih efisien serta mengurangkan secara purata 34 peratus trafik di Jambatan Sultan Yahya Petra.



Selain itu, laluan ini dijadikan jalan pintas dari LTSIP ke Tumpat dan sebaliknya tanpa melalui bandar Kota Bharu serta akan bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan baharu di jajahan Tumpat. Pada masa yang sama, meningkatkan saling hubung penduduk setempat serta memudahkan pergerakan rakyat dan perdagangan rentas sempadan apabila siap kelak. Justeru, penduduk Tumpat selepas ini mempunyai jarak masa yang lebih singkat tanpa perlu meredah kesesakan bandar Kota Bharu untuk tiba di LTSIP.

Jambatan Palekbang-Kota Bharu bakal lonjak ekonomi Kelantan

Sebagaimana kita maklum, pelbagai projek pembangunan mega di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan projek sambungan daripada RMK-11 giat dilaksanakan bagi melonjakkan pembangunan Kelantan sekali gus merapatkan jurang ekonomi di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Selain Jambatan Palekbang, beberapa projek lain seperti menaik taraf LTSIP, pembangunan Terminal Laut Bersepadu di Bandar Maritim Tok Bali, Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3), Lebuhraya Utama Tengah (Central Spine Road) dan Projek Hubungan Rel Pantai Timur (ECRL) giat dilaksanakan.

Tidak ketinggalan, pembinaan Empangan Hidroelektrik Nenggiri, Empangan Hidroelektrik Lebir; Projek Tebatan Banjir Sungai Golok, Kompleks Sukan Bukit Merbau dan Pembangunan Sektor Agromakanan Agensi Peneraju.

Projek pembangunan berimpak tinggi yang sudah dan sedang dijalankan ini menjadi platform bagi melonjakkan pembangunan di negeri ini sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi Kelantan.

Projek berkenaan akan menarik lebih ramai pelabur dan sekali gus menggalakkan peluang pekerjaan serta keusahawanan di negeri ini.

Memetik Arizan Ariffin, Pengurus Besar Pelaksanaan Projek, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), ECERDC telah menjalankan pelan induk yang menyasarkan pelaburan swasta sebanyak RM9.5 bilion, 27,000 peluang pekerjaan dan 20,000 peluang keusahawanan.

Kajian pelan induk bandar Kota Bharu telah dijalankan sejak tahun 2013 yang mana pembinaan infrastruktur utama di seluruh negeri Kelantan akan bermula di sini sebagai *masterplan* dan dianggarkan lebih ramai pelabur untuk projek ini, juga bakal memanfaatkan orang ramai khususnya penduduk tempatan dan seluruh rakyat Kelantan.

"Kita perlukan laluan alternatif untuk seberang Sungai Kelantan ke Tumpat. Kedua, sebagai pemangkin peluasan bandar Kota Bharu sebab dalam merangka pelan induk, dalam Kota Bharu sudah tiada tanah yang besar untuk pembangunan masa depan bandar ini. Jadi pembinaan jambatan ini akan membolehkan pembesaran bandar ke Sungai Kelantan," katanya.




Mengenai reka bentuk jambatan berkenaan, ia dibina dengan nilai estetik yang bukan sahaja berunsurkan perhubungan, malah dari segi pelancongan.

Tingkat pembangunan negeri

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, pembangunan ekonomi Kelantan bakal mendapat lonjakan besar dengan kelulusan projek infrastruktur asas. Melalui Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040, projek pembangunan berimpak tinggi yang sudah dan sedang dijalankan menjadi platform bagi melonjakkan pembangunan di negeri ini. Projek baharu di bawah RMK-12 dan projek sambungan daripada RMK-11 menyumbang kepada pembangunan ekonomi Kelantan.

Dalam mendepani pembangunan dan kemajuan, Kelantan di bawah pentadbiran Membangun Bersama Islam istiqamah menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang mempunyai daya saing tinggi dari aspek ekonomi dengan mengimbangi pembangunan fizikal dan insan.

Pembangunan ekonomi Kampung Laut dan kawasan sekitar termasuk seluruh jajahan Tumpat akan turut terkesan dan mendapat impak besar hasil pembinaan Jambatan Palekbang-Kota Bharu ini.



Ia bukan sahaja mampu mempromosikan produk pelancongan di Kota Bharu tetapi juga di Tumpat termasuk pembangunan semula Kampung Laut bertepatan dengan pengisytiharan Kampung Laut sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Secara langsung, Kampung Laut akan menjadi tarikan pelancongan yang ikonik di negeri ini.

Projek pembangunan semula Kampung Laut sebagai Kampung Warisan yang berkonsepkan muzium hidup (living museum) itu membabitkan pembinaan Laman Warisan dan Laman Seni yang bukan sahaja dibangunkan untuk tarikan pelancong tetapi memberi peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan untuk menjual makanan tradisional dan kraftangan tempatan.

Kedua-dua projek, Jambatan Palekbang-Kota Bharu dan pembangunan semula Kampung Laut yang terletak berhampiran ini dijangka memperkuatkan lagi industri pelancongan negeri dengan peluang penjanaan ekonomi untuk rakyat di Kelantan sekali gus mampu menambah pendapatan dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Antara komponen utama dalam projek ini adalah pemindahan semula Masjid Kampung Laut yang berusia 300 tahun iaitu salah sebuah masjid tertua di Malaysia. Ini sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan nilai sejarah, budaya dan seni bina masjid tersebut serta menjadikannya sebuah mercu tanda warisan di Kelantan. ■

Sumber: <http://www.budayaseni.my>



Pada tahun 1989 sehingga 1994, sekumpulan doktor asing ditugaskan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) yang dihantar oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Tugas mereka membantu doktor tempatan dalam mengawal selia pesakit selain mengkaji dan melihat penyakit yang berkait dengan rakyat Kelantan. Salah seorangnya, Dr. Ricard Lee merupakan seorang doktor berasal dari kepulauan Hawaii, Amerika Syarikat hadir ke hospital itu khususnya ke Kelantan dengan berbekalkan sedikit maklumat sahaja.

Pertama kali menjelajah kaki di Kelantan, kumpulan kesihatan ini sudah dapat menyaksikan negeri ini mempunyai keistimewaan tersendiri khususnya budaya dan tatacara hidup yang berbeza. Tetapi apa yang paling menarik perhatian mereka ketika itu adalah keindahan pantai Kelantan yang membuatkan mereka jatuh hati dan terpukau. Berkongsi kisah ketika itu, Dr. Ricard menyatakan Pantai Cahaya Bulan (PCB) sangat indah, pasirnya memutih, kebersihan terjaga walaupun tidak ada pertubuhan yang bertanggungjawab menyelia pantai tersebut.

Ia ditambah pula dengan aktiviti budaya masyarakat pantai menarik perhatian mereka yang tidak melihat aktiviti-aktiviti seperti itu di negara mereka. Kapal-kapal kecil dihias cantik berwarna-warni ditambah dengan keramahan dan kemesraan orang kampung dan pengunjung yang bergotong-royong menaikkan kapal kecil ke daratan setelah selesai aktiviti menangkap ikan. Semua aktiviti itu dicoretkan sebagai kena-



Pantai Cahaya Bulan 90an
(sumber info semasa PCB)

ngan indah sejurus mereka menyelesaikan tugasannya setelah lebih lima tahun berada di negeri ini.

Bagaimanapun, setelah mereka bersara dan kembali ke negeri ini untuk bercuti pada awal tahun 1997, beberapa orang kumpulan doktor ini terkejut dengan keadaan pantai PCB.

Hakisan ubah wajah pantai

Faktor alam yang menyebabkan hakisan teruk berlaku, tiada lagi kisah "budaya orang pantai", pengunjung sepi dan hanya tinggal bunyi ombak yang menghakis keindahan dan memori warga asing. Ditambah pula isu kebersihan yang mana sampah bertaburan dan kesedaran tentang kebersihan menipis dalam kalangan masyarakat ketika itu. "Kami agak terkejut, faktor alam seperti hakisan ditambah dengan kecaknaan isu kebersihan tidak dititikberatkan menyebabkan tiada lagi keindahan, malah ia menyakitkan mata," kata Dr. Ricard.

Sikap dan budaya kurang cakna berlaku di sebahagian besar pantai di Kelantan. Ketika itu, Kelantan tidak lagi memiliki kawasan rekreasi yang baik untuk pengunjung. Itu cerita lama yang diungkit dan diterjah sebagai pedoman. Namun, ada cerita baharu kebelakangan ini. Orang ramai berpusu-pusu kembali ke pantai, aktiviti dipesisir pantai kembali hidup, aktiviti ekonomi rancak di sekitarnya. Adakalanya di sesetengah tempat, jalan masuknya bersesak-sesak. Ada lokasi tertentu di pantai menjadi viral, Pantai Senok berada dalam arus media sosial, tidak kurang yang mencari di mana Pantai Mek Mas dan terbaru Pantai Melawi, Bachok yang kelihatan berubah wajah.

Ubah mentaliti masyarakat

Kelantan dikenali sebagai "syurga" makanan dalam kalangan masyarakat tempatan dan penduduk luar, juga sering kali menjadi destinasi pelancongan pilihan ramai terutamanya pada musim cuti sekolah dan cuti umum. Segalanya lengkap di sini; negerinya indah, makanannya sedap, budayanya pelbagai dan penduduknya mesra. Pendek kata, jika bercuti dua hingga tiga hari ke sini, pastinya tidak cukup masa dan perlu datang lagi untuk kali seterusnya.

Pantai Kelantan

KEMBALI MENGGAMIT MEMORI

Oleh: Rohana Ismail



Sumber: Google

Ubah mentaliti masyarakat

Kelantan dikenali sebagai "syurga" makanan dalam kalangan masyarakat tempatan dan penduduk luar, juga sering kali menjadi destinasi pelancongan pilihan ramai terutamanya pada musim cuti sekolah dan cuti umum. Segalanya lengkap di sini; negerinya indah, makanannya sedap, budayanya pelbagai dan penduduknya mesra. Pendek kata, jika bercuti dua hingga tiga hari ke sini, pastinya tidak cukup masa dan perlu datang lagi untuk kali seterusnya.

Usaha berterusan kerajaan membangunkan kawasan-kawasan pelancongan turut merancakkan sektor pelancongan di negeri ini. Hari ini kita boleh melihat dengan jelas "wajah-wajah" baru kawasan pelancongan seperti pantai dan kawasan rekreasi yang giat ditambah baik sekali gus mengalukan kedatangan pelancong yang dapat menjana ekonomi penduduk tempatan. Namun dalam keindahan itu, Kelantan sering kali dikaitkan dengan isu kotor. Ada sahaja kritikan dan komen mengenai isu ini malah ia menjadi sinonim dengan negeri Cik Siti Wan Kembang.

Persoalannya, adakah penduduk Kelantan tidak menyedari perkara tersebut atau sudah menjadi perkara biasa secara tidak sengaja? Sebenarnya, bukan semua penduduk bersikap sebegitu tetapi inilah yang dikatakan kerana nilai setitik, rosak susu sebelanga. Dalam usaha memperkasakan kebersihan di negeri ini, pada tahun 2021, kerajaan Kelantan memperuntukkan RM11.2 juta dengan melancarkan program Kelantanku Bersih yang membabitkan projek meningkatkan dan menaik taraf kemudahan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan, Dr. Izani Husin berkata, peruntukan itu bagi membina dan menaik taraf kemudahan pusat rekreasi dan pelancongan, kemudahan awam pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pusat pelupusan sampah. Dengan peruntukan itu, PBT dapat melaksanakan program Kelantanku Bersih dengan lebih efektif membabitkan masyarakat.

"Saya menyeru semua pihak terutamanya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi berkaitan untuk berganding bahu bersama PBT bagi menjayakan hasrat kerajaan negeri dalam menjadikan kempen ini sinonim dalam jiwa rakyat sekali gus dapat meningkatkan kesedaran pentingnya kebersihan dalam aspek kehidupan. Semoga kerjasama daripada semua pihak dapat menjayakan kempen ini dan menjadikan Kelantan sebagai salah sebuah negeri terbersih tercapai," katanya semasa Pelancaran Zon Bersih, Indah dan Ceria PBT Negeri Kelantan.

Pantai di Kelantan berwajah baharu

Kini, rata-rata pengunjung menyatakan pantai-pantai di Kelantan sudah berubah wajah berbanding dahulu yang mana prasarana sangat daif dan sampah-sarap memenuhi pesisir pantai disebabkan sikap pengunjung yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di merata tempat. Kini pantai di Kelantan sudah cantik dan ceria, dan banyak perubahan terutamanya dari segi kemudahan awam dan keceriaan apabila setiap pantai dinaikkan arca, pintu gerbang serta banyak lagi kemudahan lain.

Pengunjung ke Pantai Irama juga semakin meningkat sejak kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan. Suasana pantai semakin ceria dan ramai pelancong datang untuk bergambar terutamanya di arca Pantai Irama yang dibina oleh PBT. Apabila ramai pengunjung, jualan pun laris sekali gus memberi nafas baharu kepada peniaga kecil. Malah banyak gerai sedang giat dibina bagi menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dan merancakkan lagi ekonomi di pantai tersebut.



Projek naik taraf pusat rekreasi

Projek naik taraf tempat rekreasi di bawah peruntukan agenda Kelantanku Bersih bagi tahun 2021 telah merekodkan perbelanjaan sebanyak RM1.05 juta. Rekod perbelanjaan tersebut telah dikeluarkan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kelantan yang melibatkan 20 projek naik taraf tempat rekreasi di tujuh PBT tahun lepas bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada masyarakat untuk melakukan aktiviti.

Antara projek naik taraf tempat rekreasi yang terlibat pada tahun 2021 dibawah peruntukan agenda Kelantanku Bersih ialah:

- 1 Projek menaik taraf infrastuktur awam di Pantai Melawi, Bachok (RM381,920.00).**
- 2 Projek menaik taraf trek lalu lintas atau jogging di Taman Al-Fursan, Kota Bharu (RM65,500.00).**
- 3 Projek menaik taraf gerai di Taman Tasik Krai, Kuala Krai (RM60,000.00).**



Justeru itu, bagi meneruskan agenda Kelantanku Bersih, peruntukan sebanyak RM11.2 juta turut dibentangkan dalam Belanjawan Negeri Kelantan 2022 yang telah diumumkan oleh Menteri Besar Kelantan pada 2 Disember 2021 bagi melaksanakan program kebersihan, menaik taraf kemudahan awam PBT serta pusat pelupusan sampah, juga membina dan menaik taraf kemudahan pusat rekreasi dan pelancongan.

Bagi projek naik taraf tempat rekreasi khususnya, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kelantan merekodkan RM757,830 diperuntukkan bagi tahun 2022 yang membabitkan beberapa projek di PBT antaranya Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Majlis Daerah Gua Musang (MDGM), Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP), Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK), Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) dan Majlis Daerah Bachok-Bandar Pelancongan Islam (MDB-BPI).

Kempen Kelantanku Bersih

Ia dicetuskan oleh sekumpulan golongan profesional perubatan dan kesihatan daripada NGO, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) Malaysia, sebuah NGO yang dianggotai oleh kakitangan kerajaan dan swasta dalam bidang perubatan dan kesihatan termasuk doktor pakar, pegawai perubatan, jururawat, pakar pemakanan, dan lain-lain lagi.

Gerakan Kempen Kelantanku Bersih ini bernaung di bawah kerajaan negeri dengan sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan politik. Setelah gerakan ini semakin diterima ramai, maka penyertaan dibuka kepada semua pihak yang ingin turut serta dalam mencapai impian menjadikan Kelantan sebuah negeri bersih.

Sehingga kini, terdapat banyak pihak khususnya NGO,

universiti, agensi kerajaan dan sebagainya menyatakan sokongan kepada gerakan ini dengan pelbagai kempen dan gotong-royong telah masuk beberapa siri. Kempen ni bermula pada awal pertengahan Mei 2018 tatkala pilihan raya umum baru sahaja tamat. Waktu itu bahan-bahan kempen pilihan raya termasuk bahan-bahan bercetak masih berselerak di jalan-jalan raya. Di situ lah bermulanya kempen ini.

Kempen ini digerakkan oleh kerajaan negeri Kelantan di bawah Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Dr. Izani Hussin, serta mendapat sokongan padu daripada rakyat Kelantan yang mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan. Pihak Jawatankuasa Kebersihan Negeri Kelantan telah menggariskan bahawa Kempen Kelantanku Bersih akan dilaksanakan selama tiga tahun (minimum). Kempen ini dibahagikan kepada tiga fasa yang mana setiap fasa mempunyai objektif serta aktivitinya yang tersendiri.

Tiga fasa pertama Kelantanku Bersih

Fasa pertama merujuk Fasa Pendidikan (Jun 2018 – Jun 2019). Fokus utama pada fasa ini adalah untuk mendidik masyarakat tentang amalan kebersihan. Fasa kedua (Jun 2019 – Jun 2020) pula iadalah Fasa Penguatkuasaan. Pada fasa ini, pihak kerajaan melalui PBT dengan kerjasama masyarakat akan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang terhadap pesalah-pesalah yang melibatkan kebersihan.

Fasa ketiga merujuk Fasa Pemerkasaan (Jun 2020 – 2021). Dalam fasa ini, pihak kerajaan serta seluruh rakyat Kelantan akan berganding bahu dalam pelbagai aspek bagi memastikan negeri Kelantan benar-benar menjadi sebuah negeri yang bersih.

Kini Kelantanku Bersih sudah menjadi agenda kerajaan. Ia perlu mendapat sokongan dan dukungan semua pihak. Seluruh rakyat Kelantan tanpa mengira bangsa, agama, serta fahaman politik perlu sama-sama terlibat secara aktif dalam menjayakan agenda ini bagi menjadikan Kelantan sebuah negeri yang ceria dan bersih sekali gus memberi kesejahteraan kepada rakyat. ■





*BIASISWA &
DERMASISWA
DISEDIAKAN

*YURAN PENGAJIAN
ASASI PERCUMA

(berdasarkan termasuk sporot)

Jom Masuk Kolej Universiti KIAS!

PENGAMBILAN SESI JUN & NOVEMBER

ASASI

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari

1. Asasi Pengajian Islam

[HP/IPS/HQA/PA 1458] (N/221/3/0268309/26)

Fakulti Pengurusan & Teknologi Maklumat

2. Asasi Pengurusan Perniagaan

[HP/IPS/HQA/PA 15057] (N/34013/0000/01/27)

IJAZAH SARJANA MUDA

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari

1. Sarjana Muda Syariah Dengan Pengurusan Halal (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15034)] (N/221/4/0244/21/29)

2. Sarjana Muda Usuluddin Dengan Pengurusan (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15070)] (N/221/4/0244/11/28)

3. Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Pengurusan (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15039)] (N/221/4/0000) 01/29

4. Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran Dengan Pengurusan (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15036)] (N/221/4/0000) 01/29

5. Sarjana Muda Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15071)] (N/222/6/0000) 01/29

6. Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15035)] (N/153/6/0000) 01/29

Fakulti Pengurusan & Teknologi Maklumat

1. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (Kewangan Islam) (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15072)] (N/342/6/0000) 01/29

2. Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Multimedia (Kepujian)

[HP/IPS (HQA/PA 15058)] (N/342/6/0000) 01/29

DIPLOMA

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari

1. Diploma Usuluddin

[HP/IPS (A 9178) (R2/221/4/0075)07/23]

2. Diploma Al-Syariah

[HP/IPS (A 9179) (R2/221/4/0077)07/23]

3. Diploma Bahasa Arab

[HP/IPS (A 6798) (R3/224/4/013)03/23]

4. Diploma Pengajian Turath

[HP/IPS (HQA/TA 9378) (N/221/4/0296)07/23]

5. Diploma Tahfiz Al-Quran

[HP/IPS (A 10010) (R2/221/4/0167)02/27]

6. Diploma Tarannum Al-Quran

[HP/IPS (A 9991) (R2/221/4/0110)02/23]

7. Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat

[HP/IPS (HQA/PA 9379) (N/221/4/0237)09/23]

8. Diploma Pengajian Islam

[HP/IPS (HQA/PA 15081) (N/221/4/0238)09/23]

9. Diploma Dakwah Dengan Media

[HP/IPS (HQA/FA 2706) (R2/221/4/0088)10/13]

10. Diploma Pengurusan Halal

[HP/IPS (HQA/PA 6534) (R2/345/4/1070A)10/29]

11. Diploma Kaunseling

[HP/IPS (HQA/FA 2704) (R2/762/4/0014)10/24]

12. Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak

[HP/IPS (HQA/PA 3021) (R2/143/4/0071)10/23]

Fakulti Pengurusan & Teknologi Maklumat

1. Diploma Kewangan Islam

[HP/IPS (A 16173) (R2/243/4/0169)12/24]

2. Diploma Pengurusan Logistik Dan Rantau Bakalan

[HP/IPS (HQA/FA 2708) (N/345/4/1539)05/24]

3. Diploma Teknologi Maklumat

[HP/IPS (HQA/PA 15066) (N/442/4/0021)02/27]

Jom Kenali Kolej Universiti KIAS...


- Terletak di Nilampuri, Kota Bharu yang monawarikan 2 program Asasi, 15 Diploma, dan 8 Ijazah Sarjana Muda.
- Program pengajian yang mendapat pengiktirafan MQA & JPA.
- BIASISWA sebanyak RM 9500 setahun kepada pelajar yang menyambung ke peringkat Ijazah Sarjana Muda KIAS.
- DERMASISWA sebanyak RM 7500 setahun kepada pelajar yang menyambung ke peringkat Diploma KIAS.
- YURAN PENGAJIAN PERCUMA bagi semua program Asasi iaitu program persediaan satu tahun ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di bawah Skim Biasiswa KIAS.
- Lepasan SPM yang menyambung pengajian dalam Diploma Al-Syariah, Diploma Usuluddin, Diploma Bahasa Arab di IAS berpeluang menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Maahad As-Shoubra, Hesil selama 3 tahun. (Pinjaman MARA disediakan)
- Lepasan SPM yang menyambung pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran, dan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat di KIAS berpeluang menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Maahad As-Shoubra, Hesil selama 3 tahun. (Pinjaman MARA disediakan)
- remudahan percutian kewangan di HESIL dan YAKIN juga disediakan.
- Yuran pengajian termurah dan kos sara hidup yang rendah.

09-7129 386 / 09-7129 387

www.kias.edu.my



016-9877774 (Pn Ama)
019-9203202 (Cik Shuzi)
017-9773629 (En Azlan)



MOHD AMAR ABDULLAH

**TETAP PERTAHANKAN
KELANTAN WALAUPUN
“TUBUH CEDERA”**

Ketika mana penulis memasuki pejabatnya di Kota Darulnaim, raut wajahnya kelihatan bersahaja dan sesekali senyum walaupun ketika itu serangan politik terhadapnya terus memuncak. Raut wajahnya yang tenang menunjukkan beliau cukup bersedia meskipun musuh politiknya sentiasa mencari ruang untuk menjadikannya bahan cerita. Terbaru, ketika itu, gambar sedang mengisi minyak kenderaan peribadinya di sebuah stesen minyak turut tular dan menjadi bahan perdebatan di media sosial.

"Saya tidak boleh halang orang nak ambik gambar dan sebarkan, sekarang saya makan bersama keluarga di restoran pun orang ambil dan sebar, tetapi itu saya kena hadap sekarang," kata Dato' Haji Mohd Amar Abdullah ketika membuka bicara bersama wakil editorial majalah Qiadah. Raut wajah dan butir bicara Timbalan Menteri Besar Kelantan itu menggambarkan beliau sentiasa bersedia menjawab apa jua persoalan yang berbangkit walaupun dianggap sensitif bagi sesetengah pihak. Maka tidak peliklah pihak media dan wartawan yang sentiasa dahagakan berita sentiasa "mencari" Mohd Amar yang kelihatan bersahaja menjawab persoalan dan tidak gugup ketika berhadapan dengan kamera.



Umum mengetahui bahawa Mohd Amar yang banyak menjawab isu-isu berbangkit mengenai kerajaan Kelantan, lalu menjadi sasaran pihak tertentu dengan memuat naik potongan video dan disebarluaskan di media sosial. Malah, kenyataan-kenyataan bagi menjawab persoalan berbangkit di bawah pentadbiran kerajaan Kelantan terus dimanipulasi sehingga ramai yang beranggapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panchor itu sering kali terlepas cakap. Dalam sesi temu bual tersebut, Mohd Amar menjelaskan banyak kenyataannya di sunting di luar konteks yang mana ia dilakukan oleh mereka yang berkepentingan.

Sebagai contoh dalam isu air pada tahun 2012, beliau menjawab isu sekumpulan pihak yang membuat demonstrasi di Lembah Sireh dengan menyerang keperibadian Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) yang ketika itu menjadi Menteri Besar.

"Saya melihat ini adalah agenda politik yang mana mereka petik kenyataan saya secara terpilih padahal saya jawab dari pelbagai sudut. Tetapi ada yang mengambil dan membuat suntingan di luar konteks."



Beliau menjelaskan, kejadian tersebut sering kali berlaku kepada Tok Guru yang mana kenyataan beliau dimanipulasi oleh pihak yang mempunyai kepentingan. Seperti kenyataan yang dibuat oleh Tok Guru terhadap isu "tuhan samseng" yang menjadi polemik sedangkan apa yang diperkatakan oleh Tok Guru berbeza sekiranya diambil daripada aspek keseluruhan.





Cakna DUN Panchor

"Kalau kita tengok ucapan sepenuhnya, kita akan lihat konteks yang digunakan, kebanyakannya tidak tengok dalam konteks. Saya juga jawab bergantung kepada soalan, saya tidak ada keluarkan kenyataan akhbar, saya hanya menjawab soalan daripada pemberita, saya tak pernah keluarkan kenyataan. Jadi jawapan bergantung kepada soalan. Soalan yang baik, kita jawab biasa, tetapi kalau soalan tu ada tujuan, jawapan kita pun sedikit berbeza," katanya.

ASAM GARAM DALAM POLITIK

Namun, secara positifnya apa yang beliau hadapi ketika ini adalah asam garam dalam bidang politik yang mana tidak semua akan menyukai atas apa juar yang dilakukan. Mengambil kira pepatah, jika takut dipukul ombak, jangan berumrah di tepi pantai, Mohd Amar tidak gentar malah akan terus bersuara bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Justeru, pihak yang menerima sebarang bentuk berita khususnya yang berkaitan dengan jawapan yang diberikan perlu membuat semakan terlebih dahulu sebelum melontarkan sebarang kritikan.

Pada masa yang sama, beliau turut mengambil semangat Tok Guru yang berhadapan dengan pelbagai kecaman semasa hayatnya, namun namanya harum ketika beliau tiada lagi di dunia. "Saya tidak boleh banding diri saya dengan Tok Guru, langit dan bumi jauhnya, tetapi apa yang boleh dipelajari Tok Guru pernah dihentam kiri dan kanan, beliau diperlekehkan, serangan peribadi dibuat, tetapi setelah meninggal dunia baru orang bercahap betapa baiknya Allahyarham", katanya.

Malah dalam masa yang sama, beliau mengetahui ada sesetengah individu yang memperolehi wang ketika membuat sutingan video dan ulasan politik tehadap dirinya. Ia berlaku apabila mereka yang memuat naik

bahan di media sosial seperti YouTube akan mendapat rating yang tinggi apabila ramai yang menyaksikan video tersebut.

SEMANGAT AYAH JADI PENDORONG

Mohd Amar merupakan anak sulung kepada pasangan Allahyarham Haji Abdullah Haji Arshad dan Hajah Tengku Chik Tengku Ibrahim. Beliau diberi gelaran Nik Mat (Nik Mohd) oleh Tok Ku Puan yang mengasuhnya ketika kecil. Masyarakat setempat di Kampung Panchor pula lebih mesra memanggilnya Nik Amar hingga sekarang.

Ayahnya yang digelar Pak Nik Lah, anak kepada Haji Arshad bin Muhammad Tahir bin Tera seorang ulama yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Ayah Kedah berkahwin dengan Raja Meriam binti Raja Daud (berketurunan Raja Jembal).

Menjelaskan susur-galur perjalanan politik, Mohd Amar mengakui ayahnya merupakan individu yang bertanggungjawab membentuknya sehingga menjadi orang politik. Beliau mengakui banyak mempelajari politik dengan mengikuti ayahnya ke program politik sejak kecil. "Darah politik ini daripada ayah saya sebab ayah daripada ahli politik menjadi wakil rakyat selama lima penggal, pernah ditahan dibawah ISA dan sebagainya," katanya. Malah semangat ayahnya dalam mengembangkan ilmu cukup kuat apabila mengasaskan perubahan sekolah agama dan kebangsaan di Panchor.

KERAJAAN KELANTAN SELESA

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Kelantan telah memenangi pilihan raya pada tahun 1990 dan terus bertahan sehingga melewati tiga dekad. Justeru ada yang beranggapan kerajaan Kelantan begitu selesa kerana tidak pernah tewas sepanjang pentadbiran



selama 30 tahun, malah mengaitkan beberapa isu yang tidak dapat diselesaikan kerana sikap selesa. Kelantan tidak pernah mengambil pendekatan sedemikian, malah sentiasa bekerja demi memastikan kerajaan yang dipimpin memenuhi tanggungjawabnya.

Beliau memberi contoh bagaimana kerajaan negeri bertungkus-lumus mengatasi isu kebersihan yang sudah lama cuba ditangani. Namun, pendekatan terbaru dua tahun kebelakangan ini berjaya mengubah senario semasa yang mana Kelantan kini dilihat sangat berbeza berbanding beberapa tahun lalu.

"Ini adalah contoh kita tidak berada dalam keadaan selesa yang mana kita mencari jalan dan bekerja untuk menukar mentaliti serta gerak kerja kebersihan, akhirnya hasil sudah nampak walaupun banyak lagi yang perlu dilakukan," katanya.

Begitu juga isu masalah air, kerajaan Kelantan sentiasa mencari jalan termasuk berusaha mendapatkan sumber kewangan dengan pelbagai cara kerana ia melibatkan pelbagai keperluan penukaran infra yang membabitkan paip sepanjang 4,000 kilometer.

"Cuma masalah ini berat, kalau orang sakit, sakit yang tenat, kalau nak pulih kena mengambil masa. Contohnya nak tukar paip sahaja 4,000 km, kalau ada duit sekalipun tidak boleh dibuat segera, ada prosesnya. Namun kita tetap bergerak walau tidak ada duit dan bina tangki air, loji mini, sekarang ini kita cuba selesai tempat yang serius dulu, bukan bermaksud tak nak selesai semua, tetapi ramai yang tak ikuti baik penjelasan yang dibuat, ambik yang negatif sahaja," katanya.

PENJELASAN PROJEK BATU ASAS

Beberapa projek yang tidak dapat dilaksanakan turut mendapat kecaman daripada beberapa pihak yang berkepentingan. Mohd Amar mengakui, terdapat beberapa projek hasil daripada inisiatif syarikat swasta yang dikatakan tidak dapat dijalankan atas faktor-faktor tertentu. "Batu asas bukan daripada kita, tetapi syarikat yang mengendalikan nak buat batu asas bagi



menunjukkan syarikat tersebut mampu laksana, tetapi akhirnya dia sendiri gagal, projek yang gagal semua daripada swasta, kalau kerajaan jalan, yang gagal tu projek swasta," katanya.

Ironinya, di Malaysia terdapat banyak projek yang gagal tetapi tidak mendapat perhatian umum sebaliknya jika berlaku di Kelantan ia menjadi bahan perdebatan.

"Perkara ini juga berlaku di luar Kelantan tetapi orang tidak merungut. Begitu juga isu anak Kelantan bekerja di luar, ada satu laporan rakyat Malaysia hampir 5,000 bekerja di luar negara, adakah kerajaan Malaysia juga gagal?" soalnya.

ORANG MUDA PERLU SEMAK DAN IMBANG

Imam al-Ghazali mengulas dalam kitabnya, *Ihya' Ulumuddin* mengenai penyakit menimpa mereka yang cinta atau tamakkan kuasa dengan mengaitkan surah al-Qasas, ayat 83 yang bermaksud, "Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu Kami sediakan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa."

Pada akhir bicara, Mohd Amar memberi peringatan kepada orang muda khususnya supaya sentiasa matang dan menekankan keseimbangan dalam menerima maklumat. Tidak salah untuk berfikiran terbuka dan kritis namun setiap maklumat perlu dilihat dari sudut yang luas kerana pemuda adalah generasi yang akan memimpin negara di masa hadapan.

"Pesan saya kepada orang muda, mereka harus sabar dan tekun, jangan gopoh dalam memberi reaksi dalam sesuatu perkara, mereka akan melalui perjalanan dan memimpin suatu organisasi, mereka juga perlu belajar daripada pengalaman sekarang," ujarnya. ■



SUNGAI PAS, PENDEK & KIJANG NAMA UNIK, MASYARAKAT HARMONI

KAMPUNG SUNGAI PAS

Kampung Sungai Pas merupakan sebuah perkampungan terpencil terletak jauh di pedalaman daerah Kuala Krai yang masih terpelihara khazanah alam semula jadinya. Sungguhpun begitu, kampung yang terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar Kuala Krai ini tidak kurang hebatnya dengan kampung lain apabila turut mempunyai daya tarikan tersendiri untuk menarik orang ramai ke kawasan berkenaan.

Sama seperti kampung-kampung lain di negeri ini, kampung Sungai Pas yang agak tersohor dalam kalangan masyarakat Kuala Krai ini mendapat nama dengan sejarahnya tersendiri namun yang pasti tiada kaitan dengan parti yang menerajui pemerintahan Kelantan sejak lebih 32 tahun lalu.



Menurut cerita penduduk, nama kampung ini diambil bersempena dengan penemuan pokok kempas di belakang masjid dan berhampiran sungai yang agak unik kerana saiznya dikatakan tidak sama dengan saiz pokok serupa yang pernah ditemui di kampung tersebut.

Umum mengetahui pokok daripada spesis tumbuhan dalam famili Fabaceae yang berasal dari Semenanjung Malaysia, Borneo dan Sumatera ini bersaiz agak besar serta tinggi tetapi pokok sama ditemui di kampung ini bersaiz kecil. Jadi apabila hanya sebatang pokok yang ditemui dengan saiz lebih besar ia agak aneh pada pemikiran penduduk kampung tersebut ketika itu. Justeru, penduduk sepakat untuk menamakan kampung mereka bersempena penemuan pokok berkenaan dengan nama Sungai Pas.


Namun kesahihan serta kebenaran cerita tersebut tidak dapat dipastikan memandangkan golongan terawal menetap di kampung itu telah meninggal dunia dan yang tinggal hanyalah generasi kedua dan ketiga kampung ini. Lagipun, pokok berkenaan telah tiada sementara sungai yang dikatakan lokasi penemuan pokok ini juga telah terhakis.

Kampung yang terletak bersebelahan dengan Batu Mengkebang dan Chuchuh Puteri ini dikatakan dibuka pada tahun 1964 iaitu ketika pentadbiran Menteri Besar ketika itu iaitu Datuk Paduka Raja Mohd Asri Muda.

Penduduk berjumlah kira-kira 2,500 orang kebanyakannya terlibat dengan aktiviti pertanian terutamanya menoreh getah. Menariknya Sungai Pas mempunyai bentuk muka bumi yang pelbagai iaitu berbukit-bukau, bercerun dan rata yang mana tanahnya sesuai untuk pelbagai jenis aktiviti pertanian. Biarpun kedudukan kampung agak jauh dari bandar, Sungai Pas sering menjadi tumpuan orang ramai khususnya pada musim durian.

Dusun serta kebun milik penduduk Sungai Pas sentiasa mengeluarkan hasil yang banyak pada setiap musim hampir sama dengan Kampung Chuchuh Puteri sekali gus menjadikannya tumpuan orang ramai untuk menikmati raja buah itu. Biarpun bermusim, namun sedikit sebanyak ia mampu menjana pendapatan sampingan kepada penduduk.

Menariknya, di kampung Sungai Pas terdapat kawasan air terjun Lata Berangin yang mula dikenali sejak diambil alih penyelenggaraan oleh Majlis Daerah Kuala Krai sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia juga sedikit sebanyak membantu ekonomi masyarakat setempat.



Lata Berangin

SUNGAI PAS DIBUKA PADA TAHUN 1960

Selain daripada itu, di kampung Sungai Pas juga terdapat sekolah tertua di Kuala Krai iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Pas. Pada awalnya sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Rakyat Sungai Pas yang mana ketika itu sekolah tersebut hanya mempunyai dua orang guru untuk mendidik anak penduduk iaitu Zakaria Ishak dan Wan Ismail Wan Nawang yang masing-masing merupakan bekas Imam Tua Masjid dan bekas Bilal Sungai Pas. Biarpun terletak jauh di pedalaman dan turut terkesan dengan arus pembangunan, namun ukhuwah dalam kalangan penduduk masih utuh.

Ia diakui penghulu, Mohd Din Mat Daud yang kagum dengan sikap dan semangat kerjasama yang ditunjukkan dalam kalangan penduduk yang majoritinya didominasi golongan muda berusia 30 hingga 40-an. "Setiap kali kita adakan gotong-royong, penduduk kampung pasti keluar. Kebiasaan kita adakan aktiviti bersihkan kubur, masjid dan jalan sekitar kampung," katanya.

KAMPUNG PENDEK

Kampung yang mempunyai 8,020 penduduk ini berstatus kampung dengan kedudukannya hanya lima kilometer dari bandar Kota Bharu menjadikan kampung Pendek yang asalnya merupakan kampung tradisional seakan hilang ciri kekampungan. Ciri kediaman kampung yang berdinding kayu dan berbumbungkan atap kini majoritinya dikelilingi rumah batu. Namun begitu, ciri masyarakat kampung yang gemarkan aktiviti gotong-royong serta kunjung-mengunjung antara satu sama lain masih tetap utuh tersemat di jiwa anak kampung Pendek ini.

Menurut penduduk, kampung ini mendapat nama bersempena dengan penemuan pending (tali pinggang) yang jatuh di sebuah paya ketika itu. Menurut cerita penduduk setempat, pada mulanya tali pinggang berkenaan hilang setelah tuanku yang memerintah ketika itu dikatakan sering berulang-alik dari kampung ini ke istana. Sehingga suatu hari, pending dikatakan hilang di paya kampung itu menyebabkan baginda menitahkan usaha mencari pending tersebut dilakukan di kawasan yang dikatakan ianya hilang. Dakwa penduduk, setelah pending tersebut ditemui, nama kampung tersebut turut diambil dari nama pending yang akhirnya dipanggil Pendek (diubah suai mengikut loghat).

Seperti kampung lain, ketiadaan generasi terdahulu menyukarkan usaha memastikan kesahihan cerita yang kebanyakan disampaikan daripada mulut ke mulut ini. Kampung ini bersempadan dengan empat kampung lain iaitu Mukim Larak, Kota Jelasin, Tunjong dan Tendong. Jumlah kediaman di kampung Pendek sebanyak 2,000 rumah menjadikan sesetengah kawasan di kampung ini agak padat.

Kepadatan penduduk yang agak tinggi menyebabkan kampung ini mempunyai sembilan tempat ibadah terdiri daripada sebuah surau, tujuh madrasah serta sebuah masjid dan sebuah klinik Kesihatan. Sebahagian besar penduduk pula terdiri daripada masyarakat Melayu manakala segerintirnya pendatang yang manetap di kampung tersebut yang berhijrah atas faktor pekerjaan dan lapan keluarga pula keturunan Cina.



Menariknya, biarpun mereka hanya kelompok kecil di tengah penempatan Melayu, tetapi hubungan begitu akrab sehingga mereka menggunakan nama Melayu dalam pergaulan sehari-hari. Malah, mereka turut menggunakan nama Melayu dalam pergaulan harian agar perbezaan agama dan bangsa tidak membataskan hubungan yang terjalin sejak sekian lama.

Menurut Penghulu Kampung Pendek, Wan Khalid Wan Daud, masyarakat Cina Kampung Pendek yang bernama Tay Soon Li menggunakan nama Salleh dalam kehidupan sehari-hari. Walaupun berketurunan Cina, mereka selesa menggunakan nama Melayu malah tidak kekok untuk berurusan dengan masyarakat Melayu.

Kedudukan kampung ini berhampiran Kota Bharu menyebabkan kepadatannya agak tinggi dengan keluasan dianggarkan kira-kira sembilan kilometer persegi. Ia juga bakal memberikan impak besar kepada penduduk kampung ini apabila ECRL yang dalam pembinaan cuma 1.5 km dari sini. Apabila siap kelak, penduduk boleh menjana pendapatan sampingan yang seterusnya bakal meningkatkan taraf ekonomi keluarga masing-masing.



Tapak projek pembinaan ECRL.

KAMPUNG KIJANG

Kampung Kijang merupakan sebuah perkampungan tradisional terletak di pertengahan jalan ke salah satu destinasi pelancongan popular di Kelantan iaitu Pantai Cahaya Bulan. Di sekitar kampung Kijang turut ditemui pelbagai haiwan ternakan juga tumbuhan terutama pokok kelapa. Kehidupan masyarakat setempat pula lebih menjurus kepada pelbagai aktiviti ekonomi seperti perniagaan, pertanian, kraftangan, batik dan penernakian. Jumlah penduduk mendiami kampung Kijang sekitar 1350 orang dengan 270 kediaman.

Biarpun telah lebih 65 tahun negara merdeka dan melalui banyak pembaharuan serta pembangunan, aktiviti gotong-royong dalam kalangan rakyat di kawasan ini masih utuh.

Nama kampung ini diambil daripada kijang yang suatu ketika dahulu banyak di sini. Justeru, berdasarkan kepada penemuan kijang yang banyak,

dapat disimpulkan bahawa suatu ketika dahulu kampung ini merupakan sebuah penempatan yang mendamaikan dan kaya dengan kawasan hijau yang menjadi habitat semula jadi kijang.

Ia diakui oleh Mohammed Harun, penduduk yang tinggal di kampung ini sejak mengusahakan produk kraftangan daripada logam pada tahun 1989. Nama asal kampung ini diceritakan dari mulut ke mulut di kedai kopitiam (tetapi tidak dapat dipastikan kesahihannya). Kampung Kijang terletak berjiran dengan empat kampung lain iaitu kampung Badang, Banggol, Pauh dan Kedai Buloh.

Menariknya, di sini terdapat industri kraftangan yang turut membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan. Terdapat pengusaha batik di kampung Kijang yang menyediakan perkhidmatan mencanting dan mewarna membolehkan masyarakat setempat bekerja di kampung sendiri. Kampung Kijang juga memiliki produk kraftangan logam yang bukan sahaja dikenali dalam negara malah sehingga ke luar negara. Sektor pembuatan daripada logam turut menjadikan kampung Kijang mempunyai industri tersendiri dan turut menjadi tumpuan pengkaji dari institusi pengajian tinggi.

Kedudukan kampung ini berhampiran dengan kawasan peranginan menjadikan ia satu bonus kepada sektor kraftangan batik dan logam di kampung Kijang kerana mudah diketahui umum. ■



Kem Kijang.



Proses pembuatan produk kraftangan logam.



Terehek

TAK RASA TAK CINTA

Masakan Melayu tradisional tidak lari daripada penggunaan rempah-ratus selain kerap menggunakan santan dalam setiap sajian mereka. Penggunaan santan dianggap mampu membangkitkan selera melalui rasa berlemak dan menjadikan masakan berkuah pekat. Selain itu, masakan Melayu juga banyak menggunakan buah-buahan dan sayuran tempatan. Ini memberikan tarikan dan rasa tersendiri terhadap setiap makanan tersebut. Ia juga murah dan mudah didapati dalam persekitaran setempat seperti jantung pisang yang boleh dibuat kerabu dan teresek. Justeru, masyarakat pantai Timur terdahulu telah mengolah jantung pisang sebagai bahan utama digabungkan bersama santan dan ayam.

Nama saintifik jantung pisang ialah *Musa Sapientum Family (Musaceae)*. Jantung pisang atau banana flowers adalah bunga yang dihasilkan oleh pokok pisang (*musa spp.*) iaitu sejenis tumbuhan daripada keluarga *musaceae* yang berfungsi untuk menghasilkan buah pisang. Kulit jantung pisang luar adalah sederhana keras dan akan terbuka apabila tiba waktunya bagi mendedahkan bunga betina. Bunga betina dan jantan menghasilkan manisan bagi menarik serangga menghisapnya dan menjalankan proses pendebungaan.

PEMILIHAN JANTUNG PISANG

Teresek atau sesetengah orang memanggilnya kesek ialah menu klasik yang kini jarang sekali dijual atau disajikan dalam sebarang menu keraian. Sebelum alaf baharu, menu ini cukup terkenal dalam masyarakat Kelantan terdahulu yang disajikan untuk kenduri mahupun majlis istimewa sesebuah keluarga. Mungkin dek kerana penyediaannya agak rumit, justeru arus masa menenggelamkannya dengan pelbagai menu baharu yang lebih ringkas.

Terdapat dua jenis teresek yang lazimnya dibuat di Kelantan iaitu teresek jantung pisang dan teresek kacang panjang. Bahan asas menu ini ialah "keropeh" ayam (bahagian ayam yang terdiri daripada kaki, hati, pedal, sayap dan leher) yang dipotong kecil.

Bahan-bahan untuk membuat teresek ini mudah didapati di pasar-pasar utama iaitu sebiji jantung pisang, 10 hati ayam, 10 pedal, 10 batang kaki ayam, leher dan juga isi ayam bergantung kepada selesa individu. Diperlukan juga santan 250 gram, 10 biji bawang merah (dikisar), sebiji bawang besar (dipotong bulat untuk hiasan akhir), seinci halia (dikisar), seinci kunyit (dikisar), cili kering (dikisar), ketumbar, rempah kari/gulai darat serta gula garam untuk perasa.

Pemilihan jantung pisang amat penting untuk memastikan bukan jantung pisang yang pahit digunakan seperti kelat lega, berangan dan tenggala. Manakala jantung pisang kebatu atau nangka boleh jadi kelat atau pahit. Jantung pisang yang pahit perlu dibasuh dengan air garam dahulu untuk membuang rasa kelat.



KAEDAH PENYEDIAAN

Dalam sebiji jantung pisang, hanya bahagian putih di dalamnya yang diambil kerana bahagian luar berkultit gelap berstruktur keras tidak sesuai dimakan. Jantung pisang dipotong dua untuk direbus dan diperah airnya sebelum dipotong lebih halus. Semua bahan tadi dimasukkan sekali gus ke dalam periuk untuk memastikan rempahnya masak sekata dengan bahan mentah tadi. Ia perlu dimasak agak lama untuk memastikan rempah benar-benar masak.

KAEDAH LAIN BAGI MEMASTIKAN MASAKAN LEBIH SEDAP

Terdapat sesetengah kaedah memasukkan keropok ayam dengan bahan kisar, cili kisar dan rempah gulai kawah hingga agak kering. Selepas itu dimasukkan santan dan asam keping. Masak sehingga santan mendidih dan pecah minyak. Kemudian masukkan jantung pisang yang telah diperah airnya dan kacau rata. Akhir sekali masukkan cili hijau, garam, gula, gula melaka dan kerisik. Sesuaikan rasa dan kepekatan.

Jika suka sedikit berkuah, jangan dimasak terlalu kering kerana apabila sejuk, kuah akan menjadi lebih pekat dan kering. Setelah jantung pisang lembut dan masak, bolehlah ditutup api. Jika ingin membuat teresek kacang panjang, ia boleh digantikan dengan kacang panjang seperti mana jantung pisang tadi.

SEMAKIN DITELAN ZAMAN

Kini menu teresek susah didapati kerana penyediaannya yang agak rumit dan sukar mendapatkan jantung pisang terutamanya di kawasan bandar. Tambahan pula, penyediaan yang agak memakan masa dan remeh menyebabkan generasi kini tidak berminat untuk memasaknya.



TIPS ELAK **JANTUNG PISANG** MENJADI HITAM

Sering kali selepas merebus jantung pisang ia akan menjadi kehitaman. Justeru, terdapat beberapa petua untuk mendapatkan jantung pisang yang putih bersih.

- Rendam jantung pisang yang telah dibersihkan dan dipotong dua (lapisan luar jantung pisang dibuang) dalam air belimbing buluh yang dikisar.
- Jangan membelah jantung pisang itu ketika merebusnya.
- Jantung pisang direbus dengan sedikit minyak masak.
- Perahkan sedikit jus limau nipis ke dalam periuk selepas merebus jantung pisang itu, atau direbus bersama asam keping.

KHASIAT JANTUNG PISANG

Jantung pisang ini sebenarnya mempunyai banyak khasiat tersendiri yang jarang diketahui umum. Antaranya ialah vitamin E yang memiliki ciri antimakrobial iaitu yang membantu mempercepatkan proses pemulihan luka atau jangkitan kulit. Ia juga membantu awet muda melalui vitamin C dan flavonoid dan antioksidan.

Untuk wanita, jantung pisang ini dikatakan mempunyai mineral, kalsium dan zat besi yang berperanan mencegah jangkitan pada rahim serta memperkuatkan dinding rahim. Bagi yang mengalami anemia, amalan memakan jantung pisang ini yang mengandungi zat besi dikatakan mampu meningkatkan pengeluaran sel darah merah. Selain itu, serat dalam jantung pisang ini membantu melancarkan proses pencernaan serta membantu menurunkan berat badan. Jadi apa lagi, jangan segan silu untuk menjadikan menu ini sebagai menu istimewa ketika berkumpul bersama ahli keluarga. ■

GUA CHIKU 2

LOKASI PELANCONGAN TERBAHARU DI KELANTAN SELATAN



Gua Chiku 2 masih belum mendapat tempat dalam peta destinasi pelancongan tumpuan ramai di Kelantan, namun daya tarikannya mula tersefah apabila menerima kunjungan pelancong yang agak memberangsangkan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir sekitar April lalu. Gua ini telah dijumpai sejak tahun 1980-an lagi, namun tiada usaha agresif untuk mengetengahkan其 sebagai salah satu produk pelancongan seperti gua-gua lain yang terdapat di Gua Musang.

Secara umumnya, usaha mempromosikan gua ini dirancang sejak tahun 2019 namun tidak dapat dilaksanakan seperti dijadualkan apabila negara berada dalam PKP pada 2020 biarpun usaha membersihkan kawasan bermula pada awal tahun yang sama. Usaha mengetengahkan gua ini dimulakan dengan Karnival Hari Bersama KAF (Pertubuhan Kami Anak Felda) yang dianjurkan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pada program tersebut aktiviti senaman ringan dan sukaneka berjaya menarik sejumlah pengunjung seperti yang disasarkan seterusnya menjadi medium pertama untuk menguar-uarkan hasrat menjadikan gua ini sebagai lokasi pelancongan baharu kepada masyarakat setempat.

Pada majlis yang sama, gua ini dirasmikan menandakan bermulanya lokasi ini sebagai tempat riadah terbaharu masyarakat di kawasan Kelantan Selatan. Terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar Gua Musang dan 160 km dari Kota Bharu, nyata ia tidak menyukarkan orang ramai untuk menjelaki gua ini. Kedudukannya di tengah-tengah penempatan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) Chiku 2 serta hanya 1 km dari jalan utama menghubungkan Gua Musang dengan Kota Bharu, tidak mustahil ianya mudah menarik tumpuan pelancong dan popular dalam masa singkat.



STRUKTUR GUA UNIK DAN MEMPUNYAI PELBAGAI MAKSUD

Di aras satu Gua Chiku 2 ini pengunjung dapat melihat pelbagai bentuk batuan unik antaranya batu berbentuk gajah, ikan, kayak, ular, cicak, burung helang, buaya, orang tidur, mahkota, kasut dan saji. Gua yang baharu dibuka ini mempunyai kemudahan infrastruktur yang belum lengkap tetapi tetap mempunyai daya tarikan tersendiri dengan keunikan bentuk batuannya serta cahaya daripada ratusan lampu neon yang telah dipasang di gua ini.

Sejak dibuka kepada orang ramai Oktober lalu, gua ini kebiasaanya menerima pengunjung bermula pukul 2.00 petang setiap hari, manakala bermula awal Jun lalu pula orang ramai berpeluang ke sini pada dua sesi iaitu 2.00 petang - 8.00 malam serta 8.00 - 10.30 malam bagi membolehkan orang ramai meneroka gua pada sebelah malam.

Jika dahulunya Tanah Tinggi Lojing, Kolam Air Panas Berdi Lojing, Taman Etnobotani, Taman Negara Kuala Koh, Gua Madu, Taman Etnobotani, Tokong Sweet Nyet Keung menjadi tumpuan pelancong ke Gua Musang, Gua Chiku 2 juga bakal menjadi destinasi pelancongan yang setanding dengan tempat-tempat ini sekiranya mendapat promosi berterusan serta dilengkapi kemudahan asas. Gua yang terletak berhampiran laluan utama Kuala Krai ke Gua Musang ini juga mempunyai tujuh tingkat yang menyimpan pelbagai kisah tersendiri.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

Persekutuan gua ini dikelilingi tanah lapang yang membolehkan pengunjung merancang aktiviti terutama bagi pengunjung yang datang dalam kelompok yang besar serta merancang aktiviti seperti hari keluarga untuk beriadah tambahan terdapat taman permainan kanak-kanak berhampiran gua. Selain daripada itu, pengunjung ke gua ini turut disediakan kemudahan surau serta tandas yang berhampiran penempatan penduduk. Dalam pada itu, bagi memastikan keselesaan pengunjung, pihak KAF juga telah membuat permohonan untuk membina bilik khusus kepada pelancong menukar pakaian ketika bercuti di gua ini.

Bagi memastikan persekitaran gua ini sentiasa terjaga, pihak KAF mengenakan bayaran RM2.00 ke atas setiap pengunjung dewasa bagi menampung kos kerja-kerja penyelenggaraan. Manakala kanak-kanak pula dibenarkan masuk secara percuma di kawasan gua berkeluasan 15 ekar ini.

Bagi pengunjung yang berhasrat menggunakan perkhidmatan awam khususnya pelancong dari luar Kelantan pastinya percutian mereka bakal mening-galkan momen lebih indah dengan pengangkutan kereta api apabila dapat menikmati panorama keindahan alam semula jadi sepanjang perjalanan sebelum tiba di bandar Gua Musang. Dari bandar Gua Musang mereka boleh mendapatkan perkhidmatan grab dengan jarak kurang dari 40 km untuk ke lokasi.



CAHAYA LAMPU NEON MENGGAMIT PELANCONG

Umum mengetahui persekitaran dalam gua pasti gelap tanpa lampu dan bakal mengundang pelbagai bahaya. Justeru ratusan lampu neon mula dipasang di setiap penjuru gua sehingga kelihatan cantik khususnya pada waktu malam. Lampu yang dipasang dalam jumlah banyak bukan sahaja mampu menerangi persekitaran dalam gua malah kelihatan begitu cantik sehingga menjadi satu daya tarikan kerana warnanya yang kelihatan begitu menyerlah dan unik, justeru tidak hairanlah jika gua ini mendapat julukan Gua Neon.

Pegawai Serata di DUN Paloh, Azman Ahmad berkata, Gua Chiku 2 mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Bagaimanapun, kewujudan Gua Chiku 2 kini telah diketahui masyarakat umum setelah keunikannya dikongsi penduduk di media sosial di samping usaha pihak berkuasa tempatan mempromosikan gua ini.

Pada mulanya, gua dipenuhi semak-samun tetapi atas inisiatif KAF yang menambah baik infrastruktur serta melaksanakan gotong-royong bersama pelbagai agensi termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta pihak berkuasa tempatan berjaya menyerlahkan lagi potensi gua ini.

Setiausaha KAF wilayah Gua Musang, Mohd Khairuddin berkata, gua ini diteroka pada tahun 1980-an tetapi diketengahkan kepada pengetahuan umum sebagai lokasi baharu pelancongan setelah KAF berusaha untuk mencari sumber pendapatan untuk KAF wilayah Gua Musang.

Pengerusi KAF wilayah Gua Musang, Mohd Shahbudin Hashim melihat gua ini berpotensi memberikan pulangan kepada ekonomi setempat membuatkan ahli merangka pelbagai aktiviti daripada membersih sehinggalah usaha mewartakan kawasan ini sebagai tapak warisan.

Selepas itu, wakil KAF menemui Exco Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan, Mejar (B) Dato' Md Anizam Abdul Rahman untuk mencari nama sesuai gua ini yang akhirnya dipersetujui untuk menamakan Gua Neon bersesuaian dengan lampu neon yang dipasang di dalam gua.

Hasrat untuk menjana pendapatan penduduk setempat khususnya golongan belia mula menampakkan hasil apabila mereka dilihat bersemangat berniaga pelbagai jenis makanan dan minuman di 10 tapak yang disediakan di pekarangan Gua Neon.

Mohd Khairudin berkata, ketika ini penduduk setempat bertindak sebagai pemandu pelancong dengan membawa pengunjung melawat Gua Neon ini yang seterusnya membolehkan mereka menjana pendapatan sampingan sesuai dengan hasrat awal pembangunan kawasan gua ini. Jumlah pengunjung pada setiap cuti hujung minggu begitu memberangsangkan apabila 500 hingga 700 pengunjung dicatatkan sejak kebelakangan ini.

KAF mengalu-alukan pengkaji dari mana-mana institusi untuk mengkaji tentang Gua Neon kerana mereka menaruh keyakinan gua ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Malah terdapat sekumpulan penyelidik turut hadir ketika majlis perasmian gua ini.

Bagi memastikan hasrat tersebut tercapai, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk mencantikkan Gua Neon ini di samping memastikan kebersihan gua sentiasa terpelihara dengan menyediakan tong sampah di sekitar gua yang boleh dimanfaatkan oleh pengunjung. Ruang khas untuk bergambar juga disediakan kepada pengunjung bagi mengabadikan momen indah sepanjang bercuti ke gua ini. ■



بَرَادِانْ كَمَا جُوَانْ نَاقْصَادِنْ كَلِنْ

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



SENTRAL


Kelantan Authentic Lifestyle & Arts

Lot A & B, Tingkat 1,
Bangunan Baru Bazar Tengku Anis,
Jalan Tengku Puteri, Seksyen 7,
15300 Kota Bharu, Kelantan.

📍 Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.


🌐 www.pkink.gov.my Ⓛ Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

✉ pkink@pkink.gov.my ☎ Tel : 09-7414141 📞 Faks : 09-7414140



DATO' HAJI MUHAMMAD BIN DAUD

Huraian serba sedikit tentang ilmu Qiraat dalam bacaan Al-Quran di Medan Ilmu oleh Tuan Guru Dato' Hj. Muhammad Daud Al-Iraqi.



Tokoh ulama hebat yang sering menjadi pakar rujuk ilmu Islam terutama fiqh empat mazhab ini popular dengan panggilan Muhammad Daud Iraqi atau Ustaz Mat Iraq. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1939 ini mendapat pendidikan agama awal di Pondok Tok Kenali, Kubang Kerian selama 13 tahun. Pondok agama ini diasaskan oleh Tuan Guru Haji Yusuf al-Kenali yang menuntut ilmu selama 22 tahun di Mekah, dan kemudiannya dimajukan oleh Tuan Guru Haji Ahmad Bakok, anak Tok Kenali.

Dikenali dengan watak alim, merendah diri dan mempunyai ingatan yang kuat, Dato' Haji Muhammad Daud turut mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian pada tahun 1953 sebelum menyambung pengajian ke sekolah menengah Maahad Muhammadi Kota Bharu (1954-1962) selain turut mendapat pendidikan awal dalam bidang agama di Pondok Tok Kenali. Beliau pernah dinobatkan sebagai pelajar terbaik ketika di sekolah menengah.

Kecintaannya terhadap ilmu tidak pernah berhenti apabila beliau menjadi guru agama di Sekolah Kebangsaan Mentera, Kota Bharu pada tahun 1963 iaitu setahun sebelum beliau menyambung pelajaran di Universiti Baghdad, Iraq di bawah basiswa Kementerian Waqaf Iraq yang diuruskan Tuan Haji Yusof Rawa (Ahli Jawatankuasa Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Pusat ketika itu).

Urusan penghantaran beliau sebagai pelajar berbakat dan pintar bersama sembilan lagi rakan yang lain diuruskan sepenuhnya oleh PAS yang mana akhirnya beliau menjadi tenaga penting kepada perjuangan Islam. Pada tahun 1964, satu rombongan pelajar

Malaysia telah dihantar belajar ke Baghdad yang terdiri daripada 10 orang pelajar. PAS telah diberi peluang menghantar pelajar dengan ihsan Perdana Menteri Iraq, Muhammad Arif as-Salam yang merupakan seorang aktivis Islam Iraq. Ikhwanul Muslimin Iraq mempunyai hubungan dengan tokoh-tokoh PAS di Malaysia, juga kerajaan Iraq yang turut memberikan bantuan kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan.

PAS telah memilih anak-anak muda yang berpotensi dan dilihat mempunyai kebolehan untuk menjadi penyambung perjuangan. Mereka yang terpilih juga merupakan alumni sekolah-sekolah agama yang terpilih dari seluruh negara. Selain Ustaz Mat Iraq, pelajar yang terpilih adalah bekas Timbalan Presiden PAS, Ustaz Hassan Syukri; Mursyidul Am PAS, Ustaz Hasyim Jasin; bekas pensyarah Universiti Malaya, Ustaz Abd Rahim Md Zain; Ustaz Dahlia Muhammad Zain; Prof. Abdullah Kasban (UTM), Ustaz Abdul Ghani Kasa, Ustaz Azmi Ahmad, Ustaz Isamuddin Haji Ahmad dan Ustaz Abdul Halim Yahya.

Mereka menghadiri kuliah secara formal dan juga program dakwah Ikhwanul Muslimin. Iraq mempunyai ramai tokoh pemikir Ikhwanul Muslimin seperti Sheikh Muhammad Mahmud Sowwaf dan Sheikh Abdul Aziz al-Badri. Sebahagian daripada pelajar ini akhirnya menjadi aktivis PAS pada peringkat pusat atau negeri. Dalam kalangan alumni Iraq ini, Ustaz Hasan Syukri telah dipilih sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat beberapa tahun selepas pulang bermukim ilmu. Antara alumni Baghdad tarbiah Ikhwanul Muslimin yang menjadi tokoh besar PAS ialah Ustaz Hashim Jasin.



Menerima darjah kebesaran oleh Almarhum DYMM Sultan Ismail Petra serta turut ditemani oleh keluarga.

Pulang daripada menuntut ilmu di Baghdad selama empat tahun, Ustaz Mat Iraq mengajar di Sekolah Arab Yaakubiah, Lundang dan seterusnya menjadi Pensyarah di Kampus Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), sebuah kampus yang melahirkan ramai tokoh ilmuan Islam negara ini seperti Dr. Fauzi Deraman, Dr. Johari Mat, Dr. Halim Mat Diah dan lain-lain lagi. Ketika itu, YPTIK diterajui oleh Allahyarham Ustaz Dato' Yahya Othman yang merupakan antara tokoh tarbiah hebat dalam PAS. Beliau menjadi pensyarah YPTIK dan terus berkhidmat sebagai tenaga pengajar di pusat pengajian tersebut selepas YPTIK menjadi Akademi Pengajian Islam Nilam Puri Universiti Malaya sehingga tahun 1991.

Dengan kemenangan PAS di Kelantan pada tahun 1990, banyak perubahan berlaku dalam pentadbiran kerajaan negeri yang mendukung dasar Membangun Bersama Islam (MBI). Ustaz Mat Iraq dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada tahun 1991 sehingga nama beliau dicalonkan sebagai calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Lundang pada tahun 1994. PRK DUN Lundang berlaku setelah kematian penyandangnya iaitu Ustaz Mawardi Ahmad, cucu Tok Kenali.

BERGELAR WAKIL RAKYAT

Kejayaan beliau memenangi PRK Lundang pada tahun 1994 menjadi langkah pertama beliau dalam arena politik yang melonjakkan namanya dengan cepat. Dengan gaya serban diikat kemas dan tidak lokek berkongsi ilmu dengan masyarakat terutama pada kuliah ilmu, beliau juga kerap muncul di dataran Medan Ilmu bagi menggantikan kuliah Tuan Guru Tan Sri Haji Nik Abdul Aziz (Tok Guru) pada pagi Jumaat. Ini tidak pelik kerana beliau juga sering dirujuk dalam bab ilmu oleh Allahyarham Tok Guru.



Pada Pilihan Raya Umum Malaysia 1995, beliau telah menjadi calon PAS di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kenali dan memenanginya selama dua penggal (sehingga tahun 2004). Dalam masa yang sama, beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Tok Guru. Dalam sejarah politik dan pentadbiran pula, Ustaz Mat Iraq pernah dilantik sebagai Exco Kerajaan Kelantan dari tahun 1995 sehingga 2004. Antara portfolio yang pernah dipegang adalah Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Kelantan, juga Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam, Belia dan Penerangan.

Tokoh ulama yang mempunyai perwatakan sederhana dan zuhud ini sangat menyintai ilmu, beliau turut diamanahkan sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Ketua Dewan Ulama PAS Kelantan, Pengurus Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kelantan, ADUN Lundang (Demit) dan pelbagai tugas serta amanah semasa hayatnya. Murabbi PAS ini mengalami kemerosotan kesihatan selama beberapa tahun akibat serangan angin ahmar dan menghembuskan nafas yang terakhir pada 8 November 2017 di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian.

MENJADI RUJUKAN PEMIMPIN PAS

Jasa Allahyarham terlalu besar khasnya dalam membangunkan acuan dan dasar Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Selain jawatan dalam parti, beliau turut dilantik sebagai ahli Exco hal ehwal agama selepas menang DUN Lundang (Demit). Kebolehan, kebijaksanaan dan ketinggian ilmu dalam agama bukan calang-calang apabila dijadikan pakar rujuk dalam parti PAS dan beliau merupakan seorang ulama memiliki ilmu yang tinggi sebelum zaman Allahyarham Tok Guru lagi.

Dewan Dato Muhammad Daud Al Iraqi

Bandar Baru Kubang Kerian



Menteri Besar Kelantan ketika merasmikan Dewan Dato' Muhammad Daud Al-Iraqi di bandar baru Kubang Kerian sebagai tanda penghargaan buat Tuan Guru Dato' Haji Muhammad Daud Al-Iraqi.

Ketinggian ilmu beliau turut diakui oleh Allahyarham Tok Guru apabila sering kali menjadi pakar rujuk berkaitan beberapa isu agama dan negeri. Perkara itu turut dikongsikan mantan setiausaha politik Menteri Besar Kelantan itu, Annual Bakri Haron dalam penulisannya bertajuk "Cekapnya Nik Aziz Mencerap Orang" pada tahun 2017. Menurut Annual Bakri, Ustaz Mat Iraq adalah salah seorang pilihan Tok Guru untuk ditinjau pendapatnya.

Annual Bakri pernah dua kali diminta membawakan sepucuk warkah ditulis jawi oleh Tok Guru berupa pertanyaan yang memohon pandangan daripada Ustaz Mat Iraq. Sekali, ia dibawa dari Pejabat Menteri Besar dan kali kedua, dari Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Kubang Kerian. Kedua-dua surat itu dibawa ke rumahnya sewaktu Tok Guru mengalami keuzuran. Suasana bertukar warkah tanda meraikan pandangan ini hampir menjadi kelaziman dalam era kepimpinan Tok Guru.

Selain meminta pandangan dan bertukar pendapat, Tok Guru juga suka meminta Ustaz Mat Iraq menjadi imam jika beliau ada bersama dalam apa jua majlis yang melibatkan solat jemaah. Menurut mantan Menteri Besar Kelantan itu, beliau sukakan alunan bacaan al-Quran Ustaz Mat Iraq yang kemas serta lengkok bacannya yang sayu seperti mendengar imam di Iraq.

Mengiktiraf jasa dan kebolehan Ustaz Mat Iraq, Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob dalam satu kenyataan di laman Facebook berkata, jasa Ustaz Mat Iraq terlalu besar dalam pembangunan dasar Islam di Kelantan. Allahyarham adalah seorang tokoh yang terkenal dalam ilmu al-Quran dan menjadi rujukan ramai ilmuan khasnya dalam menentukan hukum yang sukar untuk dibuat keputusan, malah turut menyifatkan beliau sebagai "kamus bergerak" dalam empat mazhab ahli sunah.

DEWAN DATO' MUHAMMAD DAUD SEMARAK MAJLIS ILMU

Jasa dan sumbangan Ustaz Mat Iraq dalam pembangunan agama di negeri ini turut diabadikan pada sebuah dewan serba guna di Bandar Baru Kubang Kerian, Kota Bharu. Dewan yang diberi nama Dewan Dato' Muhammad Daud al-Iraqi itu dibina dengan tujuan menyemarakkan majlis ilmu dan kegiatan sosial lain. Nama tokoh ini dipilih kerana peranannya yang tidak pernah jemu menyebar ilmu agama khususnya di Kelantan. ■

JENAMA KELANTAN

Clerk: Mohd Zailani Abdul Rahman



Kilang Sihhat-Afiat, Batu Melintang, Jeli

SIHHAT-AFIAT

DIBINA ATAS RASA TANGGUNGJAWAB MUSLIM

Islam menetapkan agar kita memastikan makanan daripada hasil yang suci dan halal sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 4 yang bermaksud: "Wahai sekalian manusia, makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik."

Sekiranya melalui Lebuh Raya Timur Barat, kita akan dapat melihat sebuah bangunan yang sederhana besar di lokasi Batu Melintang, Jeli. Tidak ramai yang tahu bangunan tersebut merupakan sebuah kilang milik kerajaan negeri Kelantan dan merupakan satu-satunya tempat pengeluaran air mineral di negeri ini. Sihhat-Afiat Sdn. Bhd. (SASB) dibangunkan atas rasa tanggungjawab Muslim bagi membekalkan produk yang halal dan bersih beroperasi di bawah syarikat Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn. Bhd., salah satu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Mengakui bahawa bidang pengeluaran air mineral dan minuman bukanlah satu kepakaran anak syarikat, namun usaha dan tanggungjawab ini perlu dipikul sementelahnya Allah SWT menganugerahkan kawasan yang memiliki sumber air yang baik dan bersih di negeri ini. Dengan tekad dan usaha, Kelantan memiliki sebuah syarikat yang berasaskan minuman dengan mengorak langkah demi langkah untuk menjadi salah satu pengeluar air mineral terbaik di negara ini.

Sejarah penubuhan

Menurut Pengurus SASB Mohd Zulkifli Mat Noor, asas pembinaan syarikat ini dilihamkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan iaitu Tuan Guru Tan Sri Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang melihat keperluan menyediakan produk makanan dan minuman yang dihasilkan oleh orang Islam sendiri. Ini kerana kebanyakan pemain utama produk air mineral di seluruh

negara datang daripada masyarakat bukan Islam, sedangkan keperluan dan kehendak daripada masyarakat cukup tinggi.

"Tok Guru mahu kita terlibat dalam industri kerana ia adalah tanggungjawab untuk menghasilkan produk daripada orang Muslim sendiri," katanya. Justeru pada tahun 2015, langkah awal dimulakan dengan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) diberi amanah untuk memulakan pembinaan kilang di Jeli dengan keupayaan yang terhad termasuk kakitangan kurang berpengalaman.

Bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu yang melibatkan akta dan isu perundungan syarikat, Aksb tidak boleh meneruskan komitmennya untuk menghasilkan produk air tersebut, sebaliknya satu syarikat baharu ditubuhkan untuk memacu industri air mineral di Kelantan. Kesinambungan daripada itu, SASB ditubuhkan pada tahun 2017 dengan membawa pelabur yang berkeupayaan dari segi kewangan.



Akhirnya pada tahun 2009, syarikat tersebut mula membina telaga dan majlis pecah tanah disempurnakan oleh Allahyarham Tok Guru sebagai simbol permulaan pembinaan dan operasi syarikat tersebut di Kelantan.

Cabarannya pembangunan kilang SASB

Cabarannya bagi sebuah syarikat baharu dibina ialah tidak memiliki kekuatan. Oleh itu, mesin berskala sederhana disediakan bagi permulaan operasi. Cabaran terbesar pada peringkat awal adalah isu kemahiran kerana tidak banyak pihak yang ingin berkongsi kepakaran dalam memastikan perjalanan syarikat berjalan lancar.

Justeru itu, ilmu yang digunakan pada ketika itu adalah mengaplikasikan pengalaman yang diperolehi hasil daripada masalah yang wujud sehingga dapat menguasai sebahagian tatacara proses menghasilkan air mineral yang terbaik. Syarikat ini menasarkan tiga tahun untuk melangkah ke peringkat "growing" yang mana ketika itu syarikat sudah boleh menghasilkan keuntungan yang optimum.

Namun, langit tidak selalunya cerah, pada tahun 2014 (selepas dua tahun beroperasi) syarikat menghadapi masalah besar apabila struktur tebing kilang runtuh selain berlakunya ketidakstabilan sumber air. Kilang tidak terkesan dengan banjir kerana lokasi yang jauh terdedah daripada banjir, tetapi hujan lebat telah mengakibatkan berlaku runtuhannya tebing menyebabkan operasi terpaksa dihentikan seketika.

Seterusnya berlaku perubahan sumber air yang memerlukan proses rawatan air dikaji semula yang



agak memakan masa untuk diperbetulkan. Justeru, proses membaik pulih masalah tersebut memakan masa yang panjang dan menyebabkan fasa untuk melangkah ke seterusnya terpaksa ditangguhkan.

Bagaimanapun, pihaknya tidak berputus asa malah cuba merungkai masalah khususnya isu perubahan sumber air yang merupakan asam garam dalam industri penghasilan air mineral.

Sumber air antara yang terbaik dalam negara

Kelantan masih mengekalkan alam semula jadi dengan menempatkan kawasan hutan yang masih terpelihara. Justeru, SASB sebagai entiti pengeluar air di Kelantan beruntung kerana keadaan ekosistem dan bentuk muka bumi di Kelantan (khususnya daerah Jeli) masih segar sekali gus dapat menghasilkan kualiti antara yang terbaik dalam negara.

Ditambah pula apabila kerajaan Kelantan mengisytiharkan kawasan sekitar kilang di Batu Melintang seluas 200 hektar itu merupakan zon penampang bagi menjelak sebarang salah laku pencemaran di kawasan tersebut yang berada 1,000 kaki dari aras laut dan jauh dari kawasan industri yang mana ia sangat penting bagi menjaga sumber air yang berkualiti.

Dalam masa yang sama, SASB juga mempunyai sumber air telaga dari batu gunung berapi yang dapat membekalkan air mineral yang bermutu tinggi. Justeru, orang ramai diseru untuk menyokong usaha SASB khususnya bagi sektor pengeluaran air mineral.



Pemasaran SASB

Bukan mudah membina dan membangunkan sebuah perniagaan, apalagi ia melibatkan teknologi. Bagaimanapun usaha kakitangan SASB teguh dan tidak mudah mengalah dalam berdepan cabaran. Baru sahaja bertapak beberapa tahun, SASB sudah mampu menyediakan perkhidmatan yang baik kepada syarikat-syarikat yang berpangkalan di Kelantan khususnya dalam membekalkan khidmat air mineral. Antara syarikat terkemuka yang pernah melanggan produk SASB adalah Ko Ummah, Bas Perdana, Hotel Perdana dan lain-lain lagi.

Sebagai entiti perniagaan, SASB mahu meneruskan pengembangan pengeluaran air mineral yang bukan sahaja memenuhi permintaan di Kelantan tetapi seluruh negara pada masa hadapan. Fasa pertama yang dilalui ditempuhi dengan baik bagi kakitangan SASB supaya pengalaman yang diperolehi dapat membantu apabila syarikat mula mengambil langkah untuk mengembangkan operasi dalam masa terdekat.

Fasa kedua melibatkan fasa pertumbuhan dan menjana keuntungan kepada syarikat. Kos yang terlibat dalam fasa kedua berjumlah RM8 juta melibatkan pembesaran dan pembangunan kilang sedia ada, menambah baik mesin dan meningkatkan proses teknologi.

Dengan peningkatan teknologi dan sistem, kos dapat dikurangkan sekali gus dapat menghasilkan air mineral yang memenuhi permintaan industri setempat. Dalam fasa ini, SASB menasarkan untuk mendapat syarikat-syarikat besar dalam menyediakan perkhidmatan air mineral selain menjadi satu-satunya syarikat yang berdaya saing dalam anak syarikat kerajaan negeri.



- 1 Kilang pengeluaran Air Mineral Semulajadi (AMS) yang pertama di negeri Kelantan.
- 2 Operasi pengeluaran produk bermula pada awal Disember 2012.
- 3 Berada di Lot PT4630, Batu 9 Lebuh Raya Timur-Barat, Batu Melintang, Jeli, Kelantan.
- 4 Keseluruhan pekerja tempatan beragama Islam. Pekerja yang berdisiplin dan dedikasi tinggi menghasilkan produk yang bermutu dan diyakini.
- 5 Produk keluaran dalam botol P.E.T saiz 500ml. Saiz-saiz lain akan dikeluarkan secara berperingkat.
- 6 Pembungkusan menggunakan mesin secara automatik terkini.
- 7 Bangunan kilang dibina mengambil kira kehendak dan garis panduan Good Manufacturing Practice (GMP) dan Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP).
- 8 Kapasiti 20,000 – 60,000 botol sehari bergantung kepada permintaan.
- 9 Syarikat mampu menerima tempahan besar dalam tempoh yang dijanjikan.



SEMPADAN LOKASI TUMPUAN PELANCONG DALAM DAN LUAR



Umum mengetahui Kelantan bersempadan dengan Thailand serta mempunyai tiga destinasi tempat membeli-belah menjual aneka barang murah sejak puluhan tahun lalu sehingga menjadi antara destinasi pilihan utama pelancong di negara ini. Justeru tidak hairan kunjungan pelancong ke Kelantan tidak lengkap sekiranya tidak singgah ke tiga kawasan bebas cukai tersohor iaitu Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga.

Rantau Panjang

Rantau Panjang merupakan salah satu daerah yang terdapat di dalam jajahan Pasir Mas. Lokasinya bersempadan dengan negara Thailand menjadikan ia pintu masuk utama ke Malaysia melalui jalan darat yang dihubungkan melalui "Jambatan Muhibbah" dari Rantau Panjang merentasi Sungai Golok. Dari segi geografi pula, kedudukan Rantau Panjang berada di antara Sungai Golok di sebelah barat, Gual Periok di sebelah timur, Alor Pasir di sebelah utara, dan Tanah Merah di sebelah selatan.

Asal usul nama pekan ini dikatakan diambil sempena barisan ataupun susun atur rumah panjang yang dibina ketika pembinaan landasan kereta api di Kelantan. Ini kerana rumah yang dibina ketika itu sangat panjang, maka sesuailah ia dinamakan Rantau Panjang yang bermaksud perjalanan yang panjang.

Jumlah penduduk Rantau Panjang lebih kurang 18,159 orang yang terdiri daripada pelbagai bangsa dengan keluasan 93.37 km persegi dan merupakan daerah kedua terbesar dalam jajahan Pasir Mas. Jarak dari bandar Pasir Mas sejauh 25 km melalui Lebuh Raya Pasir Mas-Rantau Panjang. Selain itu, ia juga boleh dihubungi melalui jalan Rantau Panjang Lama dan Jalan Kesban Jerang Perdah ke Rantau Panjang serta jalan Kesban Rantau Panjang ke Panglima Bayu.

Rantau Panjang mempunyai sebuah pekan kecil yang sedang pesat membangun dikenali sebagai pekan Rantau Panjang yang merupakan salah satu tempat pelancongan terkenal di negeri Kelantan. Aktiviti ekonomi yang paling utama ialah perniagaan di Kawasan Zon Bebas Cukai dan selebihnya sektor awam dan swasta serta pertanian.

Memasuki pintu masuk ke zon bebas cukai, sudah jelas kelihatan deretan gerai dan premis perniagaan yang dibuka kepada orang ramai dengan pelbagai barang jualan oleh peniaga tempatan dan negara jiran.

Pada musim perayaan dan cuti sekolah, jumlah pengunjung akan meningkat apabila orang ramai terutama anak rantau yang pulang berhari raya di kampung halaman berkunjung ke sini untuk membeli persiapan menyambut lebaran.



Menurut cerita penduduk setempat, pekan ini dina-makan Pengkalan Kubor kerana terdapat pangkalan yang digunakan setiap hari bagi menjalankan kegiatan ekonomi mereka. Selain itu, di sini juga terdapat kawasan perkuburan lama yang luas dan besar. Oleh itu tempat ini mendapat nama Pengkalan Kubor.

Kegiatan ekonomi utama yang dijalankan oleh penduduk setempat ialah menjala ikan sungai kerana lokasinya berdekatan sungai Geting yang bersambung terus ke Laut China Selatan. Kegiatan ini dijalankan dengan menggunakan perahu dan bot kecil yang disimpan di jeti ataupun pangkalan. Oleh itu, pangkalan ataupun jeti amat penting bagi aktiviti ekonomi penduduk pada masa dahulu yang mana nelayan akan menjual hasil tangkapan mereka di sini sejurus pulang daripada menangkap ikan.


Keluasan pekan ini ialah 29.6 km persegi dengan jumlah penduduk lebih kurang 30,000 orang. Penduduk di sini terdiri daripada orang Melayu (90%), orang siam (8%) dan Cina serta India (2%).



Pengkalan Kubor

Pengkalan Kubor terletak di utara negeri Kelantan dalam daerah Tumpat merupakan satu lagi tempat membeli-belah Zon Bebas Cukai barang tempatan dan buatan Thailand yang agak tersohor dalam kalangan pengunjung. Lokasinya yang bersempadan dengan negara Thailand (Tak Bai), Narathiwat sebelah barat dan Kuala Tabal di sebelah utara, membolehkan pelbagai barang buatan Thailand dijual di sini termasuklah jersi bola, pakaian celoren, toto, pinggan manguk, periuk belanga, barangan dapur dan sebagainya. Bezanya di sini pengunjung turut berpeluang membeli aneka coklat sepertimana yang dijual di Pulau Langkawi walaupun pilihannya agak terhad.

Kawasan Zon Bebas Cukai Pengkalan Kubor terletak dalam kawasan berpagar yang mana pintu utama hanya dibuka pada pukul 8.00 pagi hingga 5.30 petang. Jadi, pengunjung disarankan datang pada waktu pagi kerana jika terlewat, pintu utama akan ditutup pada pukul 5.30 petang dan semua pembeli akan diarahkan keluar oleh pihak Kastam. Kunjungan ke sini walaupun hampir separuh hari pasti dirasakan seakan seketika sahaja kerana keasyikan memilih serta menyaksikan pelbagai barang dijual di kedai-kedai di pekan ini.



Bukit Bunga

Satu lagi kawasan membeli-belah yang terletak bersempadan dengan negara Thailand ialah Bukit Bunga. Bukit Bunga merupakan sebuah pekan terkenal dengan kawasan membeli-belah yang terletak di bawah pentadbiran pihak berkuasa jajahan Tanah Merah tetapi di bawah parlimen Jeli. Kedudukannya yang strategik di tengah laluan antara pantai Timur, pantai Barat dan utara nyata memberikan kelebihan kepada peniaga yang menjalankan aktiviti berniaga di sini kerana jumlah pengunjung dilihat makin bertambah.

Pekan ini menjadi tumpuan kerana banyak barang dari negara Thailand dibawa masuk dan diniagakan dengan harga yang berpatutan. Susunan barang jualan dengan daya kreativiti tersendiri nyata menarik perhatian pengguna jalan raya untuk singgah melihat barang jualan di sini. Biarpun matlamat asal sekadar melalui kawasan ini pada awalnya untuk ke destinasi tertentu, tetapi ada dalam kalangan pengguna akan berhenti mencuci mata dan seterusnya membeli buah tangan untuk dibawa pulang atau dibawa ke destinasi tujuan.

Biarpun Bukit Bunga masih baharu menjadi kawasan tumpuan pelancong tetapi potensinya untuk berkembang maju dan menjadi destinasi pelancongan lebih tinggi berbanding Rantau Panjang serta Pengkalan Kubor kerana ketika ini terdapat kemudahan jambatan menghubungkan Bukit Bunga dan Buketa. Buketa yang bersempadan dengan Bukit Bunga juga mempunyai jalan raya dua hala serta terdapat pelbagai kemudahan lain yang boleh dimanfaatkan untuk menarik pelancong Thailand ke Malaysia.



Bagi mencapai hasrat tersebut, usaha memperindahkan lagi pintu sempadan dan menyediakan pelbagai kemudahan di sekitar kawasan berkenaan dijalankan secara berperingkat.

Asal-usul nama Bukit Bunga dikatakan diambil sempena kehadiran pelbagai jenis bunga terutama bunga kemboja yang banyak didapati di atas sebuah bukit berhampiran suatu masa dahulu. Bunga-bunga tersebut ditanam oleh seorang raja dari Pattani yang berpindah bersama keluarganya dan telah mendirikan tempat kediaman baharu di atas bukit berkenaan pada awal kurun ke-19.

Terdapat juga versi lain mengenai asal nama bukit tersebut yang dikatakan berasal daripada peristiwa seekor gajah bernama Merbunga yang mati di atas bukit tersebut. Para penduduk kemudiannya memanggil tempat gajah mati tersebut sebagai Bukit Bunga, namun bukit tersebut telah dijadikan tapak Balai Polis Bukit Bunga.

Terdapat pelbagai kemudahan di sini termasuk Hentian Rehat dan Rawat Bukit Bunga, Plaza Indonesia-Malaysia-Thailand Golden Triangle (IMT-GT) dan Pasar Awam Bukit Bunga, Kompleks Imigresen Kastam dan Kuaran-tin (ICQS) Bukit Bunga, pasar raya, bank dan pelbagai lagi.



**"Tiada yang mustahil
asalkan kita tetapkan
matlamat dan berusaha
gigih untuk
mencapainya"**

Datuk Wira Haji (Dr) Ameer Ali Mydin

TIDAK GENTAR DENGAN PERSAINGAN **DATUK AMEER** KOMITED BAWA MYDIN TERBANG TINGGI

Terkenal dengan slogan "Mengapa bayar lebih? Belilah dengan harga borong!" Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN) yang merupakan syarikat pemborong dan peruncit terus kekal utuh dan unggul di Malaysia. Mula bertapak di Kota Bharu, Kelantan dan diasaskan oleh Allahyarham Mydin Mohamed Ghulam Hussein pada Ogos 1957 iaitu bersamaan dengan tahun kemerdekaan, MYDIN terus menjadi pilihan ramai.

Memilih tema "Bermulanya Di Sini", rangkaian pemborong dan runcit halal tempatan MYDIN kini melebarkan sayap perniagaannya dengan membuka cawangan terbesarnya di Kelantan. MYDIN yang dibina di Tunjong, Kota Bharu itu menasarkan hasil jualan melebihi RM15 juta sebulan selain menyediakan 400 peluang perniagaan serta 1,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Nama MYDIN bukan calang-calang apatah lagi dengan pembukaan MYDIN Tunjong yang turut menjadi kebanggaan rakyat Kelantan. Antara keunikan lain yang terdapat di MYDIN Tunjong ialah hasil produk keluaran usahawan tempatan dengan adanya Bazar Siti Hawa yang terletak di aras dua bangunan berkenaan.



Kedai runcit di Jalan Post Office Lama

Allahyarham Mydin
Mohamed Ghulam Husien

BERMULA DENGAN KEDAI RUNCIT PAPAN

Bermula dengan kedai runcit papan pada tahun 1957 di Jalan Post Office Lama, Kota Bharu, MYDIN memulakan perniagaan dengan menjual alat permainan kanak-kanak dan barang am. Sejak itu MYDIN terus berkembang dengan maju dan berjaya. Dengan misi untuk menjadi pengedar terkemuka di dunia yang memberikan perkhidmatan yang kompetitif dan halal di Malaysia, ia kini dikenali sebagai Mydin Mohamed Holdings Berhad.

Kejayaan Mydin untuk kekal utuh sejak lebih enam dekad lalu bukan sesuatu yang mudah terutamanya pada hari ini, yang mana persaingannya cukup sengit. Pasar raya boleh dikatakan semakin bertambah terutamanya di ibu kota dan bandar besar.

Melihatnya sebagai sesuatu yang positif, Pengarah Urusannya, Datuk Wira Haji (Dr.) Ameer Ali Mydin (Datuk Ameer) tidak gentar dengan persaingan malah menganggapnya sesuatu yang baik dan menguntungkan pengguna apabila masing-masing bersaing memberi harga dan kualiti barang yang terbaik. Ikat perkongsian Datuk Ameer bersama Qiadah dalam melebarkan sayap perniagaan MYDIN yang kekal utuh dan terus gah sejak 65 tahun lalu dengan pelbagai cabaran dan pengorbanan tersendiri.

Datuk Wira Haji (Dr) Ameer Ali Mydin &
Datin Wira Dr. Hajah Siti Hawa Mohd
Human Rights Awards 2



Qiadah: Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang dan keluarga Datuk?

Datuk Ameer: Saya dilahirkan di Pulau Pinang pada 4 Jun 1956 tetapi dibesarkan di Kota Bharu, Kelantan. Anak keempat daripada tujuh adik-beradik dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kimia dari Universiti Western Michigan, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Perniagaan Antarabangsa dari Universiti Sonoma State, Amerika Syarikat. Saya mempunyai dua orang anak hasil perkahwinan bersama isteri, Datin Wira Dr. Hajah Siti Hawa Mohd.

Qiadah: Sebagaimana diketahui umum, MYDIN memulakan langkah pertama di Kota Bharu. Boleh Datuk kongsi sedikit sejarah penubuhan MYDIN di Kelantan sebelum melebarkan sayap ke seluruh negara.

Datuk Ameer: MYDIN bermula dengan kedai runcit kecil berdindingkan papan di Jalan Post Office Lama, Kota Bharu yang mana diasaskan oleh arwah bapa, Mydin Mohamed Ghulam Hussein pada Ogos 1957. Pada peringkat permulaan, MYDIN bermula dengan menjual alat permainan kanak-kanak dan barang am.

Qiadah: Bilakah Datuk mula menyertai MYDIN dan mengapa beralih arah daripada bidang perbankan kepada bidang perniagaan?

Datuk Ameer: Selepas pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian di Amerika Syarikat, arwah bapa mengajak saya untuk bekerja bersamanya tetapi pada mulanya saya ingin mencari pengalaman bekerja dalam bidang perbankan dengan memulakan kerjaya sebagai pegawai bank di Arab Malaysian Merchant Bank (kini AmBank) selama lapan tahun sebelum membuat keputusan menceburi bidang perniagaan dan menyertai MYDIN pada tahun 1987.

Qiadah: Datuk ialah orang yang bertanggung-jawab membawa MYDIN ke Lembah Klang. Apa yang mendorong Datuk membuat keputusan yang besar itu?

Datuk Ameer: Ketika itu, saya dan isteri menetap di Kuala Lumpur dan bertitik tolak dari itu, kami sepakat untuk melebarkan sayap perniagaan dengan membuka cawangan di Jalan Masjid India pada tahun 1989.



Gedung borong Mydin di Jalan Masjid India



Pasar Raya Besar Mydin di Tunjong

Qiadah: Bagaimana dengan cabaran yang terpaksa Datuk tempuh dalam usaha mengembangkan perniagaan dan meluaskan rangkaian MYDIN?

Datuk Ameer: Tidak dinafikan terdapat pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan MYDIN termasuk mendapatkan modal daripada pihak bank kerana ketika itu MYDIN hanyalah rangkaian peruncitan yang kecil. Pihak bank tidak yakin dengan kemampuan kami untuk membayar semula pinjaman. Namun Alhamdullilah, kami akhirnya mendapat kepercayaan dari Ambank yang membantu kami meluaskan empayar MYDIN dan membina kejayaan yang dikecapi hari ini.

Qiadah: Apa kekuatan MYDIN dalam usaha menarik pelanggan?

Datuk Ameer: Kekuatan MYDIN adalah teras perniagaan kami iaitu borong dan runcit. MYDIN berusaha untuk menawarkan harga yang sentiasa kompetitif buat pelanggan B40 kerana kami sedar keperluan orang ramai terutamanya (ketika ini) yang bergelut dengan isu kenaikan harga yang telah menjelaskan kuasa beli pengguna. MYDIN juga merupakan pasar raya tempatan dan halal.

Qiadah: Setelah lebih enam dekad bertapak dalam industri peruncitan di Malaysia, boleh Datuk kongsikan kejayaan MYDIN?

Datuk Ameer: Alhamdulillah, Mydin kekal utuh dan

kami telah menyambut ulang tahun ke-65 pada Ogos 2022 dengan 61 cawangan serta hampir 7,000 pekerja di seluruh negara. Semua ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan pekerja dan pelanggan yang masih setia bersama kami. Mereka ialah aset kejayaan kami.

Qiadah: Terkenal dengan harga murah dan berpatutan, bagaimana MYDIN mengekalkannya sehingga kini sedangkan negara berhadapan dengan kenaikan harga barang yang begitu ketara?

Datuk Ameer: Tidak dinafikan, MYDIN turut terkesan dengan situasi semasa namun kami komited membantu rakyat terutamanya golongan B40 untuk menikmati harga yang berpatutan. Kami sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan pembekal yang mampu menawarkan harga yang terbaik termasuk mengimport sendiri barang.

Qiadah: Bagaimana pula dengan persaingan dalam bidang peruncitan termasuk pembinaan pasar raya besar yang dilihat tumbuh bak cendawan selepas hujan di negara kita?

Datuk Ameer: Persaingan merupakan adat dalam bidang perniagaan namun apa yang membezakan MYDIN dan juga pasar raya yang lain adalah teras perniagaan kami kerana MYDIN memfokuskan produk halal. Persaingan yang sihat juga menguntungkan pengguna kerana kami bersaing memberikan harga dan kualiti yang terbaik.



Sambutan ulang tahun Mydin ke-65



Perasmian Bazar Siti Hawa

Qiadah: MYDIN baru sahaja membuka pasar raya terbesar di Malaysia iaitu MYDIN, Tunjong. Kenapa Kelantan dipilih sebagai lokasi penubuhannya dan bagaimana dengan sambutan daripada rakyat Kelantan?

Datuk Ameer: MYDIN Tunjong merupakan cawangan terbesar di Malaysia dengan lebih satu juta kaki persegi dan mempunyai fasiliti surau dua tingkat serta Bazar Siti Hawa (di aras dua) yang menjual hasil produk keluaran usahawan tempatan. Negeri Kelantan sangat dekat di hati MYDIN kerana di sinilah kami bermula dengan membuka cawangan pertama MYDIN. Sebelum memutuskan untuk membuka MYDIN Tunjong, kami telah mengkaji kehendak pasaran dan kuasa beli pengguna. Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat menggalakkan.

Qiadah: Kelantan sering kali dianggap negeri miskin dan ketinggalan dalam pembangunan, tidakkah itu akan memberi kesan kepada penubuhan MYDIN, Tunjong?

Datuk Ameer: Berbalik semula kepada misi MYDIN, kami komited dalam memberikan harga rendah buat pengguna. Rangkaian MYDIN sangat dekat di hati golongan B40 dan berdasarkan kajian pasaran yang kami lakukan, pembukaan MYDIN Tunjong merupakan langkah yang tepat.

Qiadah: MYDIN, Tunjong bukan sahaja dilihat sebagai salah satu pembangunan di Kelantan tetapi juga mampu melonjakkan ekonomi rakyat dengan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk setempat. Apa harapan Datuk dalam perkara ini?

Datuk Ameer: Pembukaan MYDIN Tunjong diharapkan mampu merancakkan perkembangan ekonomi setempat dan mampu memberi peluang pekerjaan kepada anak tempatan. Secara keseluruhannya, pembukaan MYDIN Tunjong telah menawarkan 1,000 peluang perniagaan dan pekerjaan buat warga tempatan. Pada masa yang sama, rakyat Kelantan juga mempunyai pilihan untuk berbelanja pada harga borong dan kompetitif.

Qiadah: Kerajaan telah melancarkan Program Menu Rahmah pada 31 Januari 2023 sebagai satu inisiatif kepada rakyat Malaysia di bawah rancangan Malaysia Madani. Menu Rahmah menawarkan makanan tengah hari atau malam yang seimbang dengan harga yang sangat berpatutan iaitu RM5.00 sepinggan sahaja. Jadi bagaimana pihak Datuk menyahut seruan kerajaan ini?

Datuk Ameer: Kita menyambut baik seruan kerajaan, oleh itu MYDIN telah melancarkan Menu Rahmah dengan harga RM4.90. Walaupun dengan harga bawah RM5.00, anda akan dapat menikmati makanan yang seimbang dan cukup untuk mengenyangkan perut di samping dapat menjimatkan perbelanjaan harian. Bagaimanapun, kita yakin mereka yang berkemampuan tidak akan mengambil kesempatan terhadap set Menu Rahmah yang dijual dengan harga murah yang pada dasarnya bagi membantu golongan miskin tegar. Jadi,

sila dapatkan Menu Rahmah kegemaran anda di pasar raya MYDIN terpilih seluruh negara.

Qiadah: Hampir empat dekad dalam bidang perniagaan. Secara peribadi, boleh Datuk kongsikan resepi kejayaan dalam usaha melebarkan empayar MYDIN?

Datuk Ameer: Apa yang boleh saya kongsikan sebagai seorang ahli perniagaan, anda perlu berkahwin dengan pasangan yang tepat. Saya bersyukur kerana mendapat banyak sokongan dan bantuan daripada isteri. Selain itu, sebagai usahawan kita perlu sentiasa berdisiplin dan mencari rezeki halal serta berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan. Keluarga dan kakitangan juga merupakan aset utama dalam membangunkan dan membina kejayaan MYDIN hingga ke hari ini.

Qiadah: Dunia perniagaan dilihat sebagai batu loncatan untuk kaya dan berjaya. Ini boleh dilihat dengan jelas melalui trend hari ini yang mana ramai dalam kalangan anak muda memilih bermula untuk cepat kaya dan berjaya. Apa komen Datuk dalam perkara ini?

Datuk Ameer: Dalam bermula jangan berharap untuk cepat kaya. Apa yang penting adalah minat yang mendalam dan mempunyai daya tahan yang tinggi untuk kekal bertahan dalam industri. Kekayaan dan populariti akan dicapai kemudian. Usaha mengikut kepakaran kita dan pastikan kita bekerja di lapangan berkaitan sebelum memulakan perniagaan agar tahuerti kesusahan.

Qiadah: Apakah nasihat Datuk kepada usahawan-usahawan muda terutamanya yang baharu berkecimpung dalam bidang ini?

Datuk Ameer: Sentiasa berdisiplin, jujur dan amanah dalam setiap urusan yang dijalankan serta memastikan hasil yang diperoleh adalah halal. Dalam masa yang sama, tetapkan niat bermula untuk membantu orang lain dan bukannya untuk mengejar kejayaan semata-mata. Perniagaan ini bukan sesuatu yang mudah, namun tiada yang mustahil asalkan kita tetapkan matlamat dan berusaha gigih untuk mencapainya.

Qiadah: Apakah harapan Datuk terhadap kerajaan negeri dalam merancakkan pertumbuhan ekonomi Kelantan?

Datuk Ameer: Sokongan daripada pihak kerajaan memainkan peranan yang besar kepada peniaga tempatan untuk terus maju dan mengorak langkah dengan lebih jauh. Bukan hanya pada peringkat nasional tetapi juga negeri, di mana kami bermula. Saya berharap lebih banyak peluang perniagaan ditawarkan oleh kerajaan Kelantan khususnya kepada anak muda. Dengan peluang yang disediakan itu, ia bukan sahaja merancakkan ekonomi tempatan tetapi juga memanfaatkan kepakaran dan kebolehan anak-anak Kelantan yang jelas terbukti bukan biasa-biasa. ■




RANCANGAN KAWASAN KHAS **BANDAR DATO' BENTARA**

Oleh: Shariah Derahman

WAWASAN RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035

“Membangun dan menjadikan Bandar Dato' Bentara sebagai sebuah bandar agro pelancongan serta pusat pembangunan bercampur yang maju dalam menjana aspek ekonomi dengan persekitaran fizikal yang lengkap dan berdaya tahan”



Melalui usaha sama pelaburan antara Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Nextgreen Global Berhad (NGGB), PMBK memainkan peranan dalam mengenal pasti dan menyediakan tanah bersetujuan bagi membangunkan setiap komponen projek dan turut melibatkan peranan anak syarikat PMBK seperti Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd., Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn. Bhd., PMBK Development Sdn. Bhd. dan PMBK Az-Zahab Sdn. Bhd. Manakala NGGB pula bertanggungjawab menguruskan pelaburan kewangan bagi pembangunan projek termasuk kos pengurusan, pengoperasian dan pengekuaran hasil. NGGB juga bertindak memastikan pembangunan projek berjalan lancar sesuai dengan perancangan.

Kejayaan projek ini penting bagi memastikan impak pembangunan Bandar Dato' Bentara yang mampu mendatangkan banyak manfaat kepada kelangsungan dan perkembangan ekonomi serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Usaha secara bersama dan bersungguh-sungguh akan membolehkan projek dan wawasan RKK Bandar Dato' Bentara 2035 dapat dijayakan dengan lebih mudah dan teratur. ■

MAJLIS PERASMIAN PEMBANGUNAN RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA SERTA PUSAT PENGUMPULAN DAN PEMPROSESAN BIOJISIM KELAPA SAWIT



DI SEBALIK TABIR: PERSIAPAN TEMPAT, SOLAT HAJAT DAN RAPTAI MAJLIS



SKIM BANTUAN IMAM AL GHAZALI

**RM1.28 JUTA MANFAATKAN
1825 PELAJAR TERPILIH**



Skim Bantuan Imam Al-Ghazali (SBIAG) merupakan satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang telah dirangka oleh PMBK untuk membantu pelajar-pelajar miskin yang cemerlang dalam bidang akademik.

Bermula 01 Januari 2009, PMBK telah menyalurkan bantuan kewangan secara bulanan sebanyak RM50 kepada 100 pelajar yang terpilih. Jumlah bantuan kewangan dan bilangan penerima bantuan skim ini telah bertambah kepada RM80 dan 150 pelajar bermula tahun 2014.

Dengan adanya SBIAG ini, PMBK berharap agar pelajar-pelajar yang telah terpilih akan mencapai prestasi yang lebih cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan datang dan seterusnya mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS atau luar negara.

 Tarikh dilancarkan: 02 Jamadil Akhir 1430/27 Mei 2009 oleh Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mantan Menteri Besar Kelantan.

 Bantuan diberikan selama dua tahun (Tingkatan 4 & 5).


 Pada awal pelancaran, bantuan ini diberikan kepada 50 orang pelajar sahaja bagi setiap siri.

 Wang bantuan diberikan sebanyak RM50.00 setiap bulan.

 Tahun 2014: Bilangan penerima ditambah dari 50 kepada 75 orang bagi setiap siri.

 Tahun 2019: Wang bantuan dinaikkan dari RM50.00 kepada RM80.00 sebulan.

 Jumlah keseluruhan pelajar sehingga 2022 ialah 1825 pelajar.



**RM 1.28JUTA
SUMBANGAN**



**1,825
PELAJAR**



**RM80.00 x 12
SELAMA 2 TAHUN**



PEMUKIMAN MENTERI BESAR & AGIHAN BAKUL MAKANAN



Bubur Asyura 2022

Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia Kerana Muafakat



Bubur asyura merupakan bubur yang dibuat daripada pelbagai campuran ramuan sinonim dimasak oleh rakyat Malaysia pada bulan Muharam. Setiap negeri pastinya mempunyai resipi yang tersendiri dalam menghasilkan bubur asyura masing-masing. Di Malaysia, terdapat tiga jenis bubur asyura iaitu:

Utara: Teksturnya kental dan boleh dipotong seperti kuih. Campuran beras, tepung, gula, kekacang, pisang, jagung, ubi seperti keladi, keledek dan sangat manis rasanya. Dimasak dengan masa yang agak lama.

Pantai Timur: Teksturnya kental dan seakan kuih talam, perlu dipotong untuk dihidangkan. Bahan yang digunakan agak sama dengan bubur asyura Utara tetapi dimasak bersama tumisan bawang, halia, lengkuas, daging, ayam dan rempah khas. Juga dimasak dengan masa yang lama.

Selatan: Tekstur yang lebih cair dan cair serta tidak manis, sama seperti bubur lambuk cuma ditambah pelbagai jenis kekacang.

Program memasak bubur asyura ini merupakan salah satu aktiviti yang melambangkan perpaduan serta ikatan persaudaraan yang sangat utuh dalam kalangan orang Melayu dari dahulu sehingga kini. Oleh yang sedemikian, bagi meraikan aktiviti yang bermanfaat ini, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Kelab Sukan dan Kebajikan Kaktangan Hospital Tanah Merah bagi menyiapkan 12 kawah bubur asyura pada 26 Muharam 1444 bersamaan 24 September 2022 bertempat di perkarangan Hospital Tanah Merah dan melibatkan hampir 400 orang petugas.

Persiapan rewang bermula sehari sebelumnya dan aktiviti memasak bubur asyura pula bermula seawal pukul 7.00 pagi dan mengambil masa hampir enam jam untuk disiapkan. Pada program ini, PMBK menyumbang bahan mentah bagi tiga kawah bubur asyura serta 30 unit hadiah cabutan bertuah dalam usaha memeriahkan lagi suasana acara gotong-royong. ■

PERSIDANGAN MENDEPANI CABARAN PENGURUSAN ASET

Persidangan Mendepani Cabaran Pengurusan Aset merupakan persidangan yang julung kalinya diadakan oleh Jabatan Audit Dalaman (JAD) PMBK sejak penubuhannya. Persidangan ini telah berlangsung pada 17 hingga 18 Oktober 2022.

Persidangan ini bermatlamat untuk berkongsi pendapat serta pengalaman pengauditan dalam mendepani dan memperkasakan pengurusan aset dengan cemerlang terutamanya dalam Kumpulan PMBK, agensi kerajaan dan juga badan berkanun yang lain di Malaysia.

Objektif persidangan adalah perkongsian pengalaman mengenai teguran audit berkaitan dengan pengurusan aset, memberikan pendedahan berkaitan kaedah menguruskan aset dengan cemerlang, menyediakan satu platform untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai risiko atau akibat tidak menguruskan aset dengan baik, menjalankan jaringan hubungan bersama agensi kerajaan dan badan berkanun serta mempromosikan lokasi dan keunikan negeri Kelantan kepada peserta.

Seramai 44 peserta dari Kumpulan PMBK dan 23 peserta dari luar Kumpulan PMBK termasuklah penyertaan dari negeri Sabah, Pahang dan Perak telah menghadiri persidangan ini.

Persidangan ini telah dijalankan selama dua hari di mana hari pertama peserta telah menghadiri sesi forum yang bertajuk Teguran Audit (Audit Luar dan Dalam) yang menampilkan Hajah Nik Aida Nik Mohamed (Pengurus Kanan Audit Dalaman Kumpulan PMBK) sebagai moderator dan dua orang panel iaitu Hajah Adzlinna Junita Abd Jalil (Partner Tetuan Jalil & Co) dan Haji Asmadi Abd Rahman [Pengurus Kanan Pengurusan Harta Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)]. Forum ini telah mengupas penemuan-penemuan audit luar dan dalam serta kaedah untuk melaksanakan pengurusan aset yang cemerlang.

Pada hari pertama telah diadakan dua sesi perkongsian iaitu Pengurusan Aset Cemerlang serta Pendedahan Risiko dan Akibat Tidak Menguruskan Aset Dengan Baik yang telah disampaikan oleh Sharifah Iryanti Che Hassan (Ketua Penolong Pengarah Audit Cawangan Kelantan) dan Datuk Haji Johari Ismail (Mantan Timbalan Ketua Audit Negara).

Pada hari kedua pula telah diadakan sesi jalinan perhubungan (suai kenal dan bertukar pendapat) antara JAD bersama peserta luar. Selepas itu, para peserta telah dibawa ke sesi Lawatan Kenali Kelantan dengan melawat tempat-tempat menarik seperti Bazar Tok Guru, Kota Warisan, Dataran Rehal dan Pasar Siti Khadijah. ■



AKTIVITI PMBK

Oleh: Mustaqim Isa



HARI Go Green PMBK 2022

Bertemakan "Alam Sekitar Tanggungjawab Kita Bersama", Hari Go Green PMBK telah diadakan pada 2 November 2022 di bangunan PMBK yang melibatkan semua kakitangan. Program anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) ini dimulakan dengan aktiviti senam aerobik di perkarangan parkir dan sarapan seawal pukul 9.00 pagi sebelumnya diteruskan dengan bacaan doa dan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PMBK, Haji Abdul Rashid Mohd Yusoff yang juga merupakan penaung JKKP.

Program diteruskan dengan gimik penanaman pokok oleh penaung JKKP bagi menggalakkan kawasan hijau di sekitar bangunan. Antara pengisian program tersebut adalah pertandingan mengumpul barang terpakai dan juga kitar semula antara jabatan. Pengajuran program ini mendapat sambutan baik oleh kakitangan dan berlangsung dengan penuh meriah. Program diakhiri dengan acara penyampaian hadiah kepada jabatan yang dapat mengumpulkan barang kitar semula paling banyak di sekitar bangunan PMBK. ■



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang TAHUN 2021



Nor Hazwani Mohd Rahim
Pembantu Tadbir Jabatan Undang-undang



Ahmad Sobri Yaacob
Pegawai Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif



Muhamad Bukhari Muhamad Arifin
Penolong Pengurus Audit Dalaman



Nik Aida Nik Mohamed
Pengurus Kanan Audit Dalaman Kumpulan PMBK

Merpati hinggap di singgahsana,
Membawa sepucuk surat bersama,
Sekalung tahniah kerana berjaya,
Moga menjadi inspirasi buat semua.



PPS SEKOLAH KEBANGSAAN LATI



PPS SMK TENGKU PANGLIMA RAJA

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah mengeluarkan amaran hujan sangat lebat berterusan kategori bahaya di Kelantan dan Terengganu pada 18 sehingga 21 Disember 2022. Hujan yang sangat lebat telah mengundang banjir sekali lagi terutama bagi kawasan yang rendah dan telah menjelaskan banyak jalan raya di negeri ini.

Berdasarkan Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Kelantan, Pasir Mas merekodkan mangsa paling ramai iaitu 12,066 orang membabitkan 4,158 keluarga yang ditempatkan di 23 Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Bagi menyahut seruan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyeru bantuan tuala wanita (memandangkan bekalan makanan dan pakaian telah banyak disumbangkan), Kelab Muslimat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (Cempaka) mengambil inisiatif menyumbang tuala wanita sebagai satu tanggungjawab social korporat (CSR). Sumbangan ini telah disampaikan oleh Timbalan Presiden dan Setiausaha Kelab pada 21 Disember 2022 di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Panglima Raja, Sekolah Kebangsaan Lati dan Sekolah Kebangsaan Chicha Tinggi. ■



PPS SEKOLAH KEBANGSAAN CHICHA TINGGI



**PROGRAM
TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT
CEMPAKA
DI PPS TERPILIH**

RUN4 MAHABBAH BERIADAH SAMBIL BEREKREASI



Berorientasikan penjagaan kesihatan dan normalisasi gaya hidup sihat, juga merapatkan ukhuwah antara anggota kerja PMBK, Kelab Mahabbah PMBK telah membuka tirai 2023 dengan pengajuran program Run 4 Mahabbah pada 12 Jamadil Akhir 1444 bersamaan 5 Januari 2023. Program separuh hari yang berlangsung di Taman Tengku Anis, Kota Bharu ini melibatkan penyertaan semua anggota kerja PMBK.

Majlis pelepasan yang telah disempurnakan oleh Wan Husni Wan Osman selaku Ketua Pegawai Operasi PMBK telah berjalan dengan baik melalui konsep berlari dan menang hadiah. Setiap peserta perlu menghabiskan lima kilometer larian bagi muslimin dan muslimat sejauh tiga kilometer menggunakan trek larian/pejalan kaki di taman tersebut.

Program bermula seawal pukul 9.00 pagi dan berakhir pada 12.00 tengah hari. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Haji Abdul Rashid Mohd Yusoff. Kesemua peserta telah berjaya menghabiskan larian sebagaimana syarat penyertaan dan seramai enam orang peserta terawal diberikan hadiah utama.

Run 4 Mahabbah menutup tirainya dengan suatu formula kesedaran kesihatan melalui disiplin diri dan yang penting adalah kebahagiaan melalui rekreatif. ■





IKRAR BEBAS RASUAH

IKRAR DAN JANJI MENOLAK RASUAH

Oleh: Mohd Razmi Yaacob

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). IBR memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para pimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama memegang jawatan tersebut.

Semua warga kerja PMBK telah menandatangani IBR pada 05 Februari 2023 termasuk pengurusan anak syarikat PMBK. Program ini bermula seawal pukul 9.00 pagi dimulai dengan pengisian ceramah integriti bertajuk "Jenayah Senyap Impak Kekal" yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pencegahan, Najwa Mohd Sabry. Selepas itu, Majlis Perasmian IBR telah disempurnakan oleh Rosli Hussain selaku Pengarah SPRM negeri Kelantan. Majlis berakhir pada pukul 12.30 tengah hari dengan sesi bergambar dan pertukaran cenderamata kedua-dua pihak. ■



Ramadan LOMBONG PAHALA

Kongsi Rezeki Kumpulan PMBK Siri 2



Ramadan amat sinonim dengan lombong pahala untuk berkongsi nikmat rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada umat manusia. Sifat dermawan ini merupakan satu sunah dan amalan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) juga turut berkongsi rezeki dengan mengadakan program gotong-royong memasak bubur lambuk dan nasi arab kepada 130 orang yang terdiri daripada pelajar serta kakitangan Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP). Program Kongsi Rezeki Kumpulan PMBK Siri 2 yang diadakan pada 26 Ramadan 1444 bersamaan 17 April 2023 ini merupakan program rentetan yang telah diadakan pada tahun lepas di Sekolah Menengah Integrasi Teras Islam (SMITI) Tahfiz Tok Guru, Pasir Puteh, Kelantan.

Selain gotong-royong, sumbangan berbentuk wang ringgit dan juga barang telah diberikan kepada pihak IDIP. Bagi menghidupkan lagi program tersebut, sesi bacaan al-Quran dan tazkirah Ramadan juga diadakan.

Penganjuran program secara berkumpulan ini dapat menaikkan imej dan salah satu kaedah penjenamaan korporat kumpulan PMBK sejarah dengan teras pekhidmatan yang menitikberatkan hal berkaitan akidah, syariat dan akhlak. ■





MAJLIS MESRA
Aidilfitri
KUMPULAN PMBK



Hari mensyukuri
kejayaan diri
yang kembali ke fitrah.



DIALEK KELANTAN

KATA PENGUAT III

Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam frasa atau frasa adjektif. Terdapat tiga jenis kata penguat iaitu kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas. Dialek Kelantan biasanya menggunakan kata penguat belakang yang membawa maksud sangat atau amat. Di bawah, disenaraikan beberapa perkataan dialek Kelantan yang termasuk dalam kata penguat.

BEYLOK BELEYKAR

SANGAT BERLIKU

Merujuk benda yang sangat berliku seperti jalan atau garisan. Sebutannya 'bey-lok be-ley-kar'.



DEKAT CEH

SANGAT DEKAT

Merujuk jarak yang sangat dekat. Sebutannya 'de-kat ceh'.



JAUH JELAK

SANGAT JAUH

Merujuk jarak yang sangat jauh. Sebutannya 'ja-oh jje-lak'.



BETAK SUWEK/SLOW BETAKK

SANGAT LEMBAP

Merujuk orang atau haiwan yang sangat lembap atau perlahan pergerakannya. Sebutannya 'be-tak su-wek'/'slo be-takk'.



ABIH GHENG

SEMUA KUDRAT

Merujuk individu yang menggunakan semua kudrat yang ada untuk melakukan sesuatu. Sebutannya 'a-bih gheng'.



TUPOL GLEYNYEH

SANGAT TUMPUL

Merujuk sifat benda yang sangat tumpul. Sebutannya 'tu-po gley-nyeh'.



BEKOK CCOBONG

SANGAT BENGKAK

Merujuk jumlah bengkak pada badan yang sangat besar. Sebutannya 'be-kok cco-bong'.

BEKOK BEKENG

BANYAK BENGKAK

Merujuk jumlah bengkak pada badan yang sangat banyak. Sebutannya 'be-kok be-keng'.



KONA LEYPY

SELEKOH BERLIKU

Merujuk selecoh pada jalan atau sungai yang sangat berliku. Sebutannya 'ko-na ley-pey'.



BLANA KOKNA

BANYAK SANGAT

Merujuk jumlah yang sangat banyak. Sebutannya 'bla-na kok-na'.



KUBEY LEMBEY/LANA

SANGAT BERSEPAH

Merujuk keadaan yang sangat berselerak dan bersepah. Sebutannya 'ku-bey lem-bey atau la-na'.





PERLAWANAN BOLING PERSAHABATAN

PMBK VS Pejabat Menteri Besar Kelantan
15 JUN 2023

Lite Superbowl JB 7, Mydin Tunjong



JUARA

NAIB JUARA

TEMPAT KETIGA





بازار توك جورو
BAZAR TOK GURU



Jom Beli-belah

di Bazar Tok Guru

"Ado blako,
bare pun muhoh"

Sabtu sehingga Khamis
9.00 pagi - 5.00 petang



Bazar Tok Guru



bazarviralkelate

Tahniah

IKHLAS DARIPADA



فَرَادَنْ مُسْتَرِي لِسْرَكَلَنْ
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

www.pmbk.gov.my

AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PENGGAL KE-15



YANG AMAT BERHORMAT
Dato' Panglima Perang
Dato' Haji Nassuruddin
bin Haji Daud
MENTERI BESAR KELANTAN

YANG BERHORMAT
Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli
bin Dato' Haji Hassan
TIMBALAN MENTERI BESAR KELANTAN



YB Mejah (B) Dato' Haji Md Anizam
bin Ab Rahman



YB Dato' Dr. Haji Izani
bin Husin



YB Haji Tuan Mohd Saripudin
bin Tuan Ismail



YB Wan Roslan
bin Wan Hamid



YB Hajah Rohani
binti Ibrahim



YB Mohd Arif
bin Mat Daud



YB Zamakhshari
bin Muhamad



YB Hilmi
bin Abdulah



YB Datuk Kamarudin
bin Md Nor